

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KECJJ ABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 13 JUN 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALANNO. 6 HINGGA 123)**

SOALAN NO. 1 DIJAWAB SEKALIDENGAN SOALAN NO. 76, 98,109 DAN 123

SO ALAN NO. 4 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO. 55

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5 [RUJUK

PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SOALAN (6)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
TARIKH : 13 JUN 2011 (ISNIN)
DARIPADA Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

[HULU LANCAT J]

SOALAN

Y.B. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANCAT 1 minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-

- (a) status penstrukturuan semula pengurusan sisa pepejal; dan
- (b) kaedah atau proses yang diguna pakai dalam kitar semula dan guna semula sisa perbandaran

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,
untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Penstrukturuan semula pengurusan sisa pepejal negara melibatkan aspek penstrukturuan perundangan dan institusi. Status penstrukturuan dari aspek perundangan melibatkan penggubalan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah diluluskan di Parlimen dan diwartakan pada 30 Ogos 2007. Kerajaan kini dalam peringkat terakhir proses perbincangan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang telah

melaksana penswastaan interim serta Negeri Kelantan, Terengganu dan Perak bagi menguatkuasakan sepenuhnya Akta 672 ini dalam masa terdekat. Dengan berkuatkuasanya Akta ini, pengurusan sisa pepejal termasuk pengurusan tapak peiupusan sampah akan dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta 672, tanpa perlu diserahkan tapak-tapak peiupusan tersebut kepada Kerajaan Persekutuan. Bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri yang ingin dikecualikan penguatkuasaan Akta 672 pula, tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dilaksanakan sendiri oleh negeri-negeri berkenaan seperti sedia kala.

Dari segi penstrukturran institusi pula, Kerajaan telah menuhuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) yang bertanggungjawab untuk menggubal dan mengawal selia dasar, perundangan, strategi dan pelan tindakan pengurusan sisa pepejal negara. Manakala Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) ditubuhkan untuk melaksana dasar dan menguatkuasakan undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan. Antara fungsi utama PPSPPA termasuk memastikan syarikat-syarikat yang dilantik menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi kehendak rakyat. PPSPPA dijangka akan mengambilalih tugas-tugas pengawalseliaan aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada PBT apabila Akta 672 dikuatkuasakan.

(b) Dalam mengubah dan menganjak minda rakyat ke arah mengamalkan

kitar semula, pelbagai kempen dan program kesedaran telah dianjurkan.

Antara aktiviti yang menjadi tumpuan adalah seperti *composting* untuk menukar atau mengitar semula sisa makanan kepada baja kompos, mengitar semula minyak masak terpakai kepada biodiesel dan mengitar semula sisa pepejal kepada sumber tenaga melalui beberapa teknologi seperti loji rawatan termal dan *Material Recovery Facilities* (MRF).

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

DARIPADA :Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM

[ARAU]

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH :13/06/2011

SOALAN

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta MENTERI KEWANGAN

SOALAN NO: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

menyatakan apakah kelebihan yang akan diperolehi apabila Malayan Banking Berhad (Maybank) memuktamadkan pengambilalihan firma pembrokeran Singapura, Kim Eng Holding Limited.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilalihan Kim Eng Holding Limited merupakan strategi Kumpulan Maybank bagi mengembangkan perniagaan pembrokeran dan perbankan pelaburan di samping membantu Kumpulan Maybank menembusi pasaran ASEAN melalui rangkaian anak syarikat dan cawangan Kim Eng Holding Limited di Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina.

2. Di samping dapat mengembangkan perniagaannya, pengambilalihan ini juga akan melengkapkan platform perniagaan perbankan Kumpulan Maybank dengan menyediakan peluang perniagaan perbankan pelaburan dan pembrokeran saham bagi pasaran serantau. Ini dapat memperkuuhkan kedudukan Maybank untuk menjadi antara kumpulan perbankan terunggul di rantau ASEAN.

SOALAN NO: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PAD A: Y.B. TUAN SIM TONG HIM

TARIKH: 13 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tentang pencapaian program “*Work at home*” sejak pelaksanaan program ini

- (a) nyatakan jumlah peserta mengikut setiap negeri; dan
- (b) berapa jenis kerja yang sedang dijalankan oleh peserta dan nyatakan kawalan dan urusan Kementerian atas program ini.

PR-1242-L44447

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Pekerjaan secara “*Work at home*” ataupun “*homeworking*” merupakan satu pilihan kepada pekerja yang mahu bekerja di rumah mengikut kesesuaian masa sendiri bagi mendapatkan pendapatan tambahan. Berdasarkan buku panduan “*homeworking*” yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja pada tahun 2008,

“homeworking” bermaksud, kerja-kerja yang ditawarkan oleh syarikat sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga yang dijalankan secara individu atau berkumpulan di premis tertentu.

2. Semenjak program “*Work at home*” ini dilancarkan pada Oktober 2008 sehingga April 2011, sebanyak 177 syarikat telah mengambil bahagian dengan menawarkan pekerjaan kepada 3317 orang yang terdiri daripada suri rumah, ibu tunggal, OKU dan keluarga miskin. Jumlah peserta mengikut negeri adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Program “homeworking” - Jumlah Peserta Mengikut Mengikut Negeri Sehingga April 2011

BIL	NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	BILANGAN PESERTA					
			OKU	SURI RUMAH	IBU TUNGGAL	KELUARGA MISKIN	LAIN-LAIN	JUMLAH
	PERLIS	1		4				4
	KEDAH	24		306	2	15		323
[4]	PULAU PINANG	10	6	15			6	27
	PERAK	17	15	151	12	2		180
	KUALA LUMPUR	5	4	6				10
	IB SELANGOR	27		1143	14	7		1164
	■ HH NEGERI MELAKA	7	3	12	4	5		24
	PAHANG	17		55			1	55
	MELAKA	8		294			32	326
	JOHOR	34	21	556	60	11		648
	KELANTAN	3		160	320			480
i	TERENGGANU	24	9	25	29	12	1	76
	JUMLAH	177	58	2727	441	52	39	3317

NO. AUM : 9

NO. AUP : 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

LISAN

PERTANYAAN DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

DARI PAD A 13 JUN 2011

TARIKH 3646

RUJUKAN SOALAN:

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan**

- (a) jumlah pengguna yang melayari Laman Web Online Application Jabatan Imigresen untuk semakan Entry Permit Application Status(SSPPM) bagi tahun 2010 dan 2011; dan
- (b) sejauh manakah keberkesanan semakan tersebut kepada pemohon untuk mengelak keadaan di mana kesibukan pegawai sehingga talian hotline tidak dijawab.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tanjung Piai yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengguna yang melayari laman web Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tujuan untuk menyemak status permohonan permit masuk bagi tempoh Februari sehingga Disember 2010 adalah 28,782 orang dan bagi tempoh Januari sehingga Mei 2011, sejumlah 22,849 orang pengguna telah menggunakan sistem ini.

Seiring dengan dasar Kerajaan untuk memperkenalkan perkhidmatan atas talian (*online*) kepada orang awam, Kementerian juga telah memperkenalkan sistem ini bagi tujuan memberi kemudahan kepada pemohon-pemohon permit masuk untuk mendapatkan status permohonan mereka tanpa perlu menghubungi talian hotline atau hadir di kaunter-kaunter imigresen. Kaedah ini juga telah berjaya memberikan impak yang positif serta *win win situation* di mana, pegawai-pegawai jabatan dapat memberi fokus kepada tugas hakiki untuk memproses permohonan-permohonan yang diterima dan sebaliknya pemohon pula dapat sentiasa mengikut perkembangan status permohonan mereka dengan mudah dan pantas. Kerajaan berharap dari masa ke semasa kemudahan semakan secara *online* ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pemohon kerana, bukan sahaja ia mudah dan pantas tetapi dapat membantu mengurangkan

kos perjalanan serta menjimatkan masa pemohon untuk hadir ke pejabat imigresen bagi menyemak status semasa permohonan.

NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
TARIKH	13 JUN2011 (ISNIN)
SOALAN	NO. 10

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan institusi-institusi pengajian tinggi (IPTA/IPTS) dan keluasan tanah yang dimiliki mengikut negeri-negeri dan nyatakan jumlah cukai tanah yang perlu dibayar oleh institusi terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 jenis hak milik tanah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu tanah yang didaftarkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan tanah yang didaftarkan di atas nama IPTA itu sendiri. Cukai tanah milik PTP yang dipajakkan kepada IPTA dibayar oleh pihak IPTA, manakala cukai tanah bagi tanah tanpa pajakan dibayar oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian

(JKPTG). Selain itu, cukai tanah bagi tanah milik IPTA pula akan dibayar oleh pihak IPTA sendiri. Kadar cukai tanah bagi IPTA adalah berbeza-beza mengikut negeri iaitu sekitar RM0.39 hingga RM2.60 setiap meter persegi.

Cukai tanah bagi IPTS pula dibayar oleh IPTS masing-masing tanpa menggunakan dana Kerajaan.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**:Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH UASIN]
:LISAN
DARI PAD A :13/06/2011**

**PERTANYAAN SOALAN
TARIKH**

**Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta MENTERI
KEWANGAN**

menyatakan potensi impak cadangan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membuka pejabat perwakilannya di Beijing dari segi urusan tukaran wang, menarik pelaburan dan prestasi perdagangan dua hala Malaysia dan China.

JAWAPAN DILULUSKAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia (BNM) di Beijing adalah bertujuan untuk memperkuatkan lagi hubungan antara Malaysia dan China, serta meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua bank pusat dalam menggalakkan penggunaan ringgit dan yuan sebagai pembayaran bagi urusan perdagangan. Langkah ini akan seterusnya menyumbang kepada peningkatan perdagangan dua hala Malaysia dan China. Sejak tahun 2000, perdagangan Malaysia dan China telah berkembang sebanyak 517% kepada RM147 bilion pada akhir 2010 dan menyumbang sebanyak 12.6% daripada jumlah dagangan negara dan merupakan rakan dagang terpenting Malaysia. Manakala, bagi tempoh Januari 2011 hingga April 2011, nilai dagangan Malaysia dan China adalah berjumlah RM50.5 bilion.

2. Penubuhan pejabat perwakilan ini juga akan berfungsi sebagai titik perhubungan antara BNM dengan agensi-agensi pengawalseliaan, pelabur dan institusi-institusi pasaran kewangan di China. Selain itu, ia juga akan membantu

mengeratkan lagi usaha sama antara Malaysia dan China bagi mengukuhkan rangkaian sektor kewangan, memajukan peluang pelaburan dua hala, mempertingkatkan kerjasama dalam inisiatif bina upaya perbankan pusat dan meningkatkan kerjasama serantau.

Althl

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD	TUAN CHARLES ANTHONY A/L
A	R.SANTIAGO KLANG
KAWASAN	13.06.2011 (ISNIN)
TARIKH	1Z
NO. SOALAN	

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan perkembangan terkini dalam perundingan FTA Trans Pacific Partnership. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuka perolehan Kerajaan, perkhidmatan kesihatan, khususnya perubatan dan Intellectual Property Rights.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Trans-Pasifik atau dengan izin, *Trans-Pacific Partnership (TPP) Agreement* telah diadakan sebanyak enam pusingan. Pusingan keenam rundingan ini telah berlangsung di Singapura dari 28 Mac hingga 1 April 2011, dan pusingan seterusnya (iaitu pusingan ketujuh rundingan) akan diadakan di Bandar Ho Chi Minh, Viet Nam dari 20 hingga 24 Jun 2011.

Rundingan TPP merangkumi 20 Kumpulan Kerja yang merundingkan pelbagai bidang termasuklah Akses Pasaran, Perkhidmatan, Pelaburan, Polisi Persaingan, Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek, Buruh, Alam Sekitar, Kerjasama dan Bina Upaya, Remedii Perdagangan serta Isu-Isu Melintang atau *Horizontal Issues*, dengan izin.

Kesemua kumpulan kerja telah mula membincangkan secara substantif cadangan-cadangan teks daripada kesemua negara anggota TPP. Kumpulan-kumpulan kerja Akses Pasaran bagi Barang, Pelaburan, Perkhidmatan dan Perkhidmatan Kewangan pula telah mula membincangkan tawaran-tawaran permulaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan TPP turut merangkumi bidang Perkhidmatan, Perolehan Kerajaan dan Hak Harta Intelek. Walau bagaimanapun, rundingan ke atas proses liberalisasi bidang-bidang ini masih di peringkat awai. Sebarang keputusan untuk membuka pasaran tempatan di bawah bidang perolehan kerajaan adaiah tertakluk kepada fiksibiliti yang dirundingkan oleh Malaysia dan tidak akan menjaskan dasar sedia ada untuk memberi keistimewaan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan.

Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam melindungi hak dan kebajikan rakyat serta industri dan peniaga tempatan serta faedah yang boleh diraih oleh negara semasa merundingkan TPP dan perjanjian perdagangan bebas yang lain.

Seperti dalam mana-mana rundingan perjanjian perdagangan bebas, pihak Kerajaan juga prihatin dengan kepentingan bidang perkhidmatan kesihatan, khususnya perubatan. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa akan memastikan kuasa dan hak Kerajaan tidak terjejas dalam situasi untuk melindungi kesihatan awam.

Tuan Yang DI Pertua,

Bagi memenuhi tujuan tersebut, Kerajaan akan membuat keputusan mengenai liberalisasi pembukaan pasaran tempatan dalam mana-mana bidang berdasarkan input daripada semua pihak. Konsulfasi dengan pelbagai pihak atau *stakeholders*, dengan i;zin,, yang merangkumi pihak swasta;, Kerajaan dan badan bukan Kerajaan dilaksanakan secara berterusan, bagi mengetahui pasti kos dan manfaat ekonomi serta implikasi kepada Industri dalam menyertai rundingan TPP, malahan juga Untuk membantu menyediakan pendirian dan strategi Malaysia semasa rundingan.

NO SOALAN :
13

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DEWAN
PERTANYAAN
RAKYAT

LISA
MB DATUK HAJI MOHAMED BIN
HAJI AZIZ
(SRI GADING)

TARIKH

13.06.2011
(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah bekas pelatih khidmat negara sejak PLKN diperkenalkan hingga tahun 2010 dan apakah ukuran kejayaan program ini serta apakah tindakan susulan bagi memanfaatkan tenaga yang ramai

ini dalam pembangunan sosial negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga tahun 2010, seramai 519,828 remaja telah mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang cintakan negara, bersatu padu, mempunyai semangat kesukarelaan, berperwatakan positif, cerdas serta mempunyai keyakinan diri.

Justeru itu, bagi memastikan objektif PLKN tercapai, penilaian *outcome* keberkesanan latihan PLKN dilaksanakan secara berterusan melalui Kajian Persepsi Pelatih yang djalankan pada setiap kumpulan. Pencapaian melebihi 80% adalah merupakan penanda aras kejayaan program ini. Dari tahun 2004 sehingga tahun 2010, purata pencapaian program dalam meningkatkan semangat patriotisma adalah sebanyak 87.05%, semangat kesukarelaan adalah sebanyak 85.56%, peningkatan jati diri pelatih adalah sebanyak 91.19%, mengukuhkan integrasi kaum sesama pelatih adalah sebanyak 89.29% dan lain-lain faedah berdasarkan objektif pelaksanaan PLKN adalah sebanyak 87.63%.

Di samping itu, Kementerian Pertahanan juga telah melaksanakan Kajian Kuantitatif dan Kualitatif terhadap Keberkesanan PLKN dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil kajian kuantitatif mendapati lebih daripada 80% daripada 61,950 orang responden bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan yang positif kepada pelatih. Bagi penilaian aspek kualitatif terhadap 11,138 soalan terbuka pula menunjukkan bahawa peratus maklumbalas atau cadangan tertinggi yang diterima adalah penerusan PLKN iaitu sebanyak 21.96%.

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah merangka pelbagai rancangan serta menawarkan penglibatan aktif di kalangan bekas pelatih sendiri

dengan memperkasakan alumni PLKN. Sekretariat Alumni PLKN telah berjaya dilancarkan serta melaksanakan siri perjumpaan Alumni di setiap zon di seluruh Negara yang bertujuan untuk menyemarakkan semangat bekas pelatih mahupun pelatih yang sedang menjalani latihan PLKN untuk terus menyokong dasar Kerajaan ke arah pembangunan sosial Negara.

Selaras dengan Dasar Pembangunan Belia Negara, Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial yang diperkenalkan di dalam PLKN adalah bertujuan untuk menanam kesedaran dan pengetahuan kepada pelatih agar gejala sosial di kalangan remaja dapat dibendung seterusnya melahirkan generasi belia lebih sihat dan bijak.

JLKN turut membuat penambahbaikan ke atas Modul Pembinaan Karakter dengan memperkenalkan sub-modul Budaya Kerja selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2010 yang telah mula dilaksanakan bermula PLKN Kumpulan 1 siri 8/2011. Sub-modul ini adalah bertujuan untuk membudayakan etika kerja profesionalisme di kalangan pelatih sebagai pendedahan awal terhadap kepentingan perubahan sikap agar dapat menyesuaikan diri di alam pekerjaan yang sebenar.

Secara asasnya, objektif sub-modul ini diperkenalkan adalah untuk meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama di kalangan remaja di dalam usaha melahirkan warga kerja yang profesional. Penambahbaikan ini mampu melahirkan modal insan yang dapat meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia menuju ke arah Negara Maju 2020 sebagaimana Pelan Transformasi Kerajaan (GTP).

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

POKOK

SENA 13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DA TO' HAJI MAHFUZ BIN JUN 2011

OMAR

I

KAWASAN

TARIKH

N

IN)

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapakah jumlah perlaksanaan projek RMKe-10 yang dilaksanakan oleh JKR mengikut perlaksanaan 2 tahun *rolling plan* bermula 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2011 Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana telah diamanahkan untuk melaksanakan sebanyak 462 projek Kerajaan untuk Tempoh Separuh Pertama, RMKe-10. jumlah projek tersebut melibatkan 20 kementerian/Agensi Pelanggan dengan nilai keseluruhan projek yang diluluskan ialah sebanyak RM22.5 bilion.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 241 projek atau 52% dari jumlah keseluruhan projek dengan nilai kos projek sebanyak RM991 juta merupakan projek di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Manakala kementerian-kementerian dan Agensi Pelanggan utama yang lain yang projek mereka dilaksanakan oleh JKR ialah Kementerian Kerja Raya sendiri - melibatkan bilangan 42 projek bernilai RM3.92 bilion, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (41 projek, RM940 juta), jabatan Perdana Menteri (38 projek, RM4.61 bilion), Kementerian Dalam Negeri (22 projek, RM468 juta), Kementerian Kesihatan (14 projek, RM1.01 bilion); dan Kementerian Pengangkutan (7 projek, RM7.95 bilion).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan projek yang diluluskan itu ialah untuk menampung unjuran kewangan

(*cashflow*) dan pelaksanaan projek bagi tempoh 2 tahun pertama RMKetO sahaja, iaitu tahun 2010 dan 2011.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 15

NO. AUP : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

TARIKH : 13 JUN 2011

RUJUKAN : 3913

SOALAN:

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) kadar kemalangan jalan raya dan kadar kematian Januari hingga

April 2010 dan 2011; dan

- (b) nyatakan apakah perancangan dan tindakan serius Kerajaan bagi mengatasi isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jempol yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kemalangan jalan raya yang dicatatkan pada bulan Januari hingga April 2010 adalah sebanyak **134,831** kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,297** jumlah kematian telah dicatatkan. Jumlah kemalangan jalan raya ini mencatatkan peningkatan kepada **141,058** kes dalam tempoh yang sama tahun 2011. Walau bagaimanapun, kes kematian yang dicatatkan daripada jumlah tersebut menunjukkan penurunan kepada **2,149** orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Antaranya ialah:-

- 1) Melancarkan kempen-kempen keselamatan jalan raya untuk memberikan kesedaran secara optimum kepada pengguna-pengguna jalan raya;

- 2) Kehadiran anggota polis secara fizikal (*omnipresence*) untuk tujuan *fear of crime* dan boleh menimbulkan satu persepsi kepada pemandu-pemandu yang tidak berhemah bahawa mereka sentiasa diperhatikan;
- 3) Mengadakan operasi secara bersepada bersama agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk menguatkuaskan undang-undang ke atas pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan;
- 4) Mengadakan kawalan lalu lintas yang lebih kerap terutamanya semasa kesesakan dan musim-musim perayaan;
- 5) Mengukuhkan kerjasama dengan pihak media dan pengurusan lebuhraya bagi menyalurkan maklumat waktu perjalanan yang sesuai kepada pengguna jalan raya; dan
- 6) Mengetatkan proses pemeriksaan kenderaan di Puspakom supaya kenderaan yang digunakan disahkan selamat berada di atas jalan raya.

NO.AUM : 33

NO. AUP : It

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARI PAD A	DATO¹ TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING]
TARIKH	13 JUN 2011
RUJUKAN	3648

SOALAN:

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian telah merombak sistem kenaikan pangkat jawatan Pengarah di PDRM kerana akhir- akhir ini perlantikan pegawai tinggi PDRM dibuat tanpa pengesahan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.

JAWAPAN :
Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Baling yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, bidang kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis adalah berdasarkan kepada Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan iaitu menguruskan pelantikan, pengesahan ke jawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan tindakan tatatertib bagi semua pegawai kanan dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sehubungan dengan ini, semua urusan pemangkuhan dan kenaikan pangkat pegawai kanan polis terutamanya pengisian jawatan Pengarah Jabatan di dalam PDRM adalah diluluskan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atas perakuan Ketua Polis Negara.

SOALAN17

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
PERT
DEWAN
RAKYAT**

DARIPADA Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
[LEDANG]

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN MEMINTA MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

Tentang rancangan menyeluruh untuk menjadikan Gunung Ledang sebagai destinasi pelancongan utama dalam negara dan bagaimana serta bila destinasi dan program pelancongan tersebut dimasukkan dalam Kalendar Pelancongan Kebangsaan.

JAWAPAN di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Ledang, Gunung Ledang adalah salah satu dari **10 ikon pelancongan Negeri Johor** yang dipromosikan oleh Tourism Malaysia bagi menarik minat para pelancong dari dalam maupun luar negara.

Gunung Ledang adalah salah satu destinasi pelancongan alam semulajadi yang unik kerana ia mengandungi jenis-jenis flora dan fauna yang endemik yang sememangnya menjadi tarikan utama para pelancong. Selain itu, Gunung Ledang mempunyai warisan tersendiri yang diminati oleh pelancong-pelancong tempatan.

Oleh itu, dalam **Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9)** yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah **RM8 Juta** untuk menaik taraf infrastruktur pelancongan di Gunung Ledang. Projek ini, antara lain, melibatkan pembinaan dewan seminar, penyediaan tempat letak kereta dan pusat informasi. Pelaksanaan projek pelancongan ini bertujuan menyediakan kemudahan pelancongan yang mencukupi bagi menjamin keselesaan, keselamatan dan kepuasan para pelancong.

Kerajaan telah menganjurkan Festival Seni Gunung Ledang 2011 yang telah berlangsung pada 13-15 Mei 2011 sebagai langkah mengetengahkan keunikan Gunung Ledang. Acara tersebut secara langsung telah memberi liputan mengenai aktiviti seni dan budaya tempatan sekaligus menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara untuk mengunjungi tapak seni budaya yang bersejarah itu. Festival tersebut juga bakal dijadikan sebagai acara tahunan supaya dapat terus memperkenalkan Gunung Ledang sebagai tempat tumpuan pelancong.

Selain daripada itu, Gunung Ledang juga turut dipromosi melalui brosur info pelancongan Tourism Malaysia dan sekaligus memperkenalkan produk pelancongan ini kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DR. LO' LO¹ BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah

NO. SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Kerajaan telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Dewan Perniagaan Industri German (MGCC) untuk mewujudkan industri tenaga solar secara besar-besaran di negara ini serta apakah tidak wujud lagi teknologi tempatan dari kajian akademik dan dibangun atau dimajukan oleh industri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini telah mula mengadakan hubungan kerjasama dengan Pihak *European Union* (EU) dalam bidang Teknologi Hijau sejak penubuhan Kementerian ini pada April 2009. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak mempunyai sebarang bentuk kerjasama secara terus dengan Dewan Perniagaan Industri German (MGCC) untuk mewujudkan industri tenaga solar secara besar-besaran di negara ini.

Antara aktiviti kerjasama yang telah dilaksanakan adalah sesi Dialog Y.B. Dato' Sri Menteri dengan Duta-duta EU ke Malaysia di Putrajaya pada 29 September 2009. Dalam sesi dialog tersebut, kedua-dua pihak telah bertukar pandangan mengenai peluang kerjasama yang ada di antara Malaysia dan EU. Manakala aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di bawah kerjasama ini, antara lainnya, adalah:

- (i) sesi pertukaran maklumat antara Agensi Kerajaan melalui pelaksanaan Bengkel *MY-EU Cooperation in Green Technology*;
- (ii) *penganjuran International Greentech & Eco Products Exhibition and*

Conference (IGEM) 2010 yang melibatkan penyertaan syarikat-syarikat EU; dan

(iii) *MY-EU Green Technology Business Platform*

Acara tersebut telah dihoskan oleh Kedutaan EU dan EU-Malaysia *Chamber of Commerce and Industry* (EUMCCI) dengan tujuan memberi pendedahan mengenai pelaksanaan dasar dan hala tuju kerajaan dalam bidang teknologi hijau kepada syarikat-syarikat EU yang berminat untuk beroperasi atau melabur di Malaysia.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menggalakkan usaha-usaha bagi melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development - R&D*) yang berkaitan dengan solar termasuk oleh pusat-pusat pengajian tinggi

negara. Walau bagaimanapun, setakat ini kesemua projek-projek R&D ini masih di peringkat pra-pengkomersilan (*pre-commercialization*).

Selain daripada projek-projek R&D di bawah MOSTI, telah terdapat teknologi tempatan dalam modul solar PV dan beberapa komponen lain dalam skala yang kecil. Bagi memenuhi jurang teknologi solar tempatan, Kementerian dengan kerjasama MOSTI akan mewujudkan *roadmap* teknologi solar negara bagi memperkembangkan teknologi tempatan yang sedia ada serta membangunkan komponen-komponen yang berpotensi dalam usaha mengurangkan kos penjanaan tenaga solar tempatan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 13 JUN 2011 [ISNIN]

SOALAN:

Y.B Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang menyediakan Akta Halal bagi membolehkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menguatkuasakan sendiri undang-undang berkaitan pengeluaran logo halal di

NO. SOALAN: 19

Malaysia.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B) , MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam mengawalselia dan memastikan produk-produk yang ada di pasaran adalah bersih dan menepati piawaian serta *standard* yang telah ditetapkan. Dalam melaksanakan usaha dan mencapai matlamat tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Kementerian Kesihatan, Jabatan Veterinar dan sebagainya telah berjaya mencipta suatu sinergi kerjasama yang amat cemerlang. Di peringkat negeri pula, JAKIM telah mendapat sokongan dan kepercayaan yang amat baik daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri. Hasil daripada kesepakatan kesemua pihak tersebut, logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM telah mendapat kepercayaan yang amat tinggi di kalangan pengusaha industri.

Bagi meneruskan kecemerlangan tersebut, Kerajaan komited dengan cadangan supaya JAKIM diberi peranan secara terus untuk menguatkuasakan sendiri undang-undang berkaitan pengeluaran logo halal di Malaysia. Melalui cadangan tersebut, Kerajaan berkeyakinan bahawa ia dapat memantapkan lagi pensijilan halal Malaysia dengan memberi kuasa undang-undang kepada JAKIM atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa di bawah akta yang akan diwujudkan nanti untuk mengawal serta menyekat sebarang penyalahgunaan perbahasaan halal termasuklah penyalahgunaan logo halal dan sijil halal.

Pada masa sekarang, Kerajaan sedang dalam peringkat kajian untuk menyediakan konsep asas bagi pewujudan undang-undang tersebut bagi memastikan undang-undang yang akan digubal nanti adalah lengkap, komprehensif dan merangkumi kesemua elemen sinergi kecemerlangan sebagaimana yang dinyatakan di atas dan mematuhi pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Agama Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN MAN 1C KAV AS AG AM**
A/L SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH **13 JUN 2011**

SOALAN **Meminta MENTERI PELANCONGAN**
menyatakan:

Jumlah Rumah Homestay yang tersebut di daerah Klang dan di Negeri Selangor serta jumlah perbelanjaan dari Kementerian untuk mempromosi Program Homestay sejak dilancarkan. Nyatakan faktor-faktor akan rendahnya bilangan Homestay di Selangor berbanding negeri lain.

TUAWARAN-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kapar, sehingga 31 Mac 2011, Kementerian Pelancongan telah mendaftarkan sebanyak 15 perkampungan Homestay di Negeri Selangor yang melibatkan 458 orang pengusaha Homestay dan menawarkan sebanyak 660 buah bilik kepada para pelancong. Menurut rekod Kementerian Pelancongan, tiada Homestay didaftarkan di daerah Klang kerana tidak ada permohonan daripada penduduk kampung di daerah tersebut setakat ini.

Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia dengan kerjasama Persatuan Homestay Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan Pengalaman Homestay Malaysia atau "Malaysia Homestay Experience" dengan izin, kepada para pelancong di dalam dan luar negara. Kementerian Pelancongan juga telah membelanjakan sebanyak RM27.4 juta bagi mempromosikan produk Homestay sejak tahun 2008 sehingga kini.

Prinsip utama dalam mewujudkan sesebuah Homestay adalah kesediaan secara sukarela serta minat sesebuah masyarakat kampung untuk menyertai Program Homestay. Sehingga kini,

sebanyak 144 perkampungan Homestay telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelancongan di seluruh Malaysia dan Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan Homestay ketiga terbesar di Malaysia selepas Negeri Sabah dan Sarawak. Sekiranya terdapat permohonan bagi menambahkan bilangan Homestay di Negeri Selangor terutama dari daerah Klang, Kementerian ini akan meneliti permohonan tersebut dengan mengikuti Garis Panduan Pendaftaran Homestay yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)
TARIKH	13 JUN 2011
SOALAN	24

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**
menyatakan:-

- a) apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan terhadap

isu golongan muda berhijrah dari kampung ke bandar meninggalkan bendang dan kebun (yang diusahakan oleh nenek moyang mereka) kerana ketiadaan kemudahan jalan raya, sepetimana yang dialami oleh Orang Ulu dan Dayak di Sarawak; dan

- b) Bagaimakah program "*touch point*" dimanfaatkan kepada golongan ini dan dapat mengubah fenomena di atas.

Tuan Yang di Pertua,

Selaras dengan teras pembangunan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar, dan Model Baru Ekonomi Luar Bandar, Kerajaan merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk luar bandar. Usaha yang dijalankan, antara lain bertujuan membendung penghijrahan terutamanya di kalangan golongan muda dari kampung ke bandar. Mengambil kira cabaran yang dihadapi dalam persekitaran global yang semakin mencabar, Kementerian mengambil pendekatan dan menyusun beberapa strategi utama berteraskan kepada ekonomi berimpak tinggi seperti berikut:

1. penerokaan aktiviti ekonomi bernilai tinggi;
2. pengukuhan kekuatan sedia ada dan peluang potensi baru;
3. pemantapan sistem rantai nilai secara menyeluruh;
4. mewujudkan aktiviti ekonomi nilai tambah;
5. memperluaskan penglibatan sektor swasta dalam aktiviti ekonomi luar bandar;

6. mengoptimumkan penggunaan tanah;
7. pembudayaan aplikasi teknologi terkini bagi meningkatkan produktiviti;
8. pengukuhan koordinasi antara agensi;
9. memperkasa ekonomi melalui pembentukan modal dan dana kewangan dari kerajaan dan swasta; dan
10. pembangunan modal insan luar bandar.

Usaha Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar supaya fenomena penghijrahan ke bandar dapat dielakkan, memerlukan masa yang panjang dan komitmen yang berterusan. Melalui usaha jangka panjang ini, adalah diyakini peningkatan aktiviti ekonomi di luar bandar akan memudarkan atau mengurangkan tarikan bandar kepada golongan muda pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan telah memulakan langkah dalam menyediakan prasarana asas melalui Program Pembangunan Infrastruktur Asas Luar Bandar sejak Rancangan Malaysia Pertama lagi. Seiring dengan pelaksanaan ini, Kerajaan juga turut memberikan perhatian terhadap pelaksanaan pembangunan modal insan dan pembangunan ekonomi.

Menyedari halangan yang dihadapi dalam melaksanakan sesuatu program, maka Kerajaan telah mengambil pendekatan berdasarkan kepada keperluan kumpulan sasar. Sehubungan itu, Kementerian memberikan perhatian mengenai keperluan melakukan perubahan sikap dan mengadakan hubungan langsung dengan penduduk luar bandar. Untuk tujuan tersebut, Kementerian telah mengenai pasti Projek '*Touch Point*' yang merupakan projek-projek yang menekankan konsep '*people-oriented development*' dan '*development with a human touch*' serta memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Melalui program ini Kementerian telah melaksanakan tiga program utama iaitu Pembangunan Modal Insan, Pembangunan Sosial dan Institusi serta Pembangunan

Ekonomi dan Keusahawanan di mana antara sub program yang dilaksanakan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Sistem e-Kebun dan e-Tanam Semula (TS) oleh RISDA. Penerusan Projek '*Touch Point*' ini bukan sahaja akan memberi kesan yang berpanjangan dalam menyediakan hubungan yang erat antara Kerajaan dan rakyat malah mampu membantu melahirkan masyarakat desa yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan.

NO. SOALAN:

22 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN

Y.B TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan samaada kelayakan-kelayakan dan pengalaman semua Hakim Mahkamah-Mahkamah disiarkan kepada umum di laman web kehakiman dan apakah kelayakan-kelayakan tersebut dan sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN:

YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Laman sesawang Kehakiman ada menyatakan maklumat berkaitan latar belakang pendidikan serta pengalaman setiap Hakim di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun, laman sesawang Kehakiman tidak menyatakan maklumat berkaitan perkara tersebut bagi Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi.

Badan Kehakiman mengambil maklum cadangan dari Ahli Yang Berhormat dan tindakan lanjut sedang diambil untuk memasukkan data-data berkenaan kelayakan dan pengalaman Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi ini ke laman sesawang Kehakiman.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 23

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar]
TARIKH	13 Jun 2011 (Isnin)
SOALAN	Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan setelah gagal mewujudkan Pelabuhan Tuna di Pulau Pinang, adakah pihak Kerajaan sanggup mewujudkan Pelabuhan Ikan (termasuk Tuna) Antarabangsa di Kuala Perlis, yang sejarahnya pernah satu ketika dahulu, menjadi pusat pendaratan ikan yang terbesar di Malaysia.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan Pelabuhan Ikan (termasuk Tuna) Antarabangsa di Kuala Perlis.

Walau bagaimanapun, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mempunyai kompleks pendaratan ikan di Kuala Perlis yang masih beroperasi sejak Januari 1996 di atas tapak seluas 2.596 hektar. Kompleks tersebut didapati mampu memenuhi keperluan aktiviti pendaratan ikan tempatan dan juga ikan yang diimport dari negara jiran.

Pada tahun 2010, Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di Kuala Perlis didapati mampu mengendalikan pendaratan ikan tempatan yang berjumlah 31,076 tan metrik bernilai RM58.6 juta dan ikan import berjumlah 11,629 tan metrik bernilai RM54.34 juta.

NO.AUM : 28
NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH 13 JUN 2011

RUJUKAN 3647

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah satu kesalahan serius yang boleh diambil tindakan undang-undang terhadap orang yang berkata secara terbuka bahawa beliau sanggup berjihad terhadap pihak tertentu demi agama dan bangsanya.**

Program ini bertemakan pemodenan dan *hygienic* dengan menyediakan satu *platform* kepada peniaga atau peruncit kecil melalui inisiatif penambahbaikan kemahiran dan teknologi maklumat. Proses ini juga akan dapat membantu meningkatkan operasi serta mutu perkhidmatan ke paras yang lebih tinggi sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan sumbangan sektor peruncitan dalam negara berpendapatan tinggi.

Sebanyak 20 tapak telah dikenal pasti pada tahun 2011 dan dijangka seramai 6,400 usahawan akan menjalankan operasi perniagaan di pasar ini. Pembinaan pasar ini dijangka bermula pada bulan Julai dan akan beroperasi pada akhir tahun 2011. Status pada masa ini adalah di peringkat kelulusan pembangunan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

NO. AUM : 34

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN	TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
DARIPADA	13 JUN 2011
TARIKH	3865
SOALAN: RUJUKAN:	

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes kemalangan jalanraya melibatkan penumpang dan pemandu rentung. Sila senaraikan statistik di antara 2000 ke 2011 mengikut:-

- (a) bilangan mangsa; dan
- (b) model kenderaan dan usia kenderaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi tempoh dari tahun 2006 hingga tahun 2010, jumlah kes kemalangan yang melibatkan penumpang dan pemandu rentung adalah sebanyak 81 kes. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah kecil iaitu hanya 0.0043% berbanding 1,889,393 jumlah keseluruhan kes kemalangan jalan raya yang berlaku sepanjang tempoh tersebut. Daripada jumlah tersebut, jumlah penumpang dan pemandu yang rentung dalam kemalangan jalan raya pada tahun 2006 adalah sebanyak 10 kes, tahun 2007 sebanyak 12 kes, tahun 2008 sebanyak 14 kes, tahun 2009 sebanyak 30 kes dan tahun 2010 sebanyak 15 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan mendapati bahawa kenderaan dari model Proton paling banyak terlibat dalam kes kemalangan jalan raya melibatkan penumpang dan pemandu rentung iaitu sebanyak 22 kes, diikuti oleh kenderaan model Nissan dan Yamaha masing-masing sebanyak 9 kes. Seterusnya kenderaan model Honda, Toyota, dan Perodua pula masing-masing mencatatkan sebanyak 8 kes manakala kenderaan model lain seperti Mercedez, BMW, Scania, Mazda dan Ford mencatatkan bilangan

yang kecil dalam kemalangan tersebut.

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH**

**LISAN
DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED(PULAI)
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
15.06.2011 S/N
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

NO. SOALAN : 27

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan dasar Kerajaan untuk membangunkan sektor koperasi di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk membangunkan sektor koperasi di dalam negara, Kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telahpun menggubal satu dasar untuk menjadikan sektor koperasi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara. Dasar tersebut dikenali sebagai Dasar Koperasi Negara II (2011-2020) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Julai tahun lepas (2010).

Dalam Dasar tersebut, gerakan koperasi turut bersama menyokong dan melaksanakan agenda transformasi negara. Sasaran nilai perolehan sektor

koperasi kepada Keluaran Negara menjelang 2013 telah ditetapkan sebanyak RM10 bilion.

Untuk mencapai objektif tersebut, Kerajaan komited menyediakan persekitaran kondusif bagi membolehkan koperasi berkembang terutamanya dalam 5 bidang aktiviti utama iaitu perkhidmatan kewangan; pemborongan dan peruncitan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, pertanian, industri asas tani dan peladangan.

Usaha-usaha merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi, memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi serta mewujud dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi dibuat secara berterusan. Di samping itu, Kerajaan menyediakan rangka kawalan rapi agar koperasi tidak tersasar daripada tujuan penubuhannya.

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh]

TARIKH

13 Jun 2011 (Isnin)

SOALAN

28

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kedudukan baki penjimatan subsidi minyak berjumlah RM4.4 bilion pada tahun 2006 serta nyatakan projek-projek pengangkutan awam yang dilaksanakan atau dilaburkan hasil dari penjimatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan kenaikan harga bahan api di seluruh dunia pada tahun 2006, Kerajaan telah turut menaikkan harganya bagi menjimatkan amaun subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Kerajaan pada masa yang sama telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam (JKKMPA) dan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA). JKKMPA ini berfungsi untuk merangka strategi perancangan pengangkutan nasional dan menetapkan dasar serta tatacara berhubung pengendalian dana KWAPA tersebut.

Di bawah peruntukan dana KWAPA, sebanyak 9 projek telah diluluskan dengan kos sebanyak RM592 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM376 juta telah disalurkan bagi 6 projek. Baki dana yang belum disalurkan adalah sebanyak RM216 juta.

SOALAN NO.: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN
MOHAMED
DARIPADA
LISAN

KAWASAN SEPANG
TARIKH 13 JUN 20 H (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (SEPANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah tahap pelaksanaan penukaran sistem lampu jalan (*street lights*) jenis konvensional kepada sistem LED yang semakin banyak dilakukan di negara asing untuk mengurangkan kos perbelanjaan tenaga di samping meningkatkan keselesaan pengguna jalan raya dan rakyat.

Tuan Yang Di-Pertua;

JAWAPAN Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu pemanasan global dunia yang disebabkan antara lain oleh kesan pemasangan mentol berfilamen dan lampu kalimantang.

Pada masa kini negara-negara maju seperti Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand sememangnya telah menguatkuasakan peraturan bagi memastikan lampu-lampu dari jenis konvensional ditukarkan kepada lampu alternatif, iaitu lampu yang berasaskan kepada teknologi diod pemancar cahaya, atau *Light Emitting Diode (LED)*. Penggunaan lampu dari jenis LED ini mampu mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida dan mengeluarkan haba yang lebih rendah di samping menjimatkan tenaga (*energy-efficient*) melebihi 40% berbanding penggunaan lampu jenis konvensional. Langkah ini juga dapat mengurangkan kesan rumah hijau atau *carbon footprint* keadaan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutnya itu kementerian ini telah mengambil langkah untuk melaksanakan program perintis bagi menggantikan sistem lampu jalan sedia ada kepada sistem lampu jenis LED di laluan tertentu di Lembah Klang. Sebagai permulaan, program perintis tersebut akan dilaksanakan di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Lebuhraya Persekutuan dan Jalan Lapangan Terbang Lama di Subang, melibatkan jarak keseluruhan jalan sepanjang 63 kilometer. Skop projek yang terlibat ialah kerja-kerja penggantian kabel, tiang lampu dan infrastruktur yang berkaitan dengan

anggaran kos projek keseluruhan sebanyak RM49 juta. Sebahagian besar dari skop program perintis ini akan dilaksanakan menerusi penjimatan dari kos bil elektrik dan penggantian lampu konvensional yang sepatutnya dilaksanakan oleh Kerajaan pada setiap 3 tahun sekali. Program perintis ini dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini (2011).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH 13 JUN 2011

RUJUKAN 3649

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan polis terhadap sebaran video lucah di Internet yang mengaitkan ahli politik di negara kita dan juga sebaran dalam bentuk CD secara meluas di merata tempat awam.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling

JAWAPAN:

Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi kes edaran video lucah mengaitkan ahli politik di internet, pihak PDRM masih menjalankan siasatan dan setakat ini tiada suspek ditangkap kerana membuat edaran tersebut disebabkan pihak pengadu yang menerima edaran video lucah tersebut tidak menyedari tentang perkara ini.

Manakala bagi kes sebaran dalam bentuk CD secara meluas di tempat awam pula, pihak PDRM telah menjalankan siasatan dan berjaya menangkap tiga orang suspek. Hasil siasatan telah dihantar kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG
LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISA
DARIPADA	N
	DATO' NORAINI
TARIKH	BIN AHMAD [PARIT SULONG]
BERSIDANG	13 JUN 2011
SOALAN	

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci mengenai mekanisme Skim 1 Care.

Tuan Yang Dipertua,

1Care for 1 Malaysia (ICare) merupakan cadangan transformasi sistem kesihatan Negara yang akan mengintegrasikan perkhidmatan penjagaan kesihatan sektor awam dan swasta, digabungkan bersama satu mekanisma pembiayaan kesihatan agar ianya lebih berkesan dan memberi manfaat kepada semua rakyat dari segi kesaksamaan terhadap akses, kemampuan dan responsif terhadap keperluan kesihatan. Ia juga memastikan keperluan kesihatan penduduk akan dijaga secara menyeluruh (*universal coverage*).

Falsafah konsep *1Care* ialah sistem kesihatan Negara akan melalui proses transformasi kepada suatu sistem yang lebih komprehensif dari segi liputan, kesaksamaan, kemampuan, keberkesanan, lebih efisyen, penyampaian perkhidmatan yang bersepada dan tadbir urus yang lebih telus. Konsep *1Care* adalah sejajar dengan falsafah 1 Malaysia untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat melalui sistem kesihatan nasional. Sistem kesihatan yang dicadangkan ini akan mengekalkan kekuatan sistem yang sediada.

Memandangkan usaha untuk mentransformasikan sistem kesihatan Negara akan memberi impak yang besar kepada rakyat, perancangan terperinci mengenai perkara ini perlu dilaksanakan dengan secara mendalam. Justeru maklumat terperinci mengenai mekanisma skim *1Care*, masih belum dimuktamadkan.

Skim Penjagaan Kesihatan *1Care* adalah masih diperingkat pembangunan *blueprint*, justeru ia masih belum dilaksanakan. Butiran terperinci untuk membangunkan mekanisma yang akan diaplikasikan sedang dikenalpasti dan dibincang dengan mengambilkira input dari pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*). *Blueprint 1Care* ini dijangka akan dibentangkan ke Majlis Ekonomi pada 2012. Walau bagaimanapun tarikh perlaksanaannya adalah masih bergantung kepada keputusan Majlis Ekonomi dan Kabinet.

ACa- 13 %

I

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN MASIR ANAK
KUJAT**
(SRI AMAN)

TARIKH 13.6.2011

SOALAN SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah status pelaksanaan setakat ini projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang diluluskan dibawah program NKRA (2010-2012) di Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Dalam tempoh 2010-2012, Kementerian telah meluluskan pelaksanaan 12 projek BELB di kawasan Parlimen Sri Aman dengan kos berjumlah RM37.2 juta dan dijangka akan memberi manfaat kepada 1,478 buah rumah. Sehingga 31 Mei 2011, sejumlah 6 projek telah disiapkan dan 921 buah rumah telah menikmati kemudahan bekalan elektrik 24 jam.

Baki 6 projek sedang dalam pelaksanaan dan Kementerian menjangkakan bahawa semua projek ini akan berjaya disiapkan sebelum berakhir tahun 2012. Dengan siapnya baki 6 projek ini, sejumlah 557 buah rumah tambahan lagi akan menikmati kemudahan bekalan elektrik di kawasan Parlimen Sri Aman.

SOALAN NO.:^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO¹ HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH

KAWASAN KOTA BHARU 13 JUN 2011 (ISNIN)

TARIKH

SOALAN:

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA
menyatakan adakah benar dakwaan bahawa Jambatan ke-2 Sultan
Yahya Petra di Kota Bharu telah siap 63% pembinaannya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan telah dimulakan 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Walau bagaimanapun, berikutan dari masalah-masalah yang timbul di luar dari kawalan pihak kontraktor, projek ini terpaksa diberikan sebanyak 3 kali kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 9 Ogos 2011.

Sehingga 31 Mei 2011, kemajuan kerja fizikal yang dicatatkan di tapak ialah 75.1% berbanding 85.5% mengikut jadual, atau bersamaan kelewatan selama 54 hari. Nilai peratusan kemajuan kerja ini adalah berdasarkan kepada graf kemajuan fizikal dan kewangan yang dicatatkan oleh wakil Penguasa Projek di tapak bina. Nilai peratusan kerja ini kemudian perlu disahkan oleh Penguasa Projek, iaitu Pengarah Cawangan Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membolehkan bayaran kemajuan kerja dijelaskan kepada pihak kontraktor berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA)

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN:

DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan bilakah tempoh kajian persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya bagi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang wajib dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan adakah Kerajaan mempunyai komitmen untuk mengarah SPR melakukan kajian persempadanan ini sebelum Pilihan Raya Umum ke-13.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan terakhir persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Ini berdasarkan kepada peruntukan Perkara 113 (10) Perlembagaan Persekutuan iaitu pada tarikh laporan diserahkan kepada Perdana Menteri. Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan SPR dikehendaki mengulangkaji persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya setiap 8 tahun sekali. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, SPR boleh menjalankan semula urusan persempadanan yang baru pada atau selepas 21 Mac 2011.

Bagi negeri Sarawak, urusan persempadanan terakhirnya ialah pada 10 Jun 2005 dan mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak hanya boleh dilakukan pada 10 Jun 2013 akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengarah SPR memulakan urusan kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya sebelum Pilihan Raya Umum ke 13 diadakan. Memandangkan lat tempoh lapan tahun yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan telah bermula maka terpulanglah kepada SPR untuk menetapkan tarikh bagi memulakan urusan kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah pada masa yang dirasakan sesuai.

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

[KUALA NERUS]

TARIKH : 13JUN 2011

SOALAN

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN**

ALAM SEKITAR menyatakan mengenai status program Cintailah Sungai Kita dan berapakah bajet yang disediakan Kerajaan bagi tujuan tersebut dalam tempoh lima tahun dan sejauh manakah hasil yang telah diperolehi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kempen Cintai Sungai Kita yang dilancarkan pada 20 Februari 1993 kini telah memasuki fasa baru di mana Kerajaan telah melancarkan Program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S). Program ini yang mula dilaksanakan pada tahun 2004 merupakan kesinambungan kepada Kempen Cintai Sungai Kita. Di dalam program 1N1S, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memilih 13 batang sungai iaitu, satu (1) batang sungai bagi setiap negeri berdasarkan kepada faktor sungai berhampiran bandar. Tujuan program ini adalah untuk memulihara dan mengembalikan sungai serta kawasan sekitarnya yang telah tercemar atau rosak (*degraded river*) kepada keadaan asalnya.

Bagi menjayakan program 1N1S, sejumlah RM57.5 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan ia telah dibahagikan mengikut negeri. Manakala dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) - Rolling Plan Pertama (RP 1) pula, sejumlah RM 26 juta telah diperuntukkan untuk diagihkan mengikut negeri.

Berdasarkan pemantauan Program 1N1S selama 7 tahun (2004-2010), didapati program ini telah menunjukkan kejayaan terutama dari segi peningkatan kualiti air beberapa batang sungai seperti, Sungai Pinang daripada tahap Kelas IV kepada Kelas III, Sungai Kinta daripada kelas III kepada kelas II dan Sungai Galing daripada Kelas IV kepada Kelas III. JPS akan terus mempergiatkan

usaha dalam pelaksanaan program ini ke arah pencapaian matlamat sungai yang bersih (*clean*), hidup (*living*) dan bertenaga (*vibrant*) dengan mencapai kualiti air pada tahap Kelas MB menjelang tahun 2015 dan mengekalkannya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 36

**PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN**
DEWAN
PERTANYAAN RAKYAT LISA
N
DARIPADA PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]
TARIKH 13 JUN 2011(ISNIN)

SOALAN

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap laporan World Bank berkenaan masalah "brain drain" negara ini dan nyatakan apakah Talent Corporation akan lakukan berdasarkan maklumat laporan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang dikeluarkan oleh *The World Bank* pada April 2011, "*Brain Drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned*" dan bukanlah satu fenomena yang unik kepada negara Malaysia sahaja. Kadar emigrasi modal insan adalah paling tinggi di kalangan negara berpendapatan sederhana kerana seseorang mempunyai insentif dan keupayaan untuk bermigrasi. Menurut laporan tersebut, pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya menstimulasi perdagangan dan pelaburan asing di sesebuah negara.

Justeru, fenomena emigrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi juga menunjukkan potensi positif terhadap sesebuah negara, khususnya dalam menarik kepulangan rakyat Malaysia di luar negara yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi barang dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Bagi tujuan tersebut, TalentCorp telah ditubuhkan pada Januari 2011 untuk memberi fokus kepada usaha menarik balik modal insan Malaysia yang berkepakaran tinggi dan memaksimumkan jaringan pasaran di luar negara melalui kumpulan tersebut. Antara pendekatan yang telah dikenalpasti bagi membantu TalentCorp mencapai kumpulan tersebut adalah menganalisa isu-isu berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mekanisme yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka berada seperti Program Pakar dan program promosi dan *outreach* di luar negara. Laporan tersebut juga mengatakan bahawa '*The results suggest that Malaysia has so far been spared from the detrimental type of brain drain*' kerana stok modal insan berkepakaran sedia ada tidak terhakis dan dapat dikekalkan. Seterusnya, laporan tersebut juga mencadangkan supaya isu emigrasi modal insan dapat ditangani dengan meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan secara inklusif. Hal ini jelas telahpun diambil kira dalam polisi pembangunan negara yang telah mula dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

[HULU TERENGGANU]

TARIKH **13 JUN 2011**

SOALAN

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kos bagi penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berbangkit.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos untuk menubuhkan sesebuah Suruhanjaya Diraja adalah berbeza-beza. Ia tertakluk kepada beberapa perkara seperti kehendak Terma Rujukan, keperluan bilangan Ahli

NO. AUM : 38

Suruhanjaya, keperluan bilangan saksi yang dipanggil serta lain-lain perkhidmatan kepakaran perundingan yang diperlukan.

Kos yang terlibat termasuklah elaun bagi setiap Ahli Suruhanjaya, elaun perjalanan saksi semasa datang untuk memberikan keterangan dalam prosiding. Sekiranya prosiding keterangan Suruhanjaya tersebut melibatkan pakar-pakar dari luar negara maka pihak Suruhanjaya perlu menanggung kos penerbangan, tempat tinggal dan makan minum selain dari bayaran perkhidmatan kepakaran perundingan mereka.

Selain daripada kos tersebut, bayaran-bayaran lain yang terlibat termasuklah kos penyewaan peralatan dan kenderaan, kos penterjemahan serta kos percetakan.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN NO. AUM : 39
DARIPADA **LISAN**
TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]
NO. AUP : ^ V

TARIKH **13 JUN**
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN **2011**
RUJUKAN **DEWAN RAKYAT**
3914

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faedah kewangan yang diterima oleh Malaysia dalam perjanjian pertukaran pemohon suaka antara Australia dengan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, cadangan pertukaran pelarian dan pemohon suaka di antara Malaysia dan Australia ini melibatkan elemen penghantaran 800 pemohon suaka yang tiba dengan bot secara haram di Australia ke Malaysia. Sebagai balasan Australia akan menerima seramai 4,000 pelarian di Malaysia yang telah berdaftar dengan UNHCR bagi tujuan penempatan semula dalam tempoh masa empat (4) tahun.

Cadangan pertukaran dua hala di antara kedua-dua negara ini adalah sebahagian daripada kerangka kerjasama serantau yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Keempat Peringkat Menteri *Bali Process* di Bali, Indonesia pada 30 Mac 2011. Kerangka kerjasama serantau ini adalah bagi menangani isu pergerakan secara tidak sah (*irregular movement*) migran termasuk pelarian dan pemohon suaka. Sekiranya isu ini tidak ditangani secara berkesan, ia akan menjurus kepada aktiviti-aktiviti penyeludupan migran, pemerdagangan orang dan jenayah rentas sempadan yang lain.

Dalam menjayakan program ini, Malaysia tidak menerima sebarang faedah kewangan secara langsung mahupun menanggung sebarang implikasi kewangan. Namun begitu, Australia telah bersetuju untuk menanggung

segala kos pelaksanaan di mana Parlimen negara tersebut telah meluluskan peruntukan kewangan bagi keseluruhan program ini. Kelulusan ini adalah susulan daripada kenyataan bersama Perdana Menteri kedua-dua negara pada 7 Mei 2011.

Soalan No : 39

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN**
PERTANYAAN **NAKYAT** **LISA**
N
DARIPADA **Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR**
BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)

TARIKH **13.06.2011**

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) apakah Kementerian mempunyai statistik menangani sejauh mana kejatuhan moral dan disiplin dikalangan pelajar di negara ini; dan
- (b) apakah ada rancangan dan pelan tindakan yang sudah dirangka untuk dilaksanakan agar keruntuhan moral dan disiplin di kalangan pelajar tidak terus menjunam seperti yang terpampang dalam media cetak maupun media maya di masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Statistik salah laku disiplin murid yang direkodkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam tempoh 5 tahun (2006 hingga 2010) berada pada kadar purata 2.08 peratus. Kes-kes disiplin yang disebutkan termasuklah kes-kes yang berat seperti memukul, bergaduh, ponteng sekolah serta kes-kes disiplin yang ringan seperti kekemasan diri. Hal ini menunjukkan bahawa sekitar 2 hingga 3 peratus bilangan murid yang masih perlu diberi perhatian sewajarnya. Pada tahun 2010, seramai 111484 (2.06%) murid telah terlibat dengan salah laku disiplin.

- (b) Bagi menangani isu tersebut, KPM telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha merekayasa (*reengineering*) pengurusan Disiplin di sekolah. Untuk itu, satu *Task Force* telah diwujudkan yang berfokus kepada;
1. usaha membentuk budaya sekolah yang melibatkan **nilai, sikap, komunikasi serta kehendak-kehendak baru** agar dapat disesuaikan dengan perubahan pemikiran, nilai, amalan serta perwatakan anak muda kita hari ini.
 2. meminda **peraturan-peraturan sekolah** yang dianggap lapuk agar dapat disesuaikan dengan perubahan sikap anak-anak kita pada hari ini.
 3. melaksanakan **sistem merit** dan **demerit** di mana tingkah laku murid akan diberi ganjaran berbentuk markah sekiranya mengamalkan tingkah laku berdisiplin.
 4. menambah baik **Perkhidmatan Bimbingan** dan **Kaunseling** dengan lebih menfokuskan perkhidmatan tersebut kepada usaha meningkatkan pembangunan sahsiah dan disiplin serta pembinaan karektor murid di sekolah.
 5. penekanan terhadap nilai murni dan moral dalam mata pelajaran berkaitan khususnya dalam Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sivik dan Kewarganegaraan dan juga aktiviti-aktiviti kokurikulum.

1242-L43213

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DATUK CHUA SOON BUI
[TAWAU]**

TARIKH

13 Jun 2011

SOALAN

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]
minta MENTERI LUAR NEGERI
me nyatakan**

(a) bagaimanakah Kaukas
Persahabatan Malaysia-EU
memainkan peranan proaktif dalam
perhubungan bilateral perdagangan,
kebudayaan, pendidikan dan alam
sekitar; dan

(b) nyatakan secara spesifik terhadap
perhubungan bilateral perdagangan,
kebudayaan, pendidikan dan alam
sekitar yang sedang berkembang di
antara Belanda dan Malaysia

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tawau di atas perhatian serta keprihatinan beliau berhubung perkara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kumpulan Persahabatan Parlimen (Parliamentary Friendship Group) atau Kaukus Persahabatan Parlimen ditubuhkan untuk dijadikan sebagai platform Ahli-Ahli Parlimen Malaysia berbincang, bertukar pandangan dan pengalaman dengan rakan sejawat mereka dari Parlimen-parlimen Negara asing.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam konteks Kaukas Persahabatan Malaysia-EU, ahli-ahli Kaukas ini mempunyai lebih peluang untuk bekerjasama lebih erat dalam berbahas dan menyuarakan pendapat dalam isu-isu yang menjadi kepentingan kedua-dua belah pihak. Walaubagaimanapun, ia hanya terhad kepada skop perhubungan antara institusi Parlimen.
Tuan Yang di-Pertua,

4. Merujuk kepada soalan kedua mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dan Belanda, ia telah bermula sejak kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Hubungan ini amat penting dan sentiasa berkembang serta saling memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara. Malaysia menghargai hubungan dua hala dengan Belanda yang merangkumi pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelaburan, kebudayaan, pendidikan, alam sekitar, pertanian dan pelancongan.

5. Pada tahun 2010, perdagangan dua hala Malaysia dengan Belanda adalah sebanyak RM23.6 billion, di mana Belanda merupakan rakan dagangan yang ke-10 terbesar bagi Malaysia dan terbesar di Kesatuan Eropah (EU). Pada tahun 2010, jumlah keseluruhan eksport Malaysia mencecah RM20.2 bilion, dan jumlah import produk-produk Belanda menduduki tangga ke-23 bagi Malaysia dan ke-6 terbesar di antara negara-negara EU berjumlah RM3.3 billion.
6. Dalam bidang pendidikan pula, sehingga Disember 2010 seramai 24 orang pelajar Malaysia berada di Belanda yang terdiri daripada 9 orang pelajar tajaan dan 15 orang pelajar di atas pembiayaan sendiri dan merentasi pelbagai bidang pengajian. Dalam tempoh yang sama terdapat seramai 13 orang pelajar Belanda iaitu dari 4 orang pelajar di universiti awam dan 9 orang pelajar di universiti swasta menuntut di Malaysia.
7. Dalam usaha pembinaan modal insan penjawat awam, sehingga Disember 2010, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menghantar seramai 8 orang penjawat awam ke Belanda. Dalam tempoh yang sama juga rakyat Belanda yang berkhidmat sebagai kakitangan akademik adalah seramai 9 orang di mana 4 orang berkhidmat di universiti swasta dan 5 orang di universiti awam.
8. Malaysia dan Belanda sentiasa berusaha meningkatkan penjagaan alam sekitar dan memelihara kebudayaan setempat melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala.
9. Kerjasama erat ini telah menarik seramai 107,979 pelancong Belanda ke Malaysia pada tahun 2010, dengan anggaran nilai pendapatan sebanyak RM327.7 juta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT) 13
TARIKH	
SOALAN	JUN 2011

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria (Parit) minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa peratuskah pencarum PERKESO, dan berapa peratuskah pencarum yang membuat tuntutan serta yang tidak membuat tuntutan. Mohon mengkaji semula agar pencarum yang tidak membuat mendapat kembali caruman.

(PR-1242-L43972)

Jawapan :

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO), pekerja yang bergaji RM3.000 dan ke bawah adalah diwajibkan mencarum kepada PERKESO. Majikan wajib mencarum sebanyak 1.75% daripada gaji bulanan pekerja manakala pekerja mencarum sebanyak 0.5% daripada gaji bulanan. Sehingga 31 Disember 2010, bilangan majikan aktif adalah sebanyak 347,871 majikan dan

bilangan pekerja aktif yang mencarum kepada PERKESO adalah sebanyak 5,518,823 pekerja. Bilangan penduduk Malaysia yang bekerja pada tahun 2010 adalah sebanyak 11,129,400 orang (Sumber dari Malaysia Sepintas Lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia). Pada tahun 2010, peratus pencarum PERKESO berbanding penduduk bekerja di Malaysia adalah sebanyak 49.6% ($5,518,823 \div 11,129,400 \times 100$).

2. Bilangan penerima faedah terkumpul yang dibayar kepada Orang Berinsurans dan tanggungan mereka sehingga 31 Disember 2010 adalah seramai 351,229 orang meliputi Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS), Hilang Upaya Kekal (HUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Pencen Nat, Bantuan Mat, Pencen Penakat, Elaun Layanan Sentiasa (ELS), Faedah Pemulihan dan Vokasional, Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Faedah Pendidikan. Daripada bilangan tersebut, peratus pencarum yang membuat tuntutan berbanding bilangan pekerja aktif yang mencarum adalah sebanyak 6.31% ($351,229 \div 5,518,823 \times 100$) manakala pencarum yang tidak membuat tuntutan adalah sebanyak 93.69.0%.
3. Walau bagaimanapun pada tahun 2010, sebanyak RM1.68 bilion daripada RM2.00 bilion caruman yang dikutip oleh PERKESO telah dibelanjakan bagi tuntutan bayaran faedah pada tahun tersebut.
4. Sekiranya Orang Berinsurans mendapat kemalangan, keilatan atau meninggal dunia, maka atas konsep perkongsian risiko inilah pekerja yang tidak pernah membuat tuntutan hendaklah menganggap

caruman mereka disumbang kepada pekerja yang ditimpa kemalangan, keilatan dan kematian. Dengan lain perkataan mereka telah membantu kepada balu, duda dan anak yatim jika kematian ibu atau bapa termasuk kepada ibu bapa dan adik bagi kes kematian seorang anak.

5. Berhubung dengan cadangan supaya mengkaji semula bayaran kepada pencarum yang tidak membuat tuntutan, Kementerian Sumber Manusia tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana ;
 - a. Caruman kepada PERKESO adalah berdasarkan kepada prinsip '*pooling of resources and sharing of risks*' dan caruman tidak dapat dikembalikan kerana telah digunakan untuk membayar tuntutan kepada pencarum yang ditimpa kemalangan.
 - b. PERKESO bukanlah suatu '*saving fund for old age*'. Oleh sebab itu, caruman tidak akan dibayar apabila pencarum bersara. Sekiranya cadangan tersebut dilaksanakan sudah tentulah ianya memberi implikasi kewangan kepada PERKESO.
6. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, KSM sedang berusaha mengadakan kempen untuk mengurangkan kemalangan yang ditimpa pekerja. Malaysia telah menetapkan kadar kurang daripada 4.27% kemalangan bagi setiap 1000 pekerja menjelang 2015.
7. *Loss of workdays* pada tahun 2010 adalah 2,152,080 hari berbanding 2,112,898 hari pada tahun 2009 berdasarkan kehilangan

hari bekerja(cuti sakit).

Tuan Yang Di Pertua,

8. Pada dasarnya, jika kadar kemalangan dan kematian di Malaysia adalah rendah di samping kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah tinggi, adalah tidak mustahil dasar ini dilaksanakan di masa hadapan seperti yang telah dilaksanakan di sesetengah negara maju.

<D^13-28Jun2011/tes...3IJ.U/MofidNizarL43972

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

[BATU KAWAN]

TARIKH 13 JUN 2011

RUJUKAN 3651

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah akhbar Utusan Malaysia dan Perkasa yang sentiasa melaungkan artikel serta sentimen berbaur perkauman diberikan immuniti khas dari sistem perundangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan yang telah mengemukakan soalan.

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian iaitu, tidak menyiar bahan-bahan penerbitan yang:

- a. memudaratkan ketenteraman awam;
- b. memudaratkan kemoralan;
- c. memudaratkan keselamatan;
- d. menggemparkan fikiran orang ramai;
- e. berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- f. memudaratkan kepentingan awam; atau
- g. memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan, termasuk akhbar Utusan Malaysia didapati menyiar artikel atau rencana yang berbaur sentimen perkauman sehingga mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, maka Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan.

Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat

demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
- b) Memberi surat tunjuk sebab;
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Dalam kes Utusan Malaysia, Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011 kerana menyiaran berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011. Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.

Disamping itu, Kementerian juga telah mengadakan sesi pertemuan dengan semua ketua pengarang supaya tidak mensensasikan isu-isu perkauman demi memelihara keharmonian dan kesejahteraan negara.

AI#^3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB. DATO* HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB**

KAWASAN MARAN

SOALAN NO. 43

TARIKH 13.06.2011(ISNIN)

YB. Dato* Haii Ismail Bin Haii Abd. Muttalib minta MENTERI

PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

menyatakan langkah Kementerian (3) tiga tahun yang terdahulu dan tahun-tahun akan datang dalam mempermudahkan pinjaman-pinjaman kecil atau dana-dana tertentu untuk usahawan-usahawan kecil (IKS) terutama bagi golongan Bumiputera luar bandar.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI melalui SME Bank dan SME Corporation Malaysia menyediakan

pelbagai bantuan dan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera terutamanya kepada Bumiputera yang terlibat dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bandar dan luar bandar.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), MITI melalui SME Bank sehingga 2010 telah membelanjakan RM3.6 bilion untuk pelaksanaan lebih 20 program pembiayaan di bawah pelbagai dana khas pada kadar kompetitif dan 90% pembiayaan adalah kepada usahawan Bumiputera di bandar dan luar bandar.

Bagi prestasi 3 tahun lepas bermula dari tahun 2008 sehingga April 2011 sebanyak 601 PKS telah diluluskan pembiayaan oleh SME Bank berjumlah RM102 juta. Bantuan pembiayaan yang disalurkan oleh bank adalah dalam bentuk pinjaman bagi membiayai modal kerja serta bagi pembelian aset seperti mesin dan peralatan, kenderaan komersil dan kilang. Jumlah ini menunjukkan ramai PKS Bumiputera di bandar dan luar bandar telah mendapat faedah dari pembiayaan yang disediakan.

MITI melalui MATRADE di bawah geran pembangunan pasaran atau MDG menanggung 50% daripada kos perbelanjaan berkaitan aktiviti-aktiviti promosi eksport seperti penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa, misi perdagangan dan peiaburan serta misi perdagangan khusus. Bagi tempoh 2002 hingga 2010, sebanyak 466 syarikat pengeksport Bumiputera telah mendapat faedah daripada skim ini dengan tuntutan berjumlah RM6 juta.

Di bawah MIDF pula, 389 syarikat Bumiputera telah diberi kelulusan mendapat pinjaman mudah berjumlah RM603.8 juta sejak program dimulakan pada tahun 2002 hingga 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, antara inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Keusahawanan (BPU) dalam membantu usahawan kecil Bumiputera termasuk golongan Bumiputera luar bandar adalah melalui pembiayaan

program peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai **Program Groom Big**. Melalui program ini daya saing produk serta daya maju perniagaan dapat dipertingkatkan. Ini secara tidak langsung dapat membantu pengusaha meyakinkan institusi kewangan. Daripada tahun 2006 hingga 2010 sebanyak RM29.8 juta telah dibelanjakan dan seramai 1,607 usahawan Bumiputera telah mendapat faedah daripada program ini.

Selain daripada itu, terdapat juga program-program lain yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi kerajaan yang lain untuk usahawan PKS Bumiputera khususnya usahawan di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian menerusi agensinya pada masa hadapan akan terus mengkaji syarat-syarat pinjaman yang dikenakan supaya ia lebih mesra pasaran, seperti contoh pada Mac 2011,

Kementerian telah menambahbaik syarat pinjaman Tabung Usahawan Siswazah (TUS) seperti berikut:

- i. **Jumlah pembiayaan maksimum telah dinaikkan daripada RM250,000 kepada RM500,000. Dan, bagi pengambilalihan syarikat jumlah pembiayaan adalah sehingga RM750,000;**
- ii. **Tempoh pernafasan adalah sehingga 48 bulan daripada 24 bulan;**
- iii. **Tempoh pembiayaan untuk bangunan dan premis perniagaan adalah sehingga 20 tahun; dan**
- iv. **Umur kelayakan pemohon dinaikkan kepada 40 tahun daripada 35 tahun dan telah tamat pengajian tidak melebihi 15 tahun. Syarat asal adalah 10 tahun.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[Kuala KRAI]**

TARIKH : 13 JUN 2011

NO SOALAN : 44

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan turut menghentikan pengiktirafan baru dan penghantaran pelajar ke kolej-kolej perubatan di Mesir dan Indonesia, serta rasionalnya tindakan sedemikian.

YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan Urus Setia kepada Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi dan dianggotai oleh:

- I- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- ii. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- iii. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran;
- iv. Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi;
- V. Ketua Pengarah Kesihatan;
- vi. Ketua Pengarah Kerja Raya;
- vii. Ketua Pengarah Pertanian;
- viii. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);
- ix. Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT; dan
- X. Naib Canselor IPTA.

Pengiktirafan kelayakan yang dibuat melalui JTPPK adalah bagi maksud pelantikan dalam perkhidmatan awam. Secara dasarnya, setiap permohonan kelayakan-kelayakan profesional seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Kejuruteraan dan lain-lain adalah diselaraskan di antara Kerajaan dengan badan-badan profesional yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan-kelayakan Ijazah Pertama dalam bidang Perubatan dari universiti-universiti di Mesir dan Indonesia seperti berikut:

MESIR

BACHELOR OF MEDICINE AND BACHELOR OF SURGERY:

1. Universiti Ain-Shams
2. Universiti Alexandria
3. Universiti Cairo
4. Universiti Mansoura
5. Universiti Al-Azhar
6. Universiti Tanta
7. Universiti Zagaziq

**INDONESIA IJAZAH
KEDOKTORAN:**

1. Universitas Sriwijaya Palembang, Sumatera
2. Universitas Brawijaya, Malang
3. Universitas Hasanuddin, Sulawesi Selatan
4. Universitas Udayana Denpasar, Bali
5. Universitas Airlangga, Soerabaya
6. Universitas Andalas, Padang
7. Universitas Diponegoro, Semarang
8. Universitas Gadjah Mada, Jogjakarta
9. Universitas Indonesia, Jakarta

10. Universitas Kristen Krida, Wacana
11. Universitas Padjajaran, Bandung
12. Universitas Sumatra Utara, Medan
13. Universitas Trisakti, Jakarta

Pengiktirafan kelayakan yang telah diberikan kepada universiti-universiti di Mesir dan Indonesia masih terpakai sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Penajaan pelajar JPA di dalam dan luar negara adalah berdasarkan kepada unjuran keperluan guna tenaga dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh perkhidmatan awam dan negara. Di samping itu, penajaan biasiswa JPA setiap tahun adalah tertakluk kepada tempat yang boleh ditawarkan setelah mengambilkira kemampuan kewangan Kerajaan pada tahun berkenaan. Perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa turut mempengaruhi penentuan bilangan penajaan dan bidang yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH : 13JUN2011

SOALAN

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta PERDANA

NO SOALAN : 44

MENTERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memberi kefahaman konsep dan matlamat transformasi Kerajaan kepada kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah dan negeri di seluruh negara.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Kerajaan diperkenalkan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ia merupakan sebuah program yang memperbaharui fokus mengenai penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat. Melalui pelaksanaannya bidang keberhasilan menjadi keutamaan bagi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju dengan standard kehidupan yang lebih tinggi. Bagi memberi kefahaman mengenai konsep dan matlamat transformasi Kerajaan kepada penjawat awam, Kerajaan melalui Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah mengadakan taklimat dan sesi dialog secara berterusan di semua peringkat termasuk di Negeri dan Daerah.

Selain daripada itu, Kerajaan juga turut memanfaatkan komunikasi melalui media massa sama ada media cetak atau pun media elektronik termasuk internet untuk menyampaikan maklumat Program Transformasi Kerajaan yang mana liputannya adalah lebih luas merangkumi keseluruhan rakyat termasuk para penjawat awam di peringkat Negeri dan Daerah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN 'm

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 13/06/2011**

SOALAN

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai hutang syarikat-syarikat yang mendapat penswastaan dari Kerajaan yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh Kerajaan serta namakan syarikat-syarikat tersebut.

DRAF JAWAPAN BAHAGIAN/AGENSI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai hutang syarikat-syarikat yang mendapat penswastaan dari Kerajaan adalah berjumlah RM9.05 bilion di mana sebanyak RM7.93 bilion daripadanya adalah ditanggung oleh Kerajaan melalui Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) dengan pecahan seperti berikut:-

- a. Pengambilan alih Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Projek Usahasama Transit Aliran Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) dengan melunaskan pinjaman komersial syarikat berkenaan yang bernilai RM6.62 bilion pada tahun 2001; dan
- b. Pengambilan alih perkhidmatan KL Monorel dengan membayar sebanyak Pada masa ini, baki hutang pinjaman yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM2.88 bilion sahaja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN**LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**

TARIKH **13 JUN 2011**

SOALAN

Y.B. Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) di dalam membangunkan industri minyak dan gas dan aktiviti berkaitan di Wilayah Persekutuan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Labuan telah turut dibangunkan di dalam usaha PETRONAS membangunkan industri minyak dan gas Malaysia. Terminal Minyak Mentah Labuan serta Terminal Gas Labuan 1, masing-masing telah mula beroperasi sejak tahun 1975 dan 1983. PETRONAS juga telah membina 2 loji petrokimia di Labuan, iaitu di bawah anak syarikat PETRONAS, PETRONAS Methanol (Labuan) Sdn Bhd.

Selaras dengan peningkatan pembangunan sektor huluan minyak dan gas di Sabah dan Sarawak, aktiviti-aktiviti berkaitan di Labuan turut berkembang, termasuk Asian Supply Base (ASB) yang menyediakan perkidmatan sokongan bagi industri minyak dan gas di sekitarnya. Peningkatan aktiviti ini telah mendorong kerajaan untuk menjadikan salah satu inisiatif dibawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebuah projek bersepadu petroleum yang akan dikendalikan oleh sebuah syarikat tempatan di Pulau Daat.

Soalan No : 48

PETRONAS telah melaksanakan pelbagai langkah dalam usaha untuk menggalakkan penglibatan usahawan serta syarikat Bumiputera di dalam industri petroleum negara, termasuk di Labuan, antaranya dengan menetapkan jumlah bahan/ tenaga kerja tempatan (local content) di dalam kandungan kontrak untuk memastikan pembabitan syarikat Bumiputera. Ini termasuklah kontrak-kontrak di bawah Projek PETRONAS Mega Methanol di mana PETRONAS memberikan peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat tempatan yang terlibat di dalam sektor minyak dan gas serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk berlesen dan berdaftar dengan PETRONAS.

Kontraktor-kontraktor Production Sharing Contract (PSC) yang beroperasi di Sabah dan Sarawak telah memberikan pelbagai kontrak-kontrak jangka panjang kepada ASB di Labuan, yang digunakan secara ekslusif oleh syarikat-syarikat besar di dalam industri minyak dan gas di Sabah dan Sarawak dan langkah ini telah juga berjaya membangunkan Labuan serta syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan industri minyak dan gas di sekitarnya. Di samping ini, beberapa syarikat perkhidmatan sokongan terkemuka juga telah menjadikan Labuan sebagai pengkalan untuk menyediakan perkhidmatan kepada industri minyak dan gas di sekitarnya.

Peluang-peluang yang dinyatakan di atas juga telah memberi kesan pengganda ekonomi di mana syarikat-syarikat terbabit akan seterusnya memberi peluang kepada vendor-vendor tempatan untuk menjadi pembekal, dan membuka banyak peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
	(BALIK PULAU)
TARIKH	13.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan Program PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2009, apakah kegunaan lain 200,563 buah komputer riba yang diberikan kepada guru-guru di bawah program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dari tahun 2003 hingga 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membekalkan sebanyak 200,562 buah komputer riba kepada guru-guru di bawah program PPSMI. Bagi memastikan berlakunya penjimatan, peralatan sedia ada yang dibekalkan di sekolah digunakan bagi melaksanakan program MBMMBI. Peralatan ICT seperti komputer riba, komputer peribadi (PC), LCD, projector dan skrin yang telah dibekalkan ke sekolah-sekolah di bawah program PPSMI dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran lain yang berkaitan.

KPM juga telah mengambil langkah menambah baik makmal komputer untuk berfungsi sebagai makmal bahasa bagi membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah. KPM juga mengambil pendekatan penyelenggaraan peralatan-peralatan ICT yang telah dibekalkan di bawah program PPSMI, bagi memastikan kelestarian peralatan tersebut. Dari tahun 2009 hingga 2010, KPM telah membelanjakan hampir RM80juta bagi tujuan menyelenggara peralatan ICT di 8472 buah sekolah seluruh negara. Rjm03

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

13 JUN 2011 (ISNIN)

DARIPADA

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

SOALAN

SOALAN (49)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM 1 minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatdkan apakah penyelesaian untuk mengatasi masalah pencemaran air dan bau busuk di tapak pelupusan Bandar Renggam yang semakin serius dan telah mengancam kesihatan dan mempengaruhi kehidupan penduduk di sekeliling

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran air dan bau di Tapak pelupusan Ladang CEP1, Simpang Renggam, Johor dijangka dapat diatasi selepas projek penutupan selamat tapak tersebut siap sepenuhnya yang dijadualkan pada akhir tahun 2011. Pada masa ini, kerja-kerja menutup selamat sebahagian tapak pelupusan sedang giat dilaksanakan.

Selain itu, sebahagian lagi tapak pelupusan yang masih belum digunakan akan dinaik taraf dengan pembinaan Tapak Pelupusan Sanitari yang akan dilengkapi dengan sistem *liner* dan pengumpulan air *leachate* bagi mengurangkan pencemaran air dan sistem *daily soil cover* dilakukan bagi mengurangkan pencemaran bau.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun20H

SOALAN NO: 50

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN DARIPADA**

TARIKH RUJUKAN	LISAN	SOALAN
Tuan Tan Kok Wai [YB. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]	Cheras] minta
MENTERI WILAYAH	ISNIN, 13 JUN 2011	
PERSEKUTUAN	01 [PR-1242-L44112]	DAN
KESEJAHTERAAN		BANDAR

menyatakan kedudukan 80 peratus penyewa perumahan awam yang gagal membayar tunggakan sewa rumah dan apakah rancangan untuk membantu mereka yang tidak mampu menjelaskan tunggakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras, Sehingga April 2011, jumlah penyewa aktif adalah seramai 52,914 orang. Daripada jumlah itu, seramai 41,029 orang penyewa mempunyai tunggakan sewa dan air. Peratus sebenar penyewa yang mempunyai tunggakan adalah sebanyak 77.5%. Jumlah tunggakan terkumpul sehingga 31 Disember 2010 ialah sebanyak RM46,852,475.00. Jumlah tunggakan semasa sehingga 30 April 2011 pula ialah sebanyak RM 8,050,825.00 dan menjadikan jumlah tunggakan keseluruhan adalah sebanyak RM 54,903,300.00.

Antara kaedah yang dikenal pasti bagi mengatasi masalah tunggakan tersebut adalah menujuhkan satu pasukan *Task Force* yang diketuai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) mengenai pasti punca-punca dan langkah-langkah penyelesaian secara berkesan. Selain daripada mewujudkan *Task Force*, kaedah lain yang telah diguna pakai dan dapat membantu mereka yang mempunyai masalah tunggakan sewa adalah dengan merujuk kes kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mendapatkan bantuan berkaitan bagi menjelaskan tunggakan sewa.

AI(bS/

**PEMBERITAH
U
PERTANYAAN
N**
**PERTANYAA
DARIPADA
KAWASAN**

LISAN
TUAN SALLEH BIN KALBI SI
LAM
13.6.2011 (Isnin)

Y.B. TUAN SALLEH BIN ⁵¹KALBI minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelaburan Amerika Syarikat di negara ini pada separuh penggal tahun 2009 dan 2010; dan
- (b) adakah Kerajaan merasakan forum Invest Malaysia 2011 adalah satu platform terbaik dalam usaha menarik lebih banyak pelabur dari Amerika Syarikat untuk terus melabur di negara ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dari Amerika Syarikat bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM2.3 bilion bagi 19 buah projek.

Bagi tahun 2010 pula, Amerika Syarikat kekal sebagai sumber pelaburan asing utama di mana jumlah pelaburan telah meningkat kepada RM11.7 bilion bagi 47 projek perkilangan yang diluluskan, iaitu sebanyak 24.8% daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan pada tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Forum 'New York Invest Malaysia' telah diadakan pada 17 Mei 2011 di Bursa Saham New York. Forum tersebut dihadiri oleh 270 peserta yang terdiri daripada broker, pengurus wang, syarikat-syarikat multinasional dan pengurus dana dari Amerika Syarikat. Lebih daripada 10 buah syarikat dari Malaysia juga turut hadir ke persidangan tersebut seperti Air Asia, Axjata, Mavbank dan CIMB di mana sebanyak 101 periumpaan di antara syarikat-syarikat Malaysia dan bakal-bakal pelabur Amerika Syarikat telah dianjurkan. Semasa forum tersebut berlangsung, Y.A.B. Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan dan mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang terpilih.

Forum ini merupakan salah satu platform terbaik dalam usaha menarik lebih banyak pelabur dari Amerika Syarikat untuk terus melabur di negara ini. Ini kerana forum ini bertujuan untuk memaklumkan kepada bakal-bakal pelabur Amerika Syarikat mengenai perkembangan terkini di Malaysia di samping menyampaikan maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan di

dalam bidang khusus selari dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Selain Forum 'New York Invest Malaysia', beberapa program penggalakan pelaburan lain turut dilaksanakan sepanjang lawatan rasmi Y.A.B Perdana Menteri ke New York dari 17 Mei hingga 19 Mei 2011. Di antara prog ram-prog ram tersebut adalah

- Sesi perbincangan antara Y.A.B Perdana Menteri dan Kapten-Kapten Perindustrian dari Amerika Syarikat;
- Sidang dialog Pengerusi Suruhaiava Sekuriti, Pengarah Khazanah Malaysia dan Ketua Pengarah MI DA bersama Kapten-Kapten Perindustrian dari Amerika Syarikat;
- Sesi 'One-on-One Business Meeting' di antara Y.A.B Perdana Menteri dengan svarikat-svarikat multinasional dari Amerika Syarikat;
- Mesvuarat Meia Bulat di antara Y.A.B Perdana Menteri dengan pelabur-pelabur Amerika Syarikat; dan
- Mesyuarat Perdana The Global Science and Innovation Advisory Council (GSIACV) yang terdiri daripada saintis dan pakar dalam pelbagai bidang telah menyatakan sokongan kepada YAB Perdana Menteri mengenai potensi projek penianaan tenaga hiiau biomass dan beberapa projek lain yang berteknologi tinggi,

berasaskan 'R&D' dan inovasi sebagai 'quick win project' untuk Malaysia bergerak dari pendapatan pertengahan kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

NO. SOALAN : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN LIM KIT SIANG

[IPOH TIMUR]

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana seruan '*global movement of moderates*' Perdana Menteri boleh direalisasikan sementara kenyataan yang boleh mengancam kehormonian Malaysia seperti pelancaran 'jihad' terhadap orang Kristian tidak diambiltindakan yang sewajarnya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Global movement of moderates merupakan satu inisiatif kerajaan ke arah keamanan global yang berteraskan keadilan dan bersandarkan kedaulatan undang-undang . Melalui gerakan ini, diharapkan agar semua pencinta keamanan yang mendukung prinsip aliran kesederhanaan di peringkat antarabangsa samaada negara, pertubuhan bukan kerajaan, media atau individu yang selama ini merupakan golongan majoriti senyap (*silent majority*) yang dapat memainkan peranan yang lebih asertif serta pro-aktif bagi menentang ekstrimisme global.

Malaysia adalah sebuah negara demokratik yang mana kebebasan bersuara dijamin oleh undang-undang yang tertinggi iaitu Perlembagaan Persekutuan namun kebebasan itu tidak bersifat mutlak kerana tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada bagi

memelihara keharmonian dan kestabilan negara yang majmuk. Pihak yang berkuasa akan menjalankan siasatan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada jika terdapat sebarang pelanggaran.

Amat penting juga dalam sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian yang kompleks seperti Malaysia, untuk semua pihak mengambil sikap yang berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan atau komen mengenai isu-isu yang sensitif kerana ia hanya akan mengundang kenyataan balas dari pihak yang tidak berpuas hati.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

**Y.B. Datuk Haji Baharum Bin
[Sekijang]**

Mohamed

TARIKH

13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN Y.B. Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pertemuan YAB Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin agama Kristian baru-baru ini telah dapat meredakan sedikit sebanyak ketegangan yang telah dicetuskan oleh pihak-pihak tertentu.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

No. SOALAN: 53

Pertemuan di antara YAB Perdana Menteri dan pucuk pimpinan Persekutuan Kristian Malaysia atau *Christian Federation of Malaysia* (CFM) pada 12 Mei tahun ini dalam majlis makan tengahari merupakan sebahagian daripada usaha beliau berinteraksi dengan pemimpin pelbagai komuniti yang berkepentingan, sejajar dengan semangat “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.”

Pucuk pimpinan CFM telah menyatakan dengan jelasnya bahawa mereka memang menghormati Perlembagaan Persekutuan, terutama peruntukan mengenai hal-hal keagamaan, di mana Islam adalah agama Persekutuan, manakala agama lain boleh diamalkan dalam suasana yang aman dan harmoni di semua tempat di dalam negara. Mereka menafikan sebarang hasrat dan percubaan untuk mencabar kedudukan agama Islam.

Di samping itu, mereka memberi pengakuan untuk terus bekerjasama dengan kerajaan untuk memupuk keamanan dan keharmonian terutama antara pengikut pelbagai agama supaya Malaysia terus aman dan damai.

YAB Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan menunjuk kesediaan untuk terus mencari jalan penyelesaian bagi beberapa isu berkaitan komuniti kristian, dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang dan garis panduan yang sedia ada, supaya isu-isu yang berkenaan diuruskan dengan baiknya agar tidak menjadi sensitif dan menjejas keamanan dan keharmonian masyarakat majmuk kita.

DARIPADA

DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)

TARIKH

13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

54

NO:54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
Dr. Lee Boon Chye minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan
kes rasuah yang melibatkan PUSPAKOM setiap tahun sejak mulanya operasi
PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN**
PUSPAKOM.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, sebanyak 16 kes yang melibatkan salah laku rasuah di kalangan kakitangan PUSPAKOM telah dikenal pasti oleh pihak pengurusan PUSPAKOM sejak ia mula beroperasi semenjak 1994 sehingga sekarang.

SOALAN (56)

TARIKH : **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**
13 JUN 2011 (ISNIN)

DARIPADA **TUAN CHOW KON YEOW**
PERTANYAAN **LISAN**
[TANJONG]

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW I TANJONG 1 minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan -

- (a) apakah status permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaiktaraf kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang menjadi sebuah bandar raya; dan
- (b) sama ada Kerajaan Pusat akan memulihkan Pilihan raya Kerajaan Tempatan bersama Pilihan raya Umum Ke-13

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneliti untuk memuktamadkan permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada bandar raya. Secara dasarnya,

KPKT tiada halangan terhadap permohonan ini memandangkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang menepati kriteria naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT). Permohonan ini akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam yang dijangka akan diadakan pada Julai 2011.

- (b) Kerajaan tidak bercadang mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. ini kerana ia melibatkan pertambahan kos dan akan membebankan kewangan Negara. Tambahan pula, dikhuatiri Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini juga akan menjelaskan prestasi penyampaian perkhidmatan PBT kepada rakyat kerana ia perlu membahagikan sumber sedia ada yang sangat terhad untuk mengendalikan hal-hal berkaitan urusan pilihanraya.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

NO. SOALAN : 57

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH (INDERA MAHKOTA)
TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan apakah kedudukan terkini Indeks Harga Pengguna dan kesan
kenaikan harga beberapa kali RON97 serta beberapa barang utama pengguna
di dalam Negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan kepada laporan yang dikemukakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Harga Pengguna (IHP) yang terkini iaitu bulan April 2011 berbanding Mac 2011 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus. IHP April 2011 berbanding April 2010 meningkat kepada **3.2 peratus**. Manakala, Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh Januari hingga April 2011 turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2.9 peratus dengan kenaikan indeks kepada 102.3 berbanding 99.4 untuk tempoh yang sama pada tahun lepas.

Peningkatan sebanyak 3.2 peratus dalam IHP bagi bulan April 2011 dilihat disumbangkan oleh peningkatan hampir semua kumpulan utama dalam ‘bakul’ IHP kecuali bagi indeks Pakaian & Kasut yang mengalami penurunan sebanyak -0.7 peratus. Kenaikan yang ketara dikesan berlaku kepada kumpulan utama yang berwajaran tinggi seperti indeks Pengangkutan (meningkat sebanyak 5.3 peratus); Makanan & Minuman Bukan Beralkohol (meningkat sebanyak 4.9 peratus) dan kenaikan indeks Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (sebanyak 1.6 peratus).

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung persoalan mengenai kesan kenaikan harga beberapa kali terhadap produk petroleum iaitu RON97 di pasaran, ingin saya jelaskan bahawa dalam mekanisma pengiraan IHP di bawah indeks Pengangkutan hanya merujuk kepada penggunaan RON95 dan diesel sahaja. Ini adalah kerana, pengiraan IHP hanya mengambilkira produk atau barang yang digunakan secara umum oleh semua lapisan masyarakat bagi menggambarkan corak atau tingkahlaku pengguna dalam pasaran.

Selain daripada itu, jumlah penggunaan RON97 juga adalah rendah berbanding RON95 di pasaran. Bagi tahun 2010 misalnya, jumlah penggunaan RON97 di dalam pasaran dicatatkan sebanyak 1,770 juta liter (sebanyak 13 %) berbanding penggunaan RON95 sebanyak 11,386 juta liter (sebanyak 87 %) pada tahun tersebut. Justeru, peningkatan atau kenaikan harga RON97 tidak memberikan kesan secara signifikan kepada barang atau perkhidmatan yang ditawarkan di dalam pasaran termasuk pengiraan IHP bagi bulan semasa.

NO SOALAN: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

[AMPANG]

TARIKH : 13 JUN 2011

SOALAN

PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci dari manakah sumber Kerajaan untuk membiayai

- (a) Kos perjalanan dan perbelanjaan program rancangan Wanita Pertama sewaktu ke Turki; dan
- (b) Kos program anjuran Wanita Pertama seperti Sidang Kemuncak Wanita Global 2011 dan Forum Wanita Pertama yang turut diadakan

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehadiran Isteri Perdana Menteri di Turki adalah bagi memenuhi undangan untuk menyampaikan ucaptama pada Sidang Kemuncak Wanita Global 2011.

Sumber bagi membiayai perbelanjaan Isteri Perdana Menteri adalah daripada peruntukan belanja mengurus Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan ini adalah selaras dengan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237) berkenaan elaun-elaun dan keistimewaan bagi Perdana Menteri bahwasanya Isteri Perdana Menteri yang mengiringi semasa lawatan rasmi atau semasa membuat lawatan rasmi secara bersendirian ke luar negara atau dalam negeri adalah layak menerima dan menuntut perbelanjaan seperti kelayakan elaun makan, penginapan, sara hidup dan pakaian panas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penganjuran Sidang Kemuncak Wanita Global 2011 dan Forum Wanita Pertama adalah anjuran pertubuhan berkenaan dan tidak melibatkan negara Malaysia.

Sekian. Terima kasih
PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

[MACHANG]

TARIKH

13 JUN 2011

RUJUKAN

3650

SOALAN:

NO. AUM : 46
NO. AUP : f1

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapaakah PDRM tidak mengambil sebarang tindakan **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN** terhadap ~~DEWAN NEGERI~~ Tim Thamby Chik, Datuk Shazryl Eskay Abdullah dan Datuk Shuib Lazim yang menayangkan video lucah di Hotel Carcosa Seri Negara dan memanggil orang ramai menontonnya.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Machang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius dan mengambil maklum tentang perkara tersebut. Pihak PDRM telah menerima laporan berhubung perkara ini dan sedang membuat siasatan lanjut. Segala sudut aspek undang-undang negara yang sedia ada digunakan dan tidak ada imuniti diberikan kepada sesiapa. Hasil siasatan akan mengambil masa untuk dilengkapkan memandangkan arahan untuk mengemaskini kertas siasatan masih diterima dari pihak Pejabat Peguam Negara.

Font : Verdana (16)

Soalan No: ↵0

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA YB TUAN HAJI CHE UDA BIN
 CHE NIK (SIK)**

TARIKH : 13 JUN 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

menyatakan projek penanaman semula di RISDA Charuk Ngai dan Charuk Bakong, Sik didapati tidak berjalan lancar. Terdapat tanah pekebun kecil yang telah dibersihkan sejak 2 tahun yang tidak dapat ditanam kerana kekurangan benih dan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Minta Menteri memberi penjelasan status kedudukan sebenar projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Tanam Semula RISDA di Charuk Ngai dan Charuk Bakong, Sik yang dilaksanakan oleh RISDA adalah terbahagi kepada dua fasa seperti berikut:

Tanam Semula Berkelompok (TSB) Charuk Ngai dan Charuk Bakong (Fasa Satu)

Jumlah keluasan Program Tanam Semula Berkelompok (TSB) Fasa Satu adalah seluas 109 hektar yang melibatkan seramai 75 orang peserta. Pembangunan fasa satu ini mula dijalankan pada Oktober 2009 dan siap dibayar serta ditanam pada tahun 2010 dengan keluasan 85 hektar. Manakala baki kawasan seluas 24 hektar tidak dapat disiapkan oleh pihak kontraktor dalam tahun 2010.

Pada tahun 2011, pihak Ahli Jawatankuasa (AJK) TSB Charuk Ngai dan Charuk Bakong telah melantik kontraktor baru dan kerja-kerja pembangunan kawasan berkenaan dan telah siap sepenuhnya. Kerja-kerja

penanaman getah dan bayaran akan dilaksanakan mulai Jun 2011.

TSB Charuk Ngai dan Charuk Bakong (Fasa Dua)

Bagi Program TSB Fasa Dua pula, ia melibatkan kawasan seluas 56.05 hektar dengan 43 orang peserta yang pada asalnya adalah merupakan kebun-kebun individu yang berhampiran dengan TSB Charuk Ngai dan Bakong Fasa Satu yang **tidak memohon** untuk menyertai projek TSB ini. Pemilik kebun-kebun ini telah membuat permohonan dan akan didaftarkan sebagai TSB Charuk Ngai dan Bakong Fasa Dua untuk tahun 2011. Kerja-kerja pembangunan TSB Fasa Dua ini sedang dijalankan serta dijangka akan mula ditanam dan dibayar mulai Julai 2011 tertakluk kepada tambahan peruntukan yang akan diterima.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2011, RISDA Daerah Sik telah menetapkan matlamat di bawah Program Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG) seluas 150 hektar dengan peruntukan sejumlah RM604,500.00 dan berjaya dibelanjakan sepenuhnya (100%) pada Mac 2011 di mana seluas 151.7806 hektar telah diluluskan dan telah dibayar kepada 105 orang pekebun kecil.

Walau bagaimanapun, sehingga Mei 2011, RISDA telah menerima permohonan tambahan seluas ³1,094.329 hektar daripada 700

pekebun kecil. Berdasarkan permohonan ini, iaanya memerlukan tambahan peruntukan bagi membolehkan kelulusan dan bayaran dilakukan bagi memenuhi permintaan dari pekebun kecil di daerah ini.

Bagi tujuan itu, RISDA telah diluluskan tambahan siling sebanyak RM12 juta di bawah Program TS GG dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) bagi tahun 2011. Peruntukan tersebut akan diagihkan kepada RISDA negeri sebaik sahaja diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Selain itu, tambahan matlamat fizikal bagi Daerah Sik sebanyak 180 hektar telah diluluskan dalam bulan Mei 2011 tertakluk kepada tambahan peruntukan kewangan yang diterima dan telah mengambil kira permohonan TSB Charuk Ngai dan Charuk Bakong, Fasa Satu (baki kawasan akan dibayar tahun 2011) dan Fasa Dua termasuk permohonan Tanam Semula Individu (TSI) lain.

SOALAN NO.:01

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
KAWASAN SEREMBAN
TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berkenaan dengan kelewatan menyiapkan projek Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kelantan:

- (a) berapakah kos terkini bagi projek tersebut; dan
- (b) apakah punca kelewatan bagi menyiapkan projek tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua;
JAWATAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga kontrak semasa bagi Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan ialah sebanyak RM149.18 juta.

Projek ini telah dimulakan pada 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Walau bagaimanapun, sehingga kini projek berkenaan telah diberikan 3 kali kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 9 Ogos 2011 berikutan dari faktor-faktor di luar kawalan pihak kontraktor. Antara faktor utama tersebut ialah disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan di pasaran, khususnya pada tahun 2007 dan 2008 . Di samping itu, kelewatan projek ini turut disumbangkan oleh faktor cuaca di tapak bina dan masalah kelemahan pengurusan oleh kontraktor utama.

Sehingga 31 Mei 2011, kemajuan kerja fizikal yang dicatatkan di tapak ialah 75.1% berbanding 85.5% mengikut jadual, atau bersamaan kelewatan selama 54 hari. Pada masa kini JKRR sedang dalam proses untuk menimbangkan permohonan EOT kali ke-4 dan Perjanjian Kontrak Tambahan dari pihak kontraktor untuk tempoh selama 12 bulan lagi. Ini berikutan dari cadangan penjadualan semula kerja disebabkan oleh faktor-faktor teknikal projek. Oleh itu, berdasarkan kepada kemajuan semasa di tapak, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu ini dijangka akan

mengalami kelewatan untuk disiapkan, iaitu pada 9 Ogos 2012 berbanding jadual asal yang telah dipinda (9 Ogos 2011).

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH
KAWASAN	KOTA BHARU 13 JUN 2011 (ISNIN)
TARIKH	

SOALAN:

**Y.B. DATO¹ HA] I WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA**
menyatakan status terkini pembinaan Jambatan Manek Urai yang
dijanjikan oleh Kerajaan dalam Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai
pada 14 Julai 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Membina jambatan Baru menghubungkan Manek Urai Lama dengan Manek Urai Baru, Kuala Krai, Kelantan telah dimulakan pada 20 Oktober 2010 dengan tempoh siap kerja selama 24 bulan.

Skop projek ini melibatkan pembinaan satu unit jambatan sepanjang 200 meter atau 5 span dengan kelebaran 10 meter, termasuk membina jalan tuju di atas Sg Lebir, Kuala Krai, Kelantan. Projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor Salabumi (M) Sdn. Bhd. menerusi kaedah perolehan tender terhad dengan harga kontrak sebanyak RM14.1 juta. Sehingga 31 Mei 2011, kemajuan kerja fizikal di tapak ialah sebanyak 16.3% berbanding 16.8% mengikut jadual, atau bersamaan 4 hari lewat jadual. Berdasarkan kepada perancangan, projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada 19 Oktober 2012.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUP : £*

NO. AUM : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 13 JUN 2011

RUJUKAN 3652

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perbezaan bidang kuasa antara polis bantuan dengan polis biasa dan adakah status anggota Ikatan Relawan (RELA) yang menjadi polis bantuan sama dengan polis bantuan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

SOALAN NO : 64

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, perbezaan di antara polis bantuan dan polis biasa ialah polis bantuan hanya mempunyai kuasa semasa menjalankan tugas rasmi di kawasan majikan yang telah ditetapkan manakala polis biasa tetap mempunyai kuasa polis walaupun ketika bukan dalam menjalankan tugasnya. Bagi anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) yang menjadi polis bantuan pula, mereka mempunyai kuasa seperti mana polis bantuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

TUAN CHONG CHIENG JEN SOALAN NO : 64

[BANDAR KUCHING]

TARIKH

13 JUN 2011

SOALAN

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa orang *cardiologist* yang bertugas di Hospital Pakar Jantung di Kota Samarahan. Berapa antara mereka yang layak untuk menjalankan pembedahan (surgery) dan apakah jangkamasa menunggu untuk dijalankan pembedahan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Pakar Jantung di Kota Samarahan yang baru memulakan perkhidmatannya pada awal Januari 2011 dikenali sebagai Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak. Hospital ini mempunyai tiga (3) orang Pakar Kardiologi (Cardiologist). Pakar Kardiologi adalah pakar perubatan yang telah mengikuti program latihan subkepakaran dalam bidang Kardiologi.

Oleh kerana bidang asas Pakar Kardiologi ialah kepakaran perubatan mereka tidak menjalankan pembedahan jantung. Pembedahan jantung di mana-mana pusat jantung sekalipun termasuk di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak di Kota Samarahan dijalankan oleh Pakar Bedah Kardiotorasik (Cardiothoracic Surgeon).

Di hospital ini terdapat seorang Pakar Bedah Kardiotorasik yang menyediakan perkhidmatan pembedahan jantung kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya. Walaupun hanya mempunyai seorang Pakar Bedah Kardiotorasik, dua lagi Pakar Bedah Kardiotorasik akan diserapkan dalam perkhidmatan dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Penempatan Pegawai Kontrak pada 7 Jun 2011. Pakar Kardiologi dan Pakar Bedah Kardiotorasik akan bekerja bersama-sama dan saling membantu dalam memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit jantung.

Masa menunggu bagi mendapatkan pembedahan jantung di hospital ini adalah kira-kira enam (6) bulan.

NO: 6S

JAWAB LISAN DATUK RAIME BIN UNGGI 13

DARIPADA PEMBERITAHUAN (ISNIN)

TARIKH AHUAN

SOALAN PERTANYA

AN DEWAN

PERTANYA

RAKYAT

AN Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PENGAJIAN

NO. 65

TINGGI

menyatakan sumbangan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berstatus universiti penyelidikan dan berasaskan pertanian dalam melahirkan pekerja mahir dalam sektor pertanian di negara ini sejajar Dasar Pertanian Negara (DPN).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa berusaha melahirkan pekerja mahir dalam sektor pertanian. Ini adalah sejajar dengan Dasar Pertanian Negara (DPN) yang telah mengenalpasti sektor pertanian sebagai salah satu sektor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan imbangan perdagangan.

Sehubungan itu, Fakulti Pertanian UPM telah menawarkan program-program yang berasaskan pertanian di pelbagai peringkat pengajian iaitu enam (6) program di peringkat Diploma, lima (5) program di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan dua (2) program di peringkat Pasca Siswazah dalam bidang pertanian bagi melahirkan pekerja (sumber gunatenaga) mahir dalam sektor pertanian. Program-program penyelidikan bagi program Sarjana dan PhD juga ada ditawarkan di sembilan (9) institut di UPM iaitu:

- I- Biosains
- ii. Teknologi Maju
- iii. Pengajian Sains Sosial
- iv. Gerontologi
- V. Penyelidikan Matematik
- vi. Penyelidikan Produk Halal
- vii. Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
- viii. Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
- ix. Pertanian Tropika

UPM juga memainkan peranan utama dalam membekalkan teknologi maju yang berinovasi dalam bidang pertanian dan seterusnya menjana ekonomi negara. Pembangunan negara dan produktiviti pada masa kini banyak bergantung kepada penjanaan idea, modal intelektual dan pengetahuan baru. Dalam hal ini, UPM akan terus membangunkan penyelidik yang terlibat secara aktif dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) serta menjalankan aktiviti penyelidikan yang

mempunyai daya maju komersial terutamanya dalam bidang pertanian.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT**

NO. SO ALAN: **\$6**
PARLIMEN KEDUA BELAS _____
(2011)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH 13 JUN2011 [ISNIN]

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka pejabat agama atau pusat dakwah di kawasan luar bandar seperti di kawasan Sibuti memandangkan kekurangan guru-guru agama muda yang dilihat memberi pengajaran dan dakwah di kawasan luar bandar sejak kebelakangan ini

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha penyebaran dakwah Islam ke seluruh negara termasuk di kawasan bandar dan luar bandar. Program dan aktiviti dakwah ini diselaras dan diuruskan oleh Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam melalui cawangan atau pusat-pusat latihan yang ditubuhkan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di Sarawak terdapat Cawangan JAKIM, Pejabat Agama Islam Daerah dan pusat latihan yang sentiasa menjalankan aktiviti dakwah di seluruh negeri termasuk di Lawas dan Marudu. Oleh kerana jarak daripada kedua-dua bahagian tersebut ke Sibuti tidak terlalu jauh, maka dalam masa terdekat ini JAKIM dan JAIS belum ada perancangan untuk membuka cawangannya di Sibuti

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 13 JUN 2011

SOALAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta PERDANA

MENTERI menyatakan

- (a) status terkini siasatan penyelewengan yang berlaku seperti yang dicatatkan dalam Laporan Audit Negara dari 2005 hingga 2010; dan
- (b) berapa ramaikah orang yang telah dikenakan tindakan dan apakah jenis tindakan-tindakan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan sentiasa serius menangani isu penyelewengan yang berlaku seperti yang dicatatkan dalam Laporan Audit Negara ini dan mengambil langkah-langkah pencegahan khususnya dalam segi memperketat sistem dan prosedur bagi mengelakkan perkara ini berlaku. Namun perlu dijelaskan bahawa tidak semua pendedahan dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut adalah berkaitan dengan perlakuan jenayah, sebaliknya terdapat pendedahan yang melibatkan kelemahan pengurusan di mana memerlukan tindakan secara pentadbiran oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Berdasarkan rekod yang terdapat di Badan Pencegah Rasuah

(BPR)/Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), BPR/SPRM telah menjalankan sejumlah 175 siasatan hasil pendedahan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 hingga 2009 di mana dalam tempoh berkenaan status kes berkaitan laporan tersebut adalah seperti berikut:

- i) Sebanyak 36 kes telah dituduh di mahkamah.
- ii) Sejumlah **enam (6)** kes dibuka Kertas Pemeriksaan Dan Perundingan untuk mengkaji kelemahan-kelemahan sistem dan prosedur kerja.
- iii) Sebanyak 47 kes melibatkan Laporan Badan Pencegah Rasuah (LBPR)/Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) kepada Ketua-Ketua Jabatan bagi tindakan tatatertib.
- iv) **Tujuh (7)** Surat Nasihat juga diberi kepada Ketua Jabatan supaya memperbaiki dan mengambil langkah sewajarnya agar salah laku dan ketidakpatuhan peraturan tidak berulang.
- v) **Lima (5)** kes masih dalam kajian Timbalan Pendakwa Raya.
- vi) Sejumlah 13 kes masih dalam tindakan lanjut selepas menerima arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya.
- vii) **Satu (1)** kes masih dalam tindakan siasatan untuk dilengkapkan.
- viii) Manakala 60 kes setelah diteliti hasil siasatan, pihak Timbalan

Pendakwa Raya telah memutuskan tiada
pendakwaan diteruskan ke atas kes yang telah dikemukakan.

b) Untuk makluman Yang Berhormat juga , bagi Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 hingga 2009, sejumlah 18 orang telah dituduh di Mahkamah dan 14 orang dirujuk kepada Ketua Jabatan untuk tindakan tatatertib.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan perbezaan peranan yang akan dimainkan oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Jabatan Bantuan Guaman (JPM) dan *Legal AidCentre* (Majlis Pequam Malaysia).

YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

JAWAPAN: MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan *Legal AidCentre* (LAC) secara amnya mempunyai peranan yang hampir sama iaitu memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman secara percuma atau pada kadar bayaran yang minimum, kepada golongan yang kurang berkemampuan. Namun, ketiga-tiganya sedikit berbeza dari segi bidang kuasa dan kumpulan sasaran. Kewujudan ketiga-tiga badan ini boleh dilihat sebagai saling melengkapi untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan berkaitan dengan bantuan guaman dalam perkara jenayah dan sivil.

Peranan YBGK adalah untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman secara percuma dalam kes jenayah kepada Warganegara Malaysia di peringkat tangkapan, reman/tahanan dan permohonan ikat jamin. Bagi kes perbicaraan di mahkamah, bantuan ini adalah layak bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada RM25.000 setahun. Bantuan YBGK adalah termasuk bagi kes jenayah syariah dan kesalahan jalan raya, tetapi tidak termasuk kes-kes yang membawa hukuman mati. YBGK juga tidak menawarkan bantuan guaman dalam kes-kes sivil.

Legal AidCentre (LAC) pula memberi bantuan guaman termasuk individu bukan Warganegara Malaysia. Dalam kes sivil, LAC mengendalikan kes kekeluargaan, kes syariah, kes perumahan/sewaan, kes pendatang tanpa izin dan kes buruh. LAC tidak mengendalikan kes kemalangan jalan raya, tuntutan hutang, saman fitnah, probet dan surat mentadbir pusaka. LAC memberikan bantuan guaman ini kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM18,000 setahun.

Manakala JBG pula berperanan untuk memberi khidmat nasihat guaman, mewakili atau memberi bantuan guaman di Mahkamah Sivil dan Syariah, memberi khidmat pengantaraan dan memberi penerangan serta kesedaran undang-undang kepada masyarakat. Bidang kuasa sivil JBG merangkumi pengendalian kes-kes kekeluargaan sivil dan syariah serta kes sivil pelbagai termasuk kes kemalangan jalan raya, sewaan, pentadbiran harta pusaka, sewa beli, pemberi pinjam wang, pampasan pekerja serta tuntutan pengguna.

Bidang kuasa jenayah JBG pula meliputi pengendalian prosiding jenayah bagi tertuduh yang mengaku salah dan ingin membuat rayuan untuk pengurangan hukuman, pengendalian prosiding jenayah oleh pesalah kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan pengendalian prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. Bantuan guaman JBG layak diberi kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM25.000 setahun.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 69

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)
TARIKH	13.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan pemberian vitamin dan mineral kepada murid-murid sekolah untuk mengganti program susu memandangkan kebanyakan murid-murid sekolah keturunan Asia adalah 'lactose intolerance'.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelbagai usaha direalisasikan untuk mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kecemerlangan akademik dan pembangunan insan yang seimbang adalah asas kejayaan sekolah sebagai institusi masyarakat. Pelaksanaan Program 3K (Kebersihan, kesihatan dan keselamatan) merupakan satu inisiatif yang proaktif Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi melahirkan sekolah yang mementingkan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan. Dalam melaksanakan program tersebut, KPM memang telah mewujudkan satu jawatankuasa bagi menjayakan hasrat tersebut berlandaskan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan buku-buku panduan yang diedarkan ke sekolah-sekolah.

Selaras dengan Pelaksanaan Program 3K, KPM telah mula melaksanakan Program Susu 1 Malaysia secara berperingkat-peringkat muiai bulan April 2011. KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), telah merangka dan meneliti setiap aspek dalam usaha menjamin bahawa susu yang dibekalkan adalah selamat. Sehubungan dengan itu, buat masa ini KPM belum bercadang untuk membekalkan vitamin atau mineral kepada murid-murid.

Rjm 04

NO. AUM : 73 NO.

AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI]

TARIKH 13 JUN 2011

RUJUKAN 3653

SO ALAN:

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan berkesan yang diambil Kerajaan untuk

membanteras pendatang asing tanpa izin dan kemasukan warga asing ke dalam negara di atas perlindungan suaka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Langkawi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia bukan *signatory* kepada 1951 *Convention relating to the Status of Refugees*, dengan demikian kita tidak akan melayan mana-mana warganegara asing yang masuk ke negara ini atas alasan mencari perlindungan suaka. Jika mereka masuk ke negara ini secara tidak sah, mereka akan dianggap sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI).

Tindakan-tindakan yang telah diambil Kerajaan bagi membanteras PATI boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.

Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu

kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan

- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang- undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PAD A :Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH : 13/06/2011

SOALAN

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa sementara langkah meningkatkan simpanan SRR (Statutory Reserve Requirements) adalah munasabah difahami akan sebab dilakukan, mengapa BNM turut meningkatkan OPR dengan *0.25 percentage point* ke 3% yang pasti akan meningkatkan BLR dan kos pinjaman serta berpotensi menjelaskan proses pemulihan (*recovery*) ekonomi negara.

JAWAPAN DILULUSKAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keputusan menaikkan kadar dasar semalam (*Overnight Policy Rate*) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 5 Mei 2011 adalah bertujuan untuk menyelaraskan tahap dasar monetari yang akomodatif dan mengurangkan sebarang risiko terhadap pertumbuhan secara mampan ekonomi Malaysia, serta kestabilan sistem kewangan. Langkah ini bagi memastikan kemakmuran ekonomi negara terus utuh dalam jangka masa yang panjang.

2. Selain itu, sebagaimana yang berlaku pada krisis sub-prima di Amerika Syarikat serta gelembung harga aset di negara maju yang lain, pengekalan kadar faedah pada tahap yang terlalu rendah bagi satu tempoh masa yang terlalu lama akan mendorong kepada aktiviti spekulasi dan leveraj yang berlebihan. Ia juga akan menyebabkan tanggapan yang salah terhadap tahap risiko, yang akan membawa kepada kelemahan pertumbuhan ekonomi. Perkembangan semasa ekonomi negara-negara maju membuktikan keadaan tersebut akan menyebabkan ekonomi dan sistem kewangan yang lemah, pengangguran yang lebih tinggi dan terhakisnya kebajikan ekonomi. Langkah awal terhadap paras OPR adalah perlu bagi memastikan sektor isi rumah dan perniagaan tidak mengurangkan tabungan mereka dengan ketara atau membuat pinjaman yang berlebihan.

3. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada penilaian semasa, ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar pertumbuhan yang mampan iaitu antara 5 hingga 6% pada tahun 2011. Ini membolehkan paras OPR diselaraskan semula ke paras yang wajar. Pada masa yang sama, kadar inflasi dijangka berada pada paras purata antara 2.5% hingga 3.5%.

Oleh yang demikian, pendirian dasar monetari pada masa hadapan adalah bergantung kepada penilaian terhadap perkembangan dalam petunjuk makroekonomi tersebut serta tanda-tanda awal risiko terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Keputusan untuk menaikkan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*) adalah sebagai langkah pencegahan untuk menangani risiko akibat peralihan besar aliran modal ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Peningkatan tahap mudah tunai ini, sekiranya tidak diurus dengan baik, boleh mendorong peminjaman dan aktiviti pengambilan risiko yang melampau, yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan kewangan. Sebarang perubahan pada kadar SRR di masa hadapan akan ditentukan berdasarkan perkembangan aliran modal dan keperluan untuk mengurus keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan Malaysia.

NO. SOALAN : 72

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS _____ **(2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
(RANTAU PANJANG)

TARIKH : 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Puan Zailah binti Mohd. Yusoff minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang isu bahan haram yang ada dalam ramuan pembuatan roti dalam Negara. Apakah tindakan dan pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan agar roti yang dijual di pasaran terjamin halal.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan menggalakkan umat Islam di negara ini memilih produk makanan yang memiliki logo Sijil Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN). JAKIM sdn JAIN/MAIN hanya memantau produk dan premis yang memohon atau menyalahgunakan sijil Halal Malaysia sahaja. Hal ini disebabkan pada masa sekarang, tiada undang-undang yang mewajibkan semua produk dan premis memohon sijil Halal Malaysia.

Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih berkesan termasuk isu bahan haram dalam ramuan pembuatan roti dapat dilaksanakan apabila Rang Undang-Undang Perihal Dagangan, 2011 yang telah digubal bagi menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972 (APD. 1972) yang dijadualkan untuk dibentangkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) di Dewan Rakyat pada Mesyuarat ini dan dilaksanakan kelak. Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri(MAIN) sahaja sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk mengeluarkan sijil dan logo halal dan menguatkuasakan perundangan yang berkaitan perbahasaan halal. Hal sedemikian, akan menjadikan pengguna lebih dilindungi di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

LISAN

PERTANYAAN Y.B DATUK DR TEKHEE @ TIKI
DARIPADA ANAK LAFE
(MAS GADING)

TARIKH 13.6.2011

SOALAN */S*

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah status pelaksanaan BELB di negeri Sarawak khasnya di kawasan Parlimen P192 Mas Gading yang dijangka akan (95%) siap dilaksanakan pada tahun 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Kerajaan di bawah tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dari tahun 2010 sehingga 2012 telah menasarkan untuk mencapai liputan 95% bekalan elektrik 24 jam di negeri Sarawak melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 77,000 buah rumah.

Sehingga 31 Mei 2011, Kementerian telah berjaya menyiapkan penyambungan bekalan elektrik kepada 1,950 buah rumah di Sarawak. Kementerian mengunjurkan bahawa pada akhir tahun 2011, sejumlah 19,842 rumah tambahan lagi akan menerima kemudahan bekalan elektrik 24 jam di negeri Sarawak. Dengan pelaksanaan projek ini, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak akan mencapai 79.2% pada akhir tahun 2011 dan Kementerian yakin bahawa sasaran untuk mencapai liputan 95% pada akhir tahun 2012 akan dapat dicapai.

Khusus bagi kawasan Parlimen Mas Gading, Kementerian pada tahun 2010 dan 2011 telah meluluskan pelaksanaan 16 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 1,244 buah rumah

dengan kos berjumlah RM22.5 juta. Dari jumlah berkenaan, pelaksanaan 7 projek melibatkan 660 buah rumah telah pun siap dilaksanakan manakala bakinya dijangka akan dapat disiapkan pada akhir tahun 2011.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADAY.B. TUAN TAN TEE BENG

(NIBONG TEBAL)

TARIKH 13.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru bukan berbangsa Cina yang dihantar ke China untuk mempelajari Bahasa Mandarin dan apakah perancangan Kementerian apabila mereka pulang nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai usaha untuk melahirkan guru berkualiti yang menguasai pelbagai bidang ilmu dan kemahiran, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menghantar pelajar-pelajarnya ke luar negara melalui pelbagai program. Mulai tahun 2007, KPM mula menghantar pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke Beijing Foreign Studies University (BFSU), China. Seramai 82 pelajar bukan berbangsa Cina sedang mengikuti Kursus **Bahasa Mandarin Dalam Kalangan Penutur Jati Ke Arah 1 Malaysia** di universiti berkenaan, di bawah Program Penghantaran Pelajar Cemerlang (PPC) dan Program Penghantaran Pelajar Lepasan SPM. Pelajar-pelajar ini akan ditempatkan disekolah seluruh negara bagi mengajar mata pelajaran Bahasa Mandarin setelah mereka tamat

Soalan No: 74

pengajian dengan jayanya.

Rjm 05

dengan perubahan pemikiran, nilai, amalan serta perwatakan anak muda kita hari ini.

2. Meminda peraturan-peraturan sekolah yang dianggap lapuk agar dapat disesuaikan dengan perubahan sikap anak-anak kita pada hari ini.
3. melaksanakan sistem merit dan demerit di mana tingkah laku murid akan diberi ganjaran berbentuk markah sekiranya mengamalkan tingkah laku berdisiplin.
4. Menambah baik Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dengan lebih menfokuskan perkhidmatan tersebut kepada usaha meningkatkan pembangunan sahsiah dan disiplin serta pembinaan karektor murid di sekolah.
5. Penekanan terhadap nilai murni dan moral dalam mata pelajaran berkaitan khususnya dalam Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sivik dan Kewarganegaraan dan juga aktiviti-aktiviti kokurikulum.

NO. SOALAN : N0.75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah bentuk inisiatif Kementerian yang telah dilaksanakan di Sarawak sepanjang 3 tahun lepas dan apakah bentuk projek pihak Kementerian dapat dilaksanakan di kawasan luar bandar seperti Parlimen Sibuti dalam menggalakkan penggunaan teknologi hijau.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara objektif yang terkandung dalam Dasar Teknologi Hijau Negara adalah peningkatan pendidikan dan kesedaran awam terhadap teknologi hijau dan menggalakkan penggunaan meluas aplikasi teknologi hijau. Ini adalah kerana promosi yang efektif dan kesedaran awam merupakan dua faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembangunan

teknologi hijau. Hal ini penting kerana perkara tersebut memerlukan perubahan pemikiran masyarakat. Promosi dan kesedaran awam teknologi hijau ini disasarkan kepada orang awam melalui tiga komponen iaitu promosi melalui *events*, promosi melalui media serta direktori teknologi hijau. Dalam menggalakkan pelaksanaan teknologi hijau di negara, pelbagai inisiatif promosi dan kesedaran awam telah dijalankan.

Pada tahun 2010, pelbagai aktiviti-aktiviti yang mempromosi teknologi hijau telah dilaksanakan. Antaranya ialah siri *Roadshow Teknologi Hijau* yang dijalankan dengan kerjasama Federation Malaysia Manufacturers (FMM) dan kerajaan negeri. Salah satu siri *Roadshow* ini telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 15 Julai 2010. Siri *Roadshow* ini telah dihadiri oleh peserta dari industri, pegawai kerajaan, institusi perbankan dan institusi pengajian tinggi. Program *Roadshow* ini melibatkan pembentangan kertas mengenai inisiatif teknologi hijau yang sedang dijalankan, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau serta pembentangan *case study* projek teknologi hijau di dalam sektor tenaga, pengangkutan, air dan sisa dan bagunan.

Di samping itu, baru-baru ini Kementerian saya telah mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan KeTTHA di Sarawak. Program ini melibatkan tiga daerah di Sarawak iaitu Kuching pada 4 April 2011, Sibu pada 7 April 2011 dan Miri pada 11 April 2011. Program ini bertujuan untuk mendekatkan diri dengan penduduk

Sarawak dan seterusnya memperkenalkan sektor-sektor di bawah Kementerian saya iaitu tenaga, teknologi hijau dan air.

Bagi menggalakkan penggunaan teknologi hijau di kawasan luar bandar, beberapa inisiatif boleh dijalankan seperti mengadakan Program Sekolah Rintis - Amaian Hijau. Program ini diadakan di sekolah rendah atau menengah yang terpilih atau boleh juga diadakan di suatu lokasi dan secara rawak menjemput pelajar-pelajar sekolah rendah atau menengah yang terlibat. Cadangan program ini merupakan bengkel di mana pelajar-pelajar didedahkan kepada beberapa perkara asas tentang pemanasan global dan perubahan iklim, dan kesan-kesan jangka panjang akibat pencemaran.

Penglibatan daripada Jabatan Pelajaran Negeri diperlukan bagi bengkel ini dan cadangan Kementerian mengadakan usahasama bersama Centre For Education, Training and Research in Renewable Energy and Energy Efficiency (CETREE) yang berpusat di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Ini adalah kerana CETREE mempunyai pengalaman iaitu pernah mengendalikan bengkel seperti ini pada tahun 2010 melibatkan pelbagai sekolah di seluruh negara. CETREE juga mempunyai modul pembelajaran teknologi hijau bagi pelajar serta bahan promosi iaitu bas Teknologi Hijau yang mengandungi pelbagai informasi berkaitan teknologi hijau.

Di samping itu, program seminar atau pameran yang berterusan di kalangan

penduduk di luar bandar akan dijalankan bagi memberikan maklumat lanjut mengenai kepentingan teknologi hijau dan amalan hijau. Antara perkara yang boleh dimaklumkan pada seminar atau pameran ini ialah berkenaan amalan penjimatan tenaga dan air serta penggalakkan aktiviti kitar semula.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
KAWASAN KETEREH
TARIKH 13.6.2011 (Isnin)
NO. SOALAN 77
Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan 5 pelaburan terbesar oleh pelabur asing sepanjang
tahun 2006 hingga 2010.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2006 hingga 2010. sejumlah 4,621 projek
perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak
RM248.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM150.9 bilion
(60.8%) merupakan pelaburan asing manakala RM97.4 bilion
(39.2%) merupakan pelaburan domestik.

Lima proiek terbesar dalam tempoh tersebut dengan nilai pelaburan sebanyak RM32 bilion adalah:

- sebuah proiek dalam industri produk petroleum (termasuk petrokimia) bagi mengeluarkan coke & sulphur, oil refinery activities including tank farm & pipeline to produce gasoline, LPG, diesel and kerosene;
- sebuah proiek usahasama baru dari Jepun dan Sepanvol dalam industri loqam asas bagi mengeluarkan stainless steel slabs, stainless steel black coils and hot rolled stainless steel sheets;
- sebuah proiek baru dalam industri kimia dan produk kimia bagi mengeluarkan polycrystalline silicon, mixed acid, hydrogen, fumed silica, trichlor-silane, silicon tetrachloride dan hydrofluoric acid dari Jepun;
- sebuah proiek baru dalam produk qalian bukan loqam bagi mengeluarkan solar glass (coated, tempered, etc) dan solar mirror dari Hong Kong; dan
- sebuah proiek baru dengan pelaburan dalam produk logam asas bagi mengeluarkan pig iron/flat iron, slabs, billets, blooms, hot rolled coils, plates, cold rolled coils and hot rolled bars dari China.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

NO. AUM : 80

**DARI PADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH
PANTAI]**

TARIKH 13 JUN 2011

RUJUKAN 3654

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah pihak Kementerian akan memansuhkan Ordinan Darurat yang masih berkuatkuasa memandangkan jawapan Menteri yang bersetuju dengan pemansuhan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Lembah Pantai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah bersetuju dengan pemansuhan Ordinan Darurat (Kenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan tiada pengumumam ataupun kenyataan pernah dibuat oleh Kementerian berkenaan pemansuhan Ordinan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan Ordinan tersebut memandangkan ianya masih berkesan dalam menangani ancaman terhadap ketenteraman awam dan menghapuskan jenayah yang berunsur kekerasan. Namun demikian, Kerajaan dalam usaha untuk melakukan penambahbaikan terhadap Ordinan tersebut melalui pindaan undang-undang pencegahan yang akan dibentangkan di Parlimen sedikit masa lagi.

SOALAN NO: 79

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN
TARIKH SOALAN	Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) 13 Jun 2011 (Isnin)
JAWAPAN	Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan makanan global dan harga makanan yang tinggi
	OLEH Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal Dasar Agromakanan bagi tempoh 2011-2020 di mana beberapa strategi dan langkah telah dikenal pasti dalam mengatasi kekurangan bekalan makanan seperti:

- (i) meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa;

- (iii) membangunkan sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan;
- (iv) menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka; dan
- (v) meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menangani isu kenaikan harga bahan makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini sedang mengambil pendekatan berikut:

- (i) bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam usaha membendung kenaikan harga bahan makanan; dan
- (ii) Kementerian juga mengadakan dialog bersama dengan persatuan-persatuan pengeluar bahan makanan utama bagi memastikan kenaikan harga pengeluaran berada di paras stabil dan untuk memelihara kepentingan petani/penternak/nelayan/usahawan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID [PENGERANG]

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN:

DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah dan tindakan yang diguna pakai dalam menguatkuasakan cadangan dan sokongan yang dibuat oleh Transparency International Malaysia (TI-M) dan Bahagian Pemantauan dan Penyelarasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) -Rasuah untuk tidak membenarkan pembiayaan asing dalam sebarang pilihan raya di negara ini.

SOALAN NO.80

JAWAPAN: I
YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan langkah dan tindakan khusus untuk tujuan tersebut. Ini kerana mengikut amalan yang dilaksanakan di Malaysia, tidak pernah wujud sebarang tabung atau dana samada daripada pihak kerajaan, pihak swasta mahu pun pihak asing secara rasmi kepada parti-parti politik dan calon-calon bebas bagi tujuan untuk berkempen dalam pilihan raya ataupun tujuan-tujuan politik yang lain. Sebaliknya dana tersebut diuruskan sendiri oleh mereka atau parti, yang mana akaun parti-parti politik yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1976 ini, diaudit sendiri oleh badan tersebut (Pendaftar Pertubuhan).

NO SOALAN : 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN:

DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedar bahawa skim gaji, pangkat dan ganjaran pegawai dan kakitangan Kerajaan di peringkat jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Sarawak adalah terlalu jauh rendah dan ketinggalan berbanding dengan yang sedia ada dan diguna pakai di peringkat jabatan-jabatan dan agensi- agensi Kerajaan Persekutuan.

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan gred sesuatu jawatan adalah berdasarkan kepada skop fungsi dan kompleksiti bidang tugas jawatan tersebut. Sekiranya sesuatu gred jawatan telah ditetapkan, ianya adalah sama dari segi struktur gaji, elauan dan lain-lain kemudahan dan diterimapakai di semua negeri.

Kerajaan Negeri Sarawak menggunakan sistem saraan yang sama seperti Kerajaan Persekutuan iaitu Sistem Saraan Malaysia berkuat kuasa pada 1hb November 2002 atau Sistem Saraan Baru/Jawatankuasa Kabinet 1976 bagi yang tidak menerima opsyen sistem baru. Sehubungan itu, isu perbezaan skim gaji, pangkat serta ganjaran-ganjaran lain tidak berbangkit.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO: **m**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARI PADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

[TELOK INTAN]

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN 83

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah kawalan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat telco yang banyak membuat berbagai promosi bermotif keuntungan mereka sahaja tetapi orang ramai tidak semuanya faham atau semak bil-bil itu. Untuk **postpaid** bil-bil yang dikeluarkan kepada pelanggan dengan pelbagai caj itu tidak mudah difahami dan selalu mempunyai pelbagai caj yang pelanggan tidak tahu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi membantu pelanggan mereka untuk memahami bil perkhidmatan yang dikemukakan. Pelanggan boleh merujuk kepada talian khidmat pelanggan syarikat telekomunikasi dan juga melayari bil

SOALAN NO: 83

secara **online** sekiranya terdapat sebarang kekeliruan. Di samping itu, pada setiap tahun, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia (Forum Pengguna) dan syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi mengadakan program kesedaran pengguna yang bertujuan untuk membantu pelanggan mendapatkan pengetahuan tentang telekomunikasi secara lebih mendalam.

Pihak SKMM dan Forum Pengguna juga telah menyediakan panduan Perkhidmatan Telefon Bimbit yang menerangkan cara untuk meneliti bil bulanan dan syarat kontrak bagi memudahkan pelanggan memahami caj-caj yang dikenakan oleh syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi. Para pengguna juga boleh berhubung dengan pihak Forum Pengguna untuk mendapatkan sebarang khidmat nasihat atau membuat aduan mengenai isu-isu kepenggunaan telekomunikasi.

Untuk tujuan melindungi pengguna, Kementerian melalui SKMM sentiasa memantau aktiviti-aktiviti syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi agar tidak mengadakan promosi yang bermotifkan keuntungan. Pemantauan ini dijalankan berdasarkan pada panduan kod amalan pengguna. Sekiranya mana-mana syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi didapati melanggar panduan kod amalan pengguna tersebut dengan membuat promosi yang mengelirukan atau sengaja untuk memperdaya pengguna, tindakan undang-undang akan dikenakan di bawah Seksyen 242 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang melibatkan denda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)
SOALAN NO. 82

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kelayakan seseorang untuk menduduki kerusi Za'aba dan kerusi Ghafar Baba di UPSI. Apakah kelayakan keilmuan, sumbangan dan akademik yang akan menjadikan seseorang itu wajar untuk mewakili ketokohan kerusi yang diwujudkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pencalonan bagi penyandang Kursi Za'ba dipilih di kalangan mereka yang mempunyai kesarjanaan yang baik di dalam mana-mana bidang pengajian/pengajaran bahasa, kesusateraan atau kebudayaan dan lain-lain bidang yang menfokus kepada bidang-bidang kajian yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Organisasi Sosial
- ii. Bahasa dan Kesusateraan
- iii. Agama dan sistem kepercayaan
- iv. Etos dan sistem nilai

- v. Epistemologi
- vi. Minda dan watak
- vii. Kesenian
- viii. Semiotik dan Estetik
- ix. Teknologi

Penyandang Kursi Za'ba kini dilantik untuk menfokuskan kepada kajian bidang organisasi sosial, minda dan watak.

Manakala, calon bagi penyandang Kursi Tun Ghafar Baba pula adalah mereka yang mempunyai kesarjanaan dalam mana-mana bidang kepakaran bagi memajukan pengajian kepimpinan guru dan hubungan etnik. Kursi Tun Ghafar Baba ditubuhkan di UPSI memandangkan ia merupakan tempat Allahyarham Tun Ghafar Baba mendapat ilmu dan asuhan perguruan serta berkesempatan bergaul dengan pelajar dari Semenanjung, Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei yang menjadi rakan seperjuangan politik beliau. Pihak Universiti dan Lembaga Pengarah telah mengenalpasti calon yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang sejarah dan sosiologi.

NO SOALAN:83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TEO NIE CHING
 [SERDANG]

TARIKH

13 JUN 2011

SOALAN:

PUAN TEO NIE CHING minta PERDANA MENTERI menyatakan perbelanjaan Suruhanjaya Pilihan Raya, PDRM dan Kerajaan dalam Pilihan Raya DUN Sarawak

NO SOALAN:83

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan Pilihan Raya Ke-10 DUN Sarawak yang dibelanjakan mengikut anggaran SPR adalah RM 50 juta.

SULIT

Manakala bagi kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain, jumlah perbelanjaan mereka adalah mengikut anggaran bajet yang telah ditetapkan oleh kementerian/agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI - BN]

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN NO. 84 (AUM M/S. 15)

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah sebab-sebab pada tahun 2011 maka kejohanan Ironman tidak diadakan dan adakah pertandingan sedemikian akan diadakan kembali pada tahun-tahun akan datang.

JAWAPAN

1. Kejohanan Ironman di Langkawi merupakan program anjuran oleh Syarikat Langkawi Ironman Endurance Malaysia, LIAM (M) Sdn Bhd yang mendapat *franchise/ permit* daripada *World Triathlon Corporation (WTC)*, berpusat di Amerika Syarikat sebagai pemilik utama kejohanan tersebut. Namun kontrak atau tempoh *franchise* tersebut telah pun tamat pada tahun 2010 yang lalu. Sehubungan itu, keputusan untuk meneruskan penganjuran kejohanan tersebut tertakluk kepada LIAM (M) Sdn Bhd sama ada akan meneruskan kontrak mereka dengan WTC atau sebaliknya.
2. Kementerian sentiasa mengalukan penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam membawa atau menganjurkan kejohanan-kejohanan sukan bertaraf antarabangsa ke Malaysia selari dengan hasrat dan komitmen Kementerian dalam menjadikan sukan sebagai satu industri kepada pembangunan ekonomi negara.

SULIT

S'S'
NO SOALAN iW

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH :13/06/2011

SOALAN

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah di antara Ahli Jemaah Menteri sekarang yang pernah mengambil kemudahan (*loan*) dari institusi kewangan tetapi telah menjadi *non-performing loan (NPL)*. (tidak perlu beri nama Menteri dan bank terlibat).

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (ABIK 1989) tidak membenarkan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyiasat secara khusus hal ehwal mana-mana pelanggan individu institusi berlesen. Oleh yang demikian, pihak BNM tidak boleh menyiasat dan mendedahkan maklumat tentang rekod pinjaman Ahli Jemaah Menteri.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN
SOALAN NO: 86
DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 13JUN 2011

SOALAN

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah berkesannya perhubungan antara jabatan di bawah Kementerian dengan Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis-majlis Daerah dan lain-lain jabatan yang berkaitan bagi memastikan tidak merebaknya punca-punca pencemaran alam sekitar di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa mendapat kerjasama yang baik daripada pihak-pihak berkuasa tempatan termasuklah Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah serta jabatan / agensi yang berkaitan dalam usaha mengawal punca-punca pencemaran

alam sekitar dengan berkesan bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Kerjasama yang diperolehi ini adalah dalam bentuk nasihat teknikal dan melalui tindakan bersepada dalam menangani isu-isu pencemaran bagi menjaga dan memulihara alam sekitar. Ianya dilaksanakan melalui sesi perbincangan dalam Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan, Jawatankuasa Teknikal Pusat Sehenti (*One Stop Centre*), Jawatankuasa Tindakan dan sebagainya di peringkat negeri dan daerah.

Jalinan kerjasama ini telah membolehkan tindakan-tindakan pencegahan dan pengawalan pencemaran alam sekitar dilaksanakan dengan cara yang sistematik dan lebih menyeluruh ke atas projek-projek pembangunan baru, baik di peringkat perancangan, pembinaan maupun di peringkat pengoperasiannya. Manakala bagi punca-punca sedia ada pula, kawalan dilaksanakan dengan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan mengikut bidangkuasa serta perundangan masing-masing bagi memastikan kejadian-kejadian pencemaran alam sekitar dapat dikawal dengan lebih berkesan.

Bagi menangani aduan-aduan pencemaran alam sekitar yang diterima oleh pihak JAS yang memerlukan kawalan dan tindakan yang melibatkan bidang kuasa dan perundangan pihak berkuasa tempatan serta jabatan / agensi lain, secara umumnya kerjasama yang baik telah sedia terjalin di antara pihak-pihak tersebut dan mendapat maklumbalas sewajarnya mengenai tindakan yang diambil oleh jabatan / agensi berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 87

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DE

WA

N

RA

KY LISAN

AT,

MA YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

[PAYA BESAR]

YSI

A ISNIN, 13 JUN 2011

02 [PR-1242-L44164]

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH RUJUKAN SOALAN

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan kutipan parkir awam hanya dalam tempoh waktu bekerja dan selepas waktu bekerja ianya adalah percuma:

- (a)sejauh manakah pemantauan pihak berkuasa terhadap pemungut sewa parkir tidak berlesen di waktu malam yang berkeliaran di Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (b)apakah pihak berkuasa bercadang untuk mengawal dan menyelaraskan kutipan parkir oleh pihak persendirian yang dilihat berbeza walaupun di lokasi yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan terhadap mana-mana orang awam yang menjalankan aktiviti menjaga kereta di jalan awam dan di mana-mana tempat letak kereta tanpa kebenaran di ambil di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Seksyen 50 (3).

Seterusnya, kaedah pemantauan yang dipraktikkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah dengan membuat rondaan menggunakan motosikal dan van ke lokasi-lokasi tumpuan aduan seperti di Jalan Imbi, Jalan Bulan, Changkat Bukit Bintang, Jalan Doraisamy, Jalan Hj. Taib, Jalan Hj. Hussien, Chow Kit, Jalan Masjid India, Jalan Yew dan sekitar kawasan Sri Hartamas. Selepas Jabatan membuat intipan dan mendapati kegiatan memungut parkir haram sememangnya berlaku, maka operasi menangkap akan dilaksanakan bagi membanteras masalah ini.

Sepanjang **tahun 2010, seramai 572 orang telah ditangkap**. Manakala bagi bulan **Januari sehingga 8 Jun 2011, seramai 186 orang penjaga kereta haram telah ditangkap** dan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Buat masa ini, tiada ketetapan khusus atau kriteria bagi penentuan kadar harga bagi sesuatu tempat letak kereta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Apa yang dipraktikkan ialah sesuatu permohonan untuk mengoperasikan tempat letak kereta persendirian akan dibawa dan dibincangkan dalam Mesyuarat Tempat Letak Kereta Persendirian yang diadakan setiap bulan di Jabatan Pelesenan (JPL), Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur.

Di dalam mesyuarat ini, Ahli Jawatankuasa mesyuarat yang terdiri dari pelbagai Jabatan Teknikal akan berbincang dari pelbagai sudut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan seperti keadaan lokasi, saiz petak, pemasangan CCTV (dalam bangunan) dan seumpama termasuk kadar harga yang akan dikenakan kepada para pengguna. Semua kriteria tersebut akan membezakan kadar harga yang akan dikenakan kepada para pengguna kelak.

Namun begitu, secara keseluruhannya kadar harga yang dikenakan oleh operator tempat letak kereta persendirian bagi sesuatu kawasan tersebut adalah tidak jauh berbeza.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWA

*M(r~
ST*

N LISAN
RAKY DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI
MOHAMED SAID KUALA
AT. KRAU 13.6.2011 (Isnin)
MALA 88

YSIA

PERTANYAAN DARIPADA

KAWASAN TARIKH NO. SOALAN

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID minta
MENTERI PERDAGANGAN ANT ARABAN GSA DAN
INDUSTRI menyatakan:-

- (a) apakah 10 sebab Malaysia menjadi destinasi yang tepat untuk melabur dan kejayaan serta reaksi daripada para-pelabur sewaktu berucap di Forum "Invest Malaysia New York 2011"; dan
- (b) sejauhmanakah penerimaan Konsep Wasatiyah (konsep kesederhanaan) terutama bagi Kerajaan golongan

intelektual, ulama dan ketua perniagaan di seluruh dunia.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam ucapan Y.A.B. Perdana Menteri kepada para pelabur Amerika Syarikat semasa forum 'New York Invest Malaysia' yang berlangsung pada 17 May 2011 di Bursa Saham New York, Y.A.B. Perdana Menteri telah menyatakan 10 sebab Malaysia menjadi destinasi yang tepat untuk melabur. iaitu:

- kekuatan ekonomi dalam kepelbagaian etnik rakyatnya;
- semangat dalam bidang perniagaan. sebagai contoh kejayaan syarikat-syarikat seperti Air Asia, Axiata, Maybank dan CIMB yang menembusi pasaran global;
- hubungan seiarah dengan China, India dan Timur Tengah yang sekaligus membolehkan Malaysia untuk terlibat dengan kuasa ekonomi baru muncul ini dan pada masa yang sama mewujudkan hubungan dengan negara-negara barat:
- penggalakkan pertumbuhan dan pelaburan di dalam

sektor perkhidmatan dengan meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan selain daripada 27 subsektor perkhidmatan yang telah diliberalisasikan pada tahun 2009;

- perubahan kepada sistem penyampaian Kerajaan untuk menjadi lebih efektif melalui pewujudan Program Transformasi Kerajaan;
- transformasi ekonomi Malaysia bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui 12 Bidang Ekonomi Utama (NKEA) yang dikenalpasti di bawah Program Transformasi Ekonomi;
- rekod pertumbuhan pelaburan asing yang memberansangkan dan dijangka pertumbuhan ini akan terus meningkat pada tahun 2011;
- rekod peningkatan dana asing yang memberansangkan dalam pasaran modal;
- menembusi pasaran ASEAN dengan melabur di Malaysia; dan
- peluang terbuka bagi pelabur untuk melabur di Malaysia. Forum 'New York Invest Malaysia' yang diadakan pada 17 May 2011 di Bursa Saham New York merupakan salah satu platform

terbaik dalam usaha menarik lebih banyak pelabur dari Amerika Syarikat untuk terus melabur di negara ini.

Semasa forum tersebut berlangsung, Y.A.B. Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan dan mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang terpilih. Lebih daripada 10 buah syarikat dari Malaysia juga turut hadir ke persidangan tersebut seperti Air Asia, Axiata, Mavbank dan CIMB di mana sebanyak 101 perumpaan di antara svarikat-svarikat Malaysia dan pelabur-pelabur Amerika Syarikat telah dianjurkan.

Forum ini telah dihadiri oleh 270 peserta yang terdiri daripada broker, pengurus wang, syarikat-syarikat multinasional dan pengurus dana dari Amerika Syarikat. Ini menunjukkan bahawa para pelabur yang berpotensi di Amerika Syarikat berminat untuk mengetahui perkembangan terkini di Malaysia kerana forum ini bertujuan untuk memaklumkan kepada bakal-bakal pelabur Amerika Syarikat mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia khusus dalam bidang yang selari dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini.
Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara peneraiu pemikiran kepada dunia Islam

bukanlah satu kejayaan yang dapat dicapai dalam masa yang singkat. Namun begitu, melalui pelbagai dasar dan pendekatan yang telah digunakan, Malaysia pada umumnya telah diakui sebagai peneraiu pemikiran dalam pelbagai bidang pembangunan Islam.

Kerajaan memperkenalkan konsep Wasativah yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang adalah sebagai pemangkin kepada Gagasan 1 Malaysia. Konsep ini selaras dengan wawasan kepimpinan negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masvarakat berbilang bangsa. agama dan resam budava. Konsep Wasativah adalah pendekatan yang tidak bersifat keterlaluan atau melampau, tetapi tidak pula terlalu longgar atau terlalu mengambil ringan dalam sesuatu perkara. Ia bukan bermakna melakukan sesuatu yang kurang daripada aiaran Islam.

Soalan No : 89

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)
TARIKH	13.06.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik gejala buli dan masalah disiplin di sekolah dan apakah langkah untuk menanqaninya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua.

Bilangan murid yang didapati terlibat dalam gejala buli dalam tempoh tiga tahun (2008-2010) sekolah menengah dan rendah secara puratanya adalah seramai 2871 orang murid atau 0.05 peratus. Bagi menghalang berlakunya kejadian membuli, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2010 iaitu Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid Di Sekolah.

Selain daripada itu, KPM juga telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha merekayasa (*reengineering*) pengurusan Disiplin di sekolah. Untuk itu, satu *Task Force* telah diwujudkan yang berfokus kepada;

1. usaha membentuk budaya sekolah yang melibatkan nilai, sikap, komunikasi serta kehendak-kehendak baru agar dapat disesuaikan sekolah juga diingatkan supaya mematuhi langkah-langkah yang disarankan seperti di dalam Surat Pekeliling semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Selain daripada peruntukan pembangunan dan perbelanjaan mengurus yang disediakan oleh Kerajaan, bagi memastikan golongan kurang berkemampuan mendapat peluang pendidikan yang sama, KPM turut menyediakan pelbagai jenis bantuan pendidikan khusus kepada semua murid yang layak seperti bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), bantuan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BPKU). Bantuan pendidikan yang disediakan ini adalah bertujuan membantu murid- murid kurang berkemampuan bagi meneruskan persekolahan serta membuka ruang kepada mereka untuk menjana kecemerlangan seperti murid-murid lain.

Rjm 07

NO. SOALAN: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR
TARIKH MAS] 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan afirmatif (tindakan kesungguhan) untuk membantu mengangkat kedudukan ekonomi Bumiputera yang belum mencapai sasaran 30% di bawah program Model Baru Ekonomi (MBE) dan program Transformasi Ekonomi Negara serta nyatakan apakah hak-hak keistimewaan orang Melayu yang diberikan oleh Kerajaan kepada kaum Melayu dan Bumiputera sebagaimana Perlembagaan 153.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Ekonomi (PTE) adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Di bawah MBE dan PTE, tindakan afirmatif akan terus dilaksanakan dengan berasaskan kepada empat prinsip utama iaitu ketelusan, mesra pasaran, meritokrasi dan berasaskan keperluan. Pelaksanaan dasar ini adalah untuk memastikan pencapaian sasaran matlamat yang sama seperti Dasar Ekonomi Baru tetapi melalui kaedah pelaksanaan yang berbeza dengan penekanan diberikan lebih kepada empat prinsip seperti yang saya nyatakan sebentar tadi.

Salah satu komponen MBE di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik Kelima (IPS5) adalah merapatkan jurang ketidaksamaan antara etnik dan melihat kepada isu-isu utama berkaitan tindakan afirmatif dan program-program yang memfokuskan kepada

isi rumah berpendapatan 40% terendah dan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC).

Antara strategi yang akan terus dilaksanakan Kerajaan termasuk menyediakan program pembangunan yang lebih komprehensif dan berintegrasi berdasarkan prinsip mesra pasaran untuk membantu usahawan Bumiputera di sektor enterpris kecil dan sederhana (EKS) bagi menjamin akses kepada kemudahan kewangan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersilan produk, bantuan teknikal dan teknologikal, serta pemasaran dan promosi.

Sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikankekayaan negara oleh Bumiputera dalam ekonomi akan terus kekal di peringkat makro. Sasaran pemilikan berasaskan pendekatan baru ini bukan sahaja terhad kepada pemilikan ekuiti korporat tetapi termasuk juga aset-aset yang lain (aset nyata dan harta tanah), sumber kewangan terkumpul dan pelaburan oleh Institusi. Kerajaan juga telah memberi keutamaan kepada peningkatan penyertaan Bumiputera di dalam pekerjaan dan profesion yang berpendapatan tinggi yang akan menjadi elemen utama dalam meningkatkan pemilikan harta mereka. Tugas untuk mencapai sasaran 30% tersebut dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi tertentu seperti Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Urusan Tabung Haji dan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera.

Bagi makluman Ahli YB, bentuk bantuan khusus yang diberikan kepada orang Melayu di bawah Hak Keistimewaan Melayu sebagaimana Perlembagaan 153 adalah dari segi pembangunan modal insan dan pendidikan serta kelayakan menerima biasiswa manakala di bidang ekonomi, mereka diberi peluang dalam pemilikan lesen/permit perniagaan dan perkhidmatan. Namun demikian, keistimewaan yang diberikan ini tidak sama sekali mengeneplikan hak dan keistimewaan laum-kaun lain untuk terus berjaya, malahan Kerajaan adalah prihatin dan akan terus menyokong dalam usaha untuk memastikan kejayaan semua rakyat Malaysia dan memastikan keseimbangan pembangunan sosioekonomi serta mengurangkan jurang ketidaksamaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

No. SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

Y.B. DR TAN SENG GIAW (KEPONG)

TARIKH

13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. DR TAN SENG GIAW minta PERDANA MENTERI

menyatakan bagaimana beliau dapat mendidikkan rakyat Malaysia mendukung keserdahanan dan permodenan secara bersama seperti yang disarankan di Oxford pada bulan Mei. Adakah beliau sedia mengambil tindakan yang tegas dan adil terhadap sesiapa sahaja yang menimbulkan hasutan agama dan kaum.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

YAB Perdana Menteri pada bulan Mei yang lalu telah dijemput berucap di Oxford University, United Kingdom, dengan tajuk "*Coalition of Moderates and Inter-Civilisational Understanding.*" Ucapan tersebut mengutamakan konsep Wasatiyyah atau kesederhanaan yang terdapat di dalam agama Islam, malah agama-agama lain juga turut menekankannya. Beliau menyeru masyarakat dunia yang menganut pelbagai agama perlu bekerjasama dan mengamalkan sifat kesederhanaan dalam kehidupan seharian dan menentang apa juu bentuk ekstrimisme dan keganasan yang dilakukan oleh puak-puak pelampau.

Sebenarnya, ucapan YAB Perdana Menteri ini adalah lanjutan ucapan beliau di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) pada September 2010 yang telah mendapat sambutan yang baik. Memang amat tepat dan wajarlah saranan YAB Perdana Menteri ini, memandangkan kemelut yang dunia kini hadapi, khasnya terdapat

kumpulan-kumpulan yang menjuarakan pandangan ekstrimis dan melaksanakan kegiatan-kegiatan keganasan.

YAB Perdana Menteri juga turut menarik perhatian dunia untuk berkongsi pengalaman dan amalan yang dilakukan di Malaysia yang penduduknya terdiri daripada 60% penganut agama Islam dan 40% lagi penganut pelbagai agama. Di Malaysia, Islam adalah sinonim dengan sikap kesederhanaan, keterangkuman dan tadbir urus yang baik. Walaupun Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi ianya juga melindungi hak-hak semua rakyat Malaysia untuk mengamalkan agama masing-masing secara aman dan harmoni. Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia boleh menjadi teladan yang baik.

Sejak awal 2009, pelbagai pendektan dan usaha telah dan sedang dilakukan bagi mencapai hasrat tersebut, antaranya melalui Gagasan 1 Malaysia dengan komitmen “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Nilai-nilai penerimaan (*acceptance*) dan keterangkuman (*inclusiveness*) merupakan nilai-nilai yang perlu dihayati dan diserapkan dalam pemikiran dan kehidupan seharian di kalangan masyarakat. Penyebaran konsep dan semangat gagasan 1 Malaysia telah dilaksanakan melalui media massa oleh kerajaan dan sektor swasta sebagai satu bentuk pendidikan bukan formal secara besar-besaran yang telah mendapat sambutan yang semakin meningkat.

Harus ditegaskan bahawa hasrat murni kerajaan ini bukanlah dasar baru, ia telah lama ditekankan melalui nilai-nilai yang terkandung dalam prinsip pertama dan kelima Rukun Negara, iaitu “Kepercayaan Kepada Tuhan” dan “Kesopanan dan Kesusahaann”. Selain daripada dilafazkan semasa perhimpunan sekolah dan majlis-majlis lain, prinsip-

prinsip Rukun Negara telah dan sedang dididik, dibincang dan dihayati melalui 3653 buah Kelab-kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta Sekretariat Rukun Negara (SRN) di 17 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 27 buah Institut Pengajian Guru (IPG), 15 buah kolej matrikulasi, 27 buah politeknik dan 40 buah kolej komuniti yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Walau bagaimanapun, dalam mana-mana masyarakat yang demokratik, terdapat segelintir pemimpin dan individu yang mempunyai pandangan yang berbeza dan mempertikaikan pandangan dan pendirian yang berasas. Begitu juga di Malaysia, wujudnya pandangan di antaranya yang bersifat melampau, tidak menafikan kesahihan konsep kesederhanaan ini bahkan mendesak betapa perlunya ianya dipromosikan dengan lebih gigih lagi. Cara yang sesuai ialah untuk meyakinkan majoriti yang benar menerima kesederhanaan dan menolak ekstrimisme. Akan tetapi, jika masih terdapat tindakan mana-mana pihak yang dijangka akan mengancam keamanan dan ketenteraman, maka tindakan undang-undang tetap akan diambil ke atas mereka.

minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel bagi menyeragamkan harga barang di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia; Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barang yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Sehubungan ini, Kerajaan telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 April 2011. Akta ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengekang syarikat atau individu menjual barang atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran secara melampau;

Memantau bekalan barang keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;

- Memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis barang makanan; Memperuntukkan sebanyak RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi, RM230 juta untuk intensif pengeluaran dan peningkatan hasil padi serta RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan;
Memperuntukkan sebanyak RM235 juta bagi meningkatkan pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan penggunaan benih padi bermutu tinggi;
Mewujudkan portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" bagi memudahkan rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barang, meliputi hampir 7 ribu premis perniagaan seluruh negara;
Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun sehingga 2015;
Siling kelayakan untuk golongan kurang upaya dinaikkan daripada pendapatan RM750 sebulan kepada RM1,200 sebulan dan siling pendapatan untuk isi rumah miskin menerima bantuan dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembangan harga terkini dan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya ia tidak menjelaskan kehidupan harian rakyat terutama golongan mudah terjejas.

Jumlah Perbelanjaan Sebenar Subsidi (RM juta) 1999-2011

Komponen	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 ^b
Gas petroleum cecair (LPG), diesel dan petrol	458	3,170	2,881	1,651	1,006	3,343	10,984	7,558	7,473	17,556	6,190	9,605	10,256
Bantuan pendidikan ¹	396	455	635	477	709	921	982	1,018	1,176	8,974	6,698	5,987	6,756
Bantuan kebajikan lain ²			7	9	11	12	14	12	15	37	1,605	2,376	1,879
Subsidi perbezaan kadar faedah dan elektrik		353	38	795		519	628	522	741	815	1,085	1,367	1,581
Padi, beras, gula dan tepung	519	546	566	531	580	635	626	841	709	1,266	2,138	1,927	1,572
Skim penstabilan harga minyak masak										438		828	928
Insentif ³										155	1,943	1,091	524
Lain-lain ⁴	29	300	426	214	374	366	153	161	212	4,137	1,538	493	331
Jumlah	1,402	4,824	4,553	3,677	2,680	5,796	13,387	10,112	10,481	35,166	20,345	23,107	23,704

¹ Daripada tahun 2008, basiswa dan bantuan pelajaran diklasifikasikan di bawah subsidi.

² Termasuk bantuan kepada golongan miskin, warga emas, Orang Asli, orang kelainan upaya dan golongan mudah terjejas.

³ Insentif untuk membantu petani, nelayan dan penternak bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

⁴ Termasuk rebat tunai dan lain-lain.

^b Bajet 2011

NO. AUM : 95

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

[PASIR PUTEH]

TARIKH 13 JUN 2011

RUJUKAN 3866

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tangkapan bagi kes-kes menerbit, mengedar dan membuat tayangan video lucah di seluruh negara sejak 2008 hingga sekarang dan apakah jenis tindakan atau hukuman yang dikenakan bagi kes-kes tersebut.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Puteh yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, sejak 2008 sehingga sekarang (Mei 2011) sebanyak 2,454 kes tangkapan dilaporkan dan sejumlah 147,280 cakera optik lucah dalam bentuk VCD atau DVD telah berjaya dirampas.

Kes-kes bagi filem lucah tersebut didakwa bawah Seksyen 5 Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620). Sabit kesalahan pesalah boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Jumlah keseluruhan hukuman denda yang dikenakan oleh Mahkamah bagi kes-kes tersebut adalah sebanyak RM 571,400.

SOALAN NO: 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos perbelanjaan siri advertorial Economic Transformation Programme (ETP) dalam akhbar sejak ETP dilancarkan. Memandangkan email 1 Malaysia adalah inisiatif swasta, kenapakah Kerajaan perlu membelanjakan wang untuk menyiaran advertorial Truths and Lies about My Email untuk mempertahankan projek email 1 Malaysia pada 6 Mei 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Secara menyeluruh, sejak Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilancarkan pada bulan Oktober 2010, sebanyak 36 advertorial ETP disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan (pelbagai bahasa). Ini menelan belanja sebanyak RM3.5juta dan dianggap amat kecil perbelanjaan

tersebut jika dibandingkan dengan faedah-faedah yang telah diperoleh daripada wujudnya ETP ini dari segi peningkatan Pendapatan Negara Kasar (GNI), pelaburan daripada sektor swasta dan juga peluang pekerjaan yang diwujudkan untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Pihak kerajaan mengambil pendekatan untuk memberi maklumat yang terkini kepada rakyat mengenai Program Tranformasi Ekonomi. maklumat ini disediakan melalui pelbagai media termasuk media cetak untuk rakyat membuat penilaian tersendiri tentang program serta status perlaksanaan program yang telah diumum oleh YAB Perdana Menteri. Maklumat diberi bertujuan untuk memastikan bahawa fakta yang benar dan tepat diberi kepada rakyat.

Sebagai contoh, salah satu tanggapan yang salah dan mula tersebar di media online, facebook, twitter dan lain-lain lagi adalah bahawa Kerajaan akan mengeluarkan perbelanjaan besar untuk memulakan projek MyEmail ini. Sama sekali kenyataan ini adalah tidak tepat dan saya ingin menekankan bahawa pihak Kerajaan tidak akan mengeluarkan walaupun satu sen untuk projek ini.

Kerajaan memainkan peranan sebagai fasilitator terhadap initiatif syarikat-syarikat swasta dalam projek-projek permulaan (Entry Point Projects/EPP). Oleh itu, kerajaan harus menunjukkan bahawa ianya komited terhadap memberi sokongan terhadap syarikat-syarikat yang terlibat. Ini dapat meningkatkan tahap keyakinan bukan sahaja daripada syarikat-syarikat

dalam Negara, malahan pelabur-pelabur asing terhadap kerajaan Malaysia.

Lebih-lebih lagi, sekiranya pihak yang tidak bertanggungjawab tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan dan fakta-fakta yang salah, pihak kerajaan tidak perlu ke hadapan untuk menerangkan keadaan yang sebenar dan contoh paling baik kita dapat lihat daripada ini adalah apabila cerita-cerita yang sama sekali tidak tepat dikeluarkan mengenai MyEmail tersebut, dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) bagi pihak kerajaan harus mengambil tindakan secepat mungkin untuk memperbetulkan kenyataan^kenyataan salah itu.

NO. SOALAN: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [
KOTA BELUD]

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Haji Abd Rahman Bin Dahlan [Kota Belud] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kadar kemiskinan bukan Bumiputera sejak tahun tahun 2008 hingga kini dan sebutkan perancangan terperinci Kerajaan untuk membantu mereka termasuk pinjaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perangkaan yang diperolehi melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan bukan Bumiputera pada tahun 2004 adalah 1.3% dan telah berkurang kepada 1.1% pada tahun 2009.

Walaupun negara berjaya dalam mengurangkan kadar kemiskinan, Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan tahap pendapatan dan kualiti hidup semua golongan rakyat termasuk golongan miskin dan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum. Dalam konteks ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah memberi fokus kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah selaras dengan pembangunan sosio ekonomi secara inklusif.

Selaras dengan itu, program-program di dalam RMKe-10 diorientasikan kepada empat prinsip iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berdasarkan merit dan ketelusan. Antara langkah utama yang dilaksanakan termasuklah:

- i. Membina keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan, latihan kemahiran dan program keusahawanan yang dilaksanakan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan dan sektor swasta disamping institusi latihan awam seperti Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Di Sabah dan Sarawak, Program Peningkatan Kapasiti Dan Kapabiliti Kumpulan Khusus dan sebagainya;
- ii. Menyediakan kemudahan sokongan kepada aktiviti keusahawanan seperti akses kepada pinjaman kewangan dan kredit mikro, ruang perniagaan dan pemasaran seperti program Bantuan Kredit Mikro kepada Wanita Cina daripada Persekutuan Persatuan Keturunan Lim Malaysia, program Peningkatan Kapasiti Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan sebagainya;
- iii. Mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi termasuk peluang pekerjaan bagi pekerjaan berpendapatan tinggi terutamanya di sektor swasta melalui pelaksanaan projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP); dan
- iv. Melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu seperti Dana Pembiayaan Bagi Penduduk Kampung Baru Cina, Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet dan sebagainya.

Soalan No : 96

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)
TARIKH	13.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan konsep pendidikan percuma yang pernah dimaklumkan sebelum ini tetapi telah menimbulkan kekeliruan terhadap ibu bapa yang masih membayar yuran persekolahan serta nyatakan perbelanjaan untuk memastikan pendidikan percuma berjaya dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tidak timbul kekeliruan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat kerana Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ilkhtisas Bil. 13/2007** mengenai pemansuhan Yuran Khas dan Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan kepada perkhidmatan dan kemudahan di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008, ibu bapa tidak perlu lagi membayar Yuran Khas sebanyak RM4.50 bagi sekolah rendah dan RM9.00 bagi sekolah menengah. Selain itu, pada tahun yang sama yuran peperiksaan juga telah dimansuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelaksanaan bayaran-bayaran lain persekolahan adalah diputuskan oleh pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG)

SULIT

NO:97

melalui Mesyuarat Agung PIBG. Walau bagaimanapun, PIBG dan

SULIT

NO:97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN

JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG - PAS] 13

TARIKH

SOALAN NO. 97 (AUM M/S. 17)

JUN 2011 (ISNIN)

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang - PAS] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah pendirian dan sikap Kerajaan apabila melibatkan ahli sukan wanita Muslim mewakili negara terpaksa berpakaian yang mana hukumnya haram serta menjolok mata.

JAWAPAN

1. Berdasarkan kepada Piagam Olimpik Antarabangsa, Kerajaan sesebuah negara tidak boleh memcampuri urusan persatuan sukan kebangsaan negara masing-masing dan jika ia berlaku persatuan sukan kebangsaan tersebut akan digantung. Tindakan tersebut sudah pasti akan merugikan negara kerana atlet-atlet tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa.

2. Sehingga kini, pihak kementerian mendapati bahawa hanya beberapa jenis sukan sahaja yang menetapkan jenis-jenis pemakaian yang tertentu sebagai peraturan dalam aspek pakaian sukan bagi tujuan menyertai kejohanan yang diiktiraf oleh Persekutuan Sukan Antarabangsa. Di antaranya adalah sukan bina badan, sukan seni mempertahankan diri dan akuatik. Kebanyakan sukan juga tidak menghalang ahli-ahli sukan wanitanya untuk memilih bagi memakai pakaian yang menutup aurat. Justeru itu, Kementerian berpandangan bahawa pemakaian sukan di kalangan ahli-ahli sukan wanita adalah tanggungjawab dan pilihan ahli-ahli sukan itu sendiri dan tertakluk kepada keutamaan penyertaan mereka dalam sesuatu jenis sukan.

SOALAN (99)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 JUN 2011 (ISNIN)

**DARIPADA Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA I]**

SOALAN

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA 1 minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha- usaha atau kemampuan yang ada pada Kementerian untuk memastikan kualiti rumah mengikut piawaian atau mengikut spesifikasi dipatuhi oleh pemaju perumahan seperti yang mereka janjikan kepada pembeli.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa melaksanakan pemantauan ke atas rumah yang dibina oleh pemaju mengikut piawaian atau spesifikasi yang ditetapkan. Dasar Perumahan Negara (DRN) yang telah dilancarkan pada 10 Februari 2011 menggariskan usaha-usaha Kerajaan melalui pelbagai agensi untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan perumahan. Ini dapat dilaksanakan dengan menggalakkan penggunaan tenaga kerja mahir dan terlatih yang bertauliah, penggunaan piawaian kualiti minimum pembinaan dan penggunaan bahan-bahan binaan tempatan yang berkualiti.

Kerajaan akan terus menguatkuasakan perundangan di bawah akta dan peraturan-peraturan yang sedia ada bagi memastikan pemaju-pemaju perumahan mematuhi semua aspek berkaitan industri perumahan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam memastikan kualiti pembinaan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pemajuan perumahan oleh setiap pemaju perumahan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB. TUAZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM
BANDAR BARU)**

TARIKH 13JUN 2011(ISNIN)

SOALAN

YB. Tuan Zulkifli Bin Noordin minta PERDANA MENTERI menyatakan

- a) apakah pendirian dan tindakan kerajaan terhadap umat Islam yang menganut fahaman pluralisme yang meletakkan kepercayaan bahawa semua agama adalah sama sebagai aqidah mereka; dan²

NO. SOALAN: 101

- b) adakah benar penganut fahaman pluralisme ini boleh membawa kepada kesesatan dan murtad sebagaimana yang dinyatakan oleh SS Tan Sri Harussani Zakaria, Mufti Negeri Perak.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 74 pada 25 - 27 Julai 2006 telah mengeluarkan keputusan bahawa gerakan pemikiran liberal mengandungi fahaman-fahaman yang menyeleweng dari aspek akidah dan syariah. Antara penyelewengan tersebut adalah konsep pluralisme agama yang berpendirian bahawa semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.

Berdasarkan fatwa ini, Kerajaan telah mengadakan beberapa tindakan seperti berikut

1. Mengadakan majlis-majlis penjelasan tentang bahaya fahaman pluralisme agama dengan kerjasama jabatan-jabatan agama negeri serta badan-badan pertubuhan bukan kerajaan.

2. Melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur pluralisme agama.
3. Mengkaji dan seterusnya mengeluarkan fatwa-fatwa yang berhubungkait amalan atau perbuatan agama lain yang diamalkan oleh orang Islam yang mengandungi unsur-unsur pluralisms agama seperti fatwa Yoga, Valentine's Day dan Candlelight Vigil.
4. Menyediakan Garis Panduan yang berkait fahaman Pluralisme seperti Kongsi Raya dan juga Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam.

b) Sebagaimana yang telah diputuskan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan, fahaman atau ajaran pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada Islam. Bagaimanapun untuk memutuskan sama ada individu yang terlibat sebagai sesat atau murtad, maka ia perlu mengikut lunas-lunas perundangan dan hanya akan diputuskan oleh pihak mahkamah syariah.

Sekian, terima kasih.

NO. AUP : 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA

TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH

13 JUN 2011

RUJUKAN

3655

SOALAN:

Tuan Chia Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) adakah Menteri berpuas hati dengan alasan diguna pakai sehingga membatalkan pendaftaran Parti Keadilan Rakyat; dan
- (b) sama ada surat daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan bertarikh 9 Mei 2011 merupakan kesilapan menggunakan fasal untuk menghukum parti pembangkang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua ,

NO.AUM : 105

Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Notis 13(2) yang dikeluarkan terhadap Parti Keadilan Rakyat (PKR) bukanlah surat pembatalan tetapi merupakan surat tunjuk sebab terhadap PKR atas aduan yang diterima oleh Jabatan.

Jawapan dan alasan yang dikemukakan oleh PKR terhadap Notis 13(2) tersebut telah diterima sebagai memuaskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan sehubungan itu, Notis tersebut telah ditarik balik melalui surat Jabatan bertarikh 31.5.2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN WONG HO LENG

[SIBU]

TARIKH

13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

JAWAPAN:

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada penyiasatan / penyelidikan telah dijalankan bagi memastikan sama ada kesalahan telah dilakukan oleh Perdana Menteri di Sibu pada 15 April 2010 ketika beliau menyatakan **You help me, I help you** dalam kempen untuk Barisan Nasional bagi Pilihan Raya Kecil Sibu.

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] memperuntukkan kesalahan akibat perbuatan rasuah sebelum, semasa dan selepas sesuatu pilihan raya.

Oleh yang demikian, sama ada pemberian atau kelulusan segera sewaktu berkempen pilihan raya dianggap membeli undi dan melanggar Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) adalah persoalan fakta. Jika terdapat apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana orang, fakta itu akan disiasat oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan perlu dibuktikan di mahkamah oleh pihak-pihak yang mendakwanya.

Berdasarkan penghakiman kes-kes yang telah diputuskan sebelum ini, ia menunjukkan bahawa pemberian insentif serta kelulusan sesuatu projek dan janji-janji untuk membina kemudahan-kemudahan asas yang dibuat semasa kempen pilihan raya bukan suatu amalan rasuah atau penyogokan kerana ia

JAWAPAN:

adalah untuk kepentingan umum dan bukan untuk kepentingan individu tertentu.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH 13 JUN 2011

SOALAN:

DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedar bahawa skim gaji, pangkat dan ganjaran pegawai dan kakitangan Kerajaan di peringkat jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Sarawak adalah terlalu jauh rendah dan ketinggalan berbanding dengan yang sedia ada dan diguna pakai di peringkat jabatan-jabatan dan agensi- agensi Kerajaan Persekutuan.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan gred sesuatu jawatan adalah berdasarkan kepada skop fungsi dan kompleksiti bidang tugas jawatan tersebut. Sekiranya sesuatu gred jawatan telah ditetapkan, ianya adalah sama dari segi struktur gaji, elaun dan lain-lain kemudahan dan diterimapakai di semua negeri.

Kerajaan Negeri Sarawak menggunakan sistem saraan yang sama seperti Kerajaan Persekutuan iaitu Sistem Saraan Malaysia berkuat kuasa pada 1hb November 2002 atau Sistem Saraan Baru/Jawatankuasa Kabinet 1976 bagi yang tidak menerima opsyen sistem baru. Sehubungan itu, isu perbezaan skim gaji, pangkat serta ganjaran-ganjaran lain tidak berbangkit.

Sekian. Terima kasih

SOALAN NO: 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' RASHID BIN DIN

TARIKH: 13 JUN 2011

SOALAN:

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah mengikut peratus dari kalangan graduan pelbagai jurusan yang masih lagi menganggur selepas tamat pengajian di antara 1 hingga 3 tahun dan apakah punca- punca utama, mereka masih gagal mendapat pekerjaan yang mana pihak Kerajaan menyatakan masih banyak lagi kekosongan pekerjaan di sektor awam dan swasta.

PR-1242-L43455

JAWAPAN:

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

1. Berdasarkan maklumat Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun suku tahun pertama 2011, peratus graduan di peringkat diploma dan ijazah yang masih menganggur berdasarkan 9 jurusan terpilih adalah seramai 71,800 orang dan maklumat lengkap adalah seperti **Jadual 1:**

Bagi suku tahun pertama 2011.

Bil	Bidang Pengajian (Ijazah & Diploma)	Jumlah
1.	Program Asas /Umum	4,500
2.	Pendidikan	2,600
3.	Kesenian dan Kemanusian	3,100
4.	Sains Sosial.Perniagaan dan undang- undang	28,800
5.	Sains,Matematik dan Pengkomputeraan	9,200
6.	Kejuruteraan.Pembuatan dan Binaan	17,700
7.	Pertanian,Perhutanan, Perikanan dan Veterinar	400
8.	Kesihatan dan Kebajikan	3,700
9.	Perkhidmatan	1,800
	Jumlah	71,800

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011)

2. Dalam konteks Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan, penganggur dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu:

i) Penganggur aktif yang termasuk sebagai:

- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu tersebut
- ii) Penganggur tidak aktif yang meliputi:
- Mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau tidak berkelayakan
 - Mereka yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau cuaca buruk
 - Mereka yang menunggu jawapan permohonan pekerjaan
 - Mereka yang telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan

3. Oleh yang demikian, jumlah penganggur siswazah yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bukan menggambarkan jumlah siswazah yang menganggur dalam tempoh 1 hingga 3 tahun.
4. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga mengadakan Kajian Pengesanan Graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau ***Tracer Study*** bagi siswazah yang baru menamatkan pengajian. ***Tracer Study*** merupakan kajian bagi mengukur tahap ***employability*** dan ***marketability*** graduan serta persepsi mereka terhadap keberkesanan program akademik dan sistem penyampaian di institusi masing-masing bermula dari 6 bulan pertama selepas graduan menamatkan pengajian masing-masing sehingga pada tarikh menghadiri konvokesyen pada tahun yang sama. Berdasarkan kajian pada tahun 2010, antara sebab graduan IPTA dan IPTS belum bekerja adalah seperti berikut:

- a. Sedang mencari pekerjaan seramai 23,808 orang bersamaan 76.6%.
- b. Menunggu penempatan untuk melanjutkan pengajian seramai 3,143 bersamaan 10%.
- c. Ingin berehat seramai 1,263 orang bersamaan 4.1%.
- d. Tidak bekerja kerana kerja yang ditawarkan tidak sesuai, masalah kesihatan, tanggungjawab terhadap keluarga, memilih untuk tidak bekerja atau tidak berminat untuk bekerja seramai 2920 orang bersamaan 9.3%.

5. Mengikut data daripada sistem ***JobsMalaysia***, Kementerian Sumber Manusia, pendaftaran pencari kerja aktif bagi siswazah sehingga 1 Jun 2011 adalah sebanyak 254,627. Mereka mendaftar bagi tujuan mencari kerja atau menukar pekerjaan bagi peningkatan kerjaya. Sebanyak 35,801 siswazah (14%) telah berjaya ditempatkan sehingga 1 Jun 2011 dalam pekerjaan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi tempoh yang sama sebanyak 92,280 kekosongan jawatan bagi siswazah yang dilaporkan di laman web ***JobsMalaysia***.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi siswazah menganggur adalah seperti berikut:-

i) Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M)

Pada 1 Jun 2011, Kerajaan telah melancarkan program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) yang bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Seramai 3,000 orang siswazah menganggur akan ditawarkan peluang latihan dibawah anjuran syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Di bawah skim tersebut, siswazah yang tidak mendapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian berpeluang menerima latihan dengan syarikat-syarikat GLC selama setahun. Mereka juga ditawarkan elaun secara purata RM1,000 sebulan sepanjang tempoh latihan tersebut. Selain didedahkan dengan kemahiran seperti 'soft skills', siswazah berkenaan turut diberi latihan dalam kerja dan akan dibantu untuk mencari kerja tetap selepas tamat latihan.

ii) Program Di Bawah Kementerian Sumber Manusia

Pada tahun 2010 KSM telah berjaya membuat penempatan pencari kerja sebanyak 110,239 menerusi 9 program seperti berikut:-

BIL	PENEMPATAN 2010	PENEMPATAN		Jumlah Penempatan
		SISWAZAH	BUKAN SISWAZAH	
1	Portal JobsMalaysia	6,504	10,783	17,287
2	3P / Karnival Pekerjaan	7,350	12,875	20,225
3.	Penempatan Dengan Kerjasama APS	3,522	4,238	7,760
4.	Temuduga Terbuka	2,386	6,719	9,105
5.	Penempatan Terus Oleh Majikan	2,938	14,895	17,833
6.	Program Khas			10,531
7.	Integrasi JobMalaysia Sektor Awam - SPA SPP	12,858	14,640	27,498
Jumlah		37,181	73,058	110,239

Dari jumlah 110,239 penempatan yang dibuat, seramai 37,181 adalah siswazah.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tahun ini KSM telah berjaya membuat penempatan sebanyak 97,319 penempatan pencari kerja dan daripada jumlah itu seramai 35,801 (37%) adalah siswazah.

iii) MSC Malaysia *Knowledge Worker Development*

Initiative Oleh MOSTI

- a. MSC Malaysia KDI adalah inisiatif MDeC yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan relevan untuk memenuhi permintaan pihak industri. Antara program yang disediakan di bawah MSC Malaysia KDI 2011 adalah Program Kemahiran Siswazah (USP), Program Apprentis dan Pembangunan Siswazah (UGRAD), Program Latihan Graduan (GTP), Program Kem Kerjaya (Job Camp), Program Kerjasama antara Industri dan Akademia (IAC). Program-program ini menyediakan kursus latihan serta latihan dalam kerjaya kepada golongan siswazah dan lepasan graduan.

 - b. Antara fokus bidang dan kemahiran termasuklah Teknologi Maklumat, ***Shared Services and Outsourcing*** (SSO), Kejuruteraan Elektronik dan Multimedia Kreatif. Sehingga 31 Mac 2011, MDeC telah berjaya melatih seramai 36,318 graduan. Daripada jumlah graduan yang dilatih pada 2010, sekitar 93 peratus telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.
- iv) **Program Latihan Graduan Industri pembinaan Oleh CIDB**
- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri pembinaan di Malaysia telah menyediakan program “Latihan Graduan Industri pembinaan” khusus bagi melatih graduan-graduan IPTA dan IPTS bidang pembinaan yang masih menganggur. Program tersebut menawarkan kursus selama 2 bulan dibidang Pengurusan Projek,

Keselamatan & Kesihatan Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina di mana ianya dijalankan di 6 Akademi Binaan Malaysia milik CIDB. Segala perbelanjaan kursus tersebut ditanggung sepenuhnya oleh CIDB termasuk penginapan, makan minum dan pakaian kursus. Malah setiap peserta diberi elaun bulanan sebanyak RM500. Setelah tamat kursus adalah diharapkan setiap para peserta dapat menyertai sektor pembinaan dengan mendapatkan pekerjaan dengan kontraktor dan yang berkaitan. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2007, sehingga Dis 2010 seramai 814 graduan telah menyertai program tersebut.

v) **Sektor perkhidmatan awam**

Melantik graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Singkat dan Guru sandaran sehingga Disember 2011 yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran;

vi) **Program Keusahawanan**

Menempatkan siswazah terpilih di Perindustrian Kecil dan Sederhana melalui Program Perantisan Tunas Mekar selama setahun disamping menjalani kursus keusahawanan. Program ini dikendalikan oleh UiTM. Latihan-latihan juga disediakan oleh MDec melalui Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP) dan FAMA melalui program Pembangunan Usahawan Siswazah .

viii) ***Student Employment Experience Development (SEED)***

a. Program ***SEED*** terbahagi kepada tiga sub-program iaitu ***Graduate Executive Training (GET), Islamic Capital Market Graduate Training Scheme (ICMGTS)*** dan ***Graduate Development***

Programme (GDP). **GET** merupakan program khas bagi pengambilan pelatih pengurusan bagi agensi pengawalselia iaitu SC, Bursa Malaysia dan SI DC. **ICMGTS** pula merupakan program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal Islam dan disasarkan untuk melatih 200 modal insan sehingga tahun 2011. Manakala **GDP** pula adalah program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal konvensional dan disasarkan untuk melatih 180 graduan dan seterusnya membuka peluang untuk mereka dilesenkan sebagai **dealer representative** ataupun **remisier**.

b. Setakat ini CMDF telah memperuntukan sejumlah RM12.9 juta untuk membiayai program latihan graduan bagi tujuan membuka peluang pekerjaan di dalam industri sekuriti. Jumlah ini merangkumi program **GDP** dan **ICMGTS** di mana masing-masing diberi peruntukan sebanyak RM8.2 juta dan RM4.2 juta dan peruntukan untuk Persatuan Remisier Bumiputera (PRIBUMI) sebanyak RM500 ribu.

SOALAN NO : 105

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH SOALAN

LISAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [
KUALA KRAI] **Kuala Krai]**
minta **MENTERI KESIHATAN** **13 JUN 2011**
menyatakan menyatakan sama **ada**

Kementerian akan menjadikan Klinik Kesihatan Dabong di Kuala Krai sebagai klinik dengan kemudahan bilik bersalin dan katil untuk bermalam.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Dabong adalah klinik kesihatan dengan kemudahan bilik bersalin iaitu klinik kesihatan dengan Pusat Kelahiran Alternatif (*Alternative Birthing Centre - ABC*). Kemudahan Pusat Kelahiran Alternatif ini telah terdapat sejak dari tahun 1992 dan pesakit mempunyai kemudahan untuk bermalam. Kemudahan ini bukan sahaja bagi tujuan kelahiran oleh ibu yang dengan tiada risiko semasa tempoh mengandung (antenatal) tetapi juga menerima kemasukan bagi ibu hamil sebelum kelahiran dan menjalankan rujukan kes ibu hamil yang berisiko ke hospital bagi kes yang tidak boleh dikendalikan di peringkat Pusat Kelahiran Alternatif.

Kelahiran yang dikendalikan oleh Pusat Kelahiran Alternatif ini sejak dari tahun 2005 sehingga Mei 2011 secara kumulatifnya adalah sebanyak 112 kes, dengan kemasukan ibu hamil sebanyak 592 kes dan telah menjalankan rujukan ke hospital sebanyak 490 kes.

SOALAN NO.: 106
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

Y.B. TUAN DING KUONG HIING SARIKEI

TARIKH

13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status permohonan pembinaan dan menaik taraf jalan Raya Bukit Huang Sekumang, Sarikei ke Tanjung Manis sepanjang 15 kilometer dipercepatkan dalam *rolling plan* pertama, RMKe-10. Nyatakan juga jarak terdekat melalui jalan darat dari Sarikei ke Tanjung Manis selain daripada jalan

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya pada masa kini masih lagi sedang berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri mengenai cadangan senarai projek yang akan dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe- 10. Sehubungan itu, cadangan projek menaik taraf jalan dari Jalan Bukit Huang - Sekumang, Sarikei, Sarawak dengan anggaran kos sebanyak RM75 juta sememangnya merupakan antara projek berkeutamaan tinggi Negeri Sarawak untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua, RMKe-10. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan oleh Agensi Pusat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari jalan air, orang ramai kini boleh menggunakan kemudahan jalan raya yang menghubungkan Sarikei dengan Tanjung Manis. Pada masa kini jarak perjalanan jalan darat yang terdekat dari Sarikei ke Tanjung Manis ialah melalui Jalan Sibu - Bawang Assan - Seredeng sepanjang 44 kilometer. Jalan baru dengan reka bentuk piawai JKR R3 ini terbahagi kepada 2 pakej pembinaan di mana pakej 1 sepanjang 24 kilometer telah siap dibina dan dibuka kepada lalu-lintas pada 11 November 2010 yang lalu. Manakala sehingga 31 Mei 2011, kemajuan pembinaan Pakej 2 melibatkan jalan sepanjang hampir 20

kilometer ialah 95% siap dan dijangka akan dibuka sepenuhnya

kepada lalu-lintas selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2011.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK 13 JUN 2011
TARIKH	(ISNIN)
SOALAN	NO. 107

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan memberi penjelasan status pembinaan UiTM di kawasan Sik. Bilakah UiTM ini akan mula dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah dibuat dengan mengambilkira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan. Kerajaan berpandangan bahawa jumlah IPTA sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan pendidikan tertiar negara. Fokus kini lebih ke arah memperkasakan IPTA sedia ada.

Kementerian belum bercadang untuk menambah bilangan IPTA sedia ada di seluruh negara termasuklah membangunkan UiTM di kawasan Sik, Kedah. Pada masa ini, terdapat dua (2) buah IPTA di negeri Kedah iaitu

Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Merbok.

No. Soalan : PR-
1242-L43574

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [
TUMPAT]**

TARIKH 13 Jun 2011

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaafar [Tumpat] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah dasar Malaysia terhadap perkembangan di Yemen, Bahrain, Libya, Syria dan Negara-negara Arab lain yang menghadapi pergolakan dalaman sekarang ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat daripada Tumpat bersama dengan soalan Yang Berhormat daripada Lenggong pada tarikh yang sama kerana kedua-duanya menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.
3. Malaysia berpandangan bahawa pergolakan politik yang berlaku di beberapa negara di Asia Barat dan Afrika Utara seperti Yemen, Bahrain, Syria, Mesir dan Libya antara lain adalah disebabkan oleh masalah politik dan ekonomi dalaman di negara-negara berkenaan akibat dari peningkatan kadar pengangguran, kemiskinan, kadar inflasi yang tinggi serta ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara.
4. Dasar luar Malaysia adalah tidak mencampuri dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara. Namun begitu, Malaysia berharap agar konflik di negara-negara berkenaan dapat diselesaikan secara aman dan melalui rundingan. Malaysia juga akan meneruskan hubungan dua hala diplomatik dengan negara-negara berkenaan untuk memelihara kepentingan negara dari segi

politik dan ekonomi, dan demi menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di sana.

5. Pergolakan politik yang berlaku di beberapa negara di Asia Barat dan Afrika Utara sekiranya berlarutan dan tidak ada penyelesaian yang memuaskan semua pihak di negara-negara tersebut, akan memberi kesan ke atas ekonomi dunia termasuk Malaysia akibat daripada kenaikan harga petroleum dan gas di pasaran dunia.

6. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah termasuk membawa pulang rakyat Malaysia dari Mesir, Libya dan Yemen. Malaysia juga akan terus memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah-langkah yang wajar demi memastikan kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi terus terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD
[MUKAH]
TARIKH 13 JUN 2011
SOALAN

SOALAN NO : 111

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa peruntukan yang telah diluluskan untuk memperbaik pulih dan menaiktaraf Klinik Kesihatan Luar di Pekan Balingian Bahagian Mukah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan ada menerima permohonan bagi tujuan memperbaiki dan baik pulih Klinik Kesihatan Balingian dari pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak. Peruntukan yang telah diluluskan untuk Klinik Kesihatan Luar di Pekan Balingian ialah sebanyak RM 31,990.00. Peruntukan ini telah diluluskan pada tahun 2009 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1. Daripada jumlah yang dinyatakan di atas, sebanyak RM19,700 telah diluluskan untuk membuat jalan masuk ke klinik tersebut dan RM12,290 diluluskan untuk kerja pendawaian klinik dan kuarters.

SOALAN NO : 111

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN
DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]
13 JUN 2011

SOALAN

DATUK BILLY ABIT JOO [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak klinik desa yang di bina di pedalaman Sarawak dalam 20 tahun kebelakangan ini. Berapa banyak permohonan untuk membina klinik desa di pedalaman Sarawak selain daripada Long Urun di Belaga dan kenapakah permohonan-permohonan ini ditolak.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 20 tahun kebelakangan ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah membina sebanyak 226 buah klinik di Sarawak dimana 185 buah adalah klinik kesihatan, 8 buah klinik desa dan 23 buah klinik kesihatan ibu dan anak. Dari 226 buah klinik tersebut, sebanyak 184 buah klinik telah didirikan di kawasan luar bandar dan pedalaman manakala sebanyak 42 buah terletak di kawasan bandar.

Dalam *first rolling plan*, Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak 40 buah projek Klinik kesihatan pelbagai kategori telah dipohon. Daripada jumlah tersebut hanya 13 buah projek yang telah diluluskan. Dalam *second rolling plan*, Rancangan Malaysia Ke-10 pula terdapat 35 buah Klinik Kesihatan yang terdiri daripada Klinik Kesihatan Jenis 2

hingga Klinik Kesihatan Jenis 6 telah dipohon. Bilangan Klinik Kesihatan yang akan dibina tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancangan Ekonomi.

Permohonan dan kelulusan bagi membina kemudahan kesihatan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 adalah tertakluk kepada beberapa faktor seperti lokasi, kemudahan kesihatan sedia ada, kepadatan penduduk mestilah telah mempunyai tanah/tapak yang telah dikenalpasti.

Manakala bagi KK Long Urun pula, ia tidak dimasukan kedalam RMK-10 kerana ia telah dimasukkan ke dalam rancangan pembangunan Pelan Penempatan Semula apabila Empangan Murum siap sepenuhnya.

NO SOALAN: 112

PEMBERITAHUAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

Y.B DATO' SERI ABDUL HADI
BIN AWANG
(MARANG)

TARIKH

13.06.2011
(ISNIN)

SOALAN

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah positif yang sedang diambil oleh Kementerian dalam usaha menambah baik prestasi Kementerian dalam perkara berikut:

- (a) meningkatkan gaji minimum anggota ATM yang sekarang terpaksa bekerja sambilan untuk menampung kos kehidupan yang semakin mendesak; dan
- (b) melaksanakan Akta Veteran bagi membela nasib 300,000 veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sebahagian besarnya tidak berpencen

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya hendak merakamkan ucapan terima kasih di atas

keperihatinan Yang Berhormat Marang kepada permasalah kebijakan warga dan juga veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Gaji ATM yang dinikmati sekarang adalah tertakluk kepada Sistem Saraan Malaysia (SSM) berkuatkuasa mulai 1 Julai 2007. Untuk makluman, gaji Perajurit Muda semasa latihan bermula dengan RM821.98 dan meningkat selepas menamatkan latihan kepada RM889.20 (P1 T1) sebulan iaitu gaji anggota yang berpangkat Prebet. Manakala gaji Pegawai Kadet bermula dari RM976.96 (P1 T1) dan apabila ditauliahkan ke pangkat Leftenan Muda gaji permulaannya ialah sebanyak RM1527.50 (P1 T1).

Dalam hal menjaga kesejahteraan dan kebaikan warga ATM, Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil langkah/inisiatif yang berterusan demi menjaga moral. Antara usaha terkini meliputi usaha untuk penambahbaikan Skim Perkhidmatan dan Gaji ATM supaya ianya berdaya saing dan menarik sejajar dengan komitmen Perkhidmatan ATM. Skim terbaru ini dipercayai dapat memartabatkan Perkhidmatan ATM sebagai satu perkhidmatan yang istimewa dan menarik serta *versatile* dalam penugasannya bagi memenuhi cabaran era masa kini. Skim tersebut sedang dalam kajian akhir Jabatan Perkhidmatan Awam. Dengan Skim Perkhidmatan dan Gaji ATM 2010 itu nanti, maka isu gaji minimum anggota ATM akan dapat diatasi sewajarnya. ATM juga sedang mengkaji beberapa bayaran insentif dan elaun kepakaran ATM bagi menambahbaik faedah-faedah yang sejajar dengan beban tugas anggota ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu kerja sambilan tidak timbul kerana anggota ATM tidak dibenarkan untuk bekerja sambilan dan ianya bertentangan dengan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh ATM. Di samping itu, anggota ATM diberi pendedahan dan kesedaran berhubung kepentingan aspek pengurusan kewangan melalui seminar dan bengkel yang dianjurkan di setiap perkhidmatan. Selain itu juga, banyak kemudahan dan keperluan telah disediakan oleh Kerajaan seperti Elaun Kos Sarawak (Cost of Leaving Allowance - COLA), elaun perumahan, elaun perjalanan ke

tempat kerja dan kemudahan infrastruktur seperti perumahan, sekolah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Rang Undang-Undang Veteran 2011 merupakan sebuah akta induk yang mengandungi beberapa peruntukan berhubung aspek hal ehwal veteran termasuk suatu peruntukan yang membolehkan (*enabling provision*) Menteri membuat peraturan yang berkaitan kemudahan-kemudahan dan keistimewaan kebajikan Veteran ATM termasuk dari segi perubatan. 'Dengan adanya RUU ini, maka semua peruntukan kemudahan perubatan dan kebajikan yang kini hanya tertulis dalam arahan pentadbiran semasa Kerajaan akan mempunyai status undang- undang yang tidak mudah diubah atau terhakis.

Adalah menjadi hasrat utama Kementerian ini menggunakan Akta Veteran sebagai mekanisma untuk mentertib dan memperkasakan lagi hak, keistimewaan dan kepentingan veteran dari hal bantuan kebajikan dan perubatan terutama sekali bagi mereka yang tidak berpencen.

NO SOALAN : 113

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
DATUK HALIMAH MOHD SIDIQUE

TARIKH

13 MEI 2011

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah warga asing yang bekerja di ladang FELDA di seluruh Negara dan nyatakan langkah FELDA bagi menarik lebih ramai pekerja tempatan bekerja di ladang milik FELDA.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI
DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pekerja asing adalah untuk mengatasi masalah mendapatkan pekerja tempatan untuk bekerja di ladang FELDA. Masalah kekurangan pekerja ladang bukan sahaja dihadapi oleh FELDA malahan di syarikat ladang swasta di negara ini. Pekerja diperlukan untuk melaksanakan kerja menuai buah tandan segar (BTS), mengangkut hasil ke kilang, menoreh getah, membaja, meracun, penjagaan pokok, mencantas pelepas dan sebagainya.

Sehingga kini bilangan keseluruhan pekerja asing yang bekerja di ladang FELDA adalah berjumlah 37,971 orang yang terdiri daripada pekerja daripada Negara Indonesia, Bangladesh, Thailand, Filipina dan Nepal. Pecahan bilangan pekerja mengikut negara ialah Indonesia

seramai 28,295 orang; Bangladesh seramai 8,721 orang; Thailand seramai 111 orang; Filipina seramai 742 orang dan Nepal seramai 102 orang.

Sungguhpun begitu, FELDA masih menggunakan pekerja tempatan terutamanya di ladang yang berhampiran dengan penempatan peneroka. Bagi memastikan khidmat tenaga kerja tempatan tidak diketepikan, FELDA telah mengambil beberapa langkah yang sesuai menarik minat mereka bekerja di ladang FELDA. Antaranya mengadakan kempen-kempen di rancangan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung dan gabungan pertubuhan belia FELDA. Pekerja tempatan yang sesuai akan dipilih untuk bekerja di ladang FELDA. Sebagai daya tarikan kepada pekerja tempatan, mereka ditawarkan kadar gaji dan upah yang menarik. Justeru itu, FELDA telah menetapkan kadar bayaran dan upah mengikut asas perkiraan melalui perjanjian kolektif antara *Malaysian Agriculture Producers Association* (MAPA) dan *National Union Plantation Workers* (NUPW), di samping insentif dan kemudahan yang ditawarkan seperti insentif kehadiran, bayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan PERKESO.

Tawaran kemudahan lain turut disediakan seperti menyediakan tempat tinggal dan kemudahan rumah mengikut peruntukan dalam Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Skim Bantuan Perumahan Pekerja Tempatan (SBPPT) kepada semua pekerja tempatan yang berkelayakan yang bertujuan membantu pekerja memiliki rumah kediaman setelah bersara. Kaedah pelaksanaan SBPPT berdasarkan kepada nilai caruman RM100.00 sebulan dan berkhidmat tidak kurang sepuluh tahun sehingga mencapai umur persaraan lima puluh lima (55) tahun. Pengeluaran wang dari SBPPT hanya boleh dibuat setelah pekerja mencapai umur 55 tahun. Sebagai contoh, jika seorang pekerja tempatan mula bekerja di ladang Felda FPSB pada usia 25 tahun, maka pada usia 55 tahun barulah beliau layak memperoleh bayaran sebanyak RM36.000.00 (RM100.00/bulan x 12 bulan x 30 tahun bekerja). Selain itu juga, tabung yang disediakan ini juga bertujuan untuk menggalakkan pekerja bekerja sehingga bersara di ladang Felda. Pekerja setelah menerima wang tabung ini masih boleh tinggal di rumah yang telah disediakan jika ada di antara

FELDA juga menyediakan bantuan persekolahan anak sebanyak RM100.00/orang untuk sekolah rendah dan RM150.00/orang setiap awal tahun persekolahan. Bantuan pengangkutan bas sekolah secara percuma kepada anak pekerja ke sekolah rendah dan menengah, kemudahan TASKA dan TADIKA, insuran kemalangan berkelompok yang dibayar sepenuhya oleh majikan, **keluarganya yang masih bekerja sebagai pekerja ladang**. rawatan perubatan 200.00/setahun untuk pekerja bujang dan RM300.00/setahun bagi yang berkeluarga, bantuan khairat kematian kepada keluarga jika pekerja meninggal dunia sebanyak RM1000.00 dan RM500.00 jika isteri/anak meninggal dunia.

Pada asasnya semua pekerja tempatan yang bekerja di ladang-ladang FPSB telah menerima bayaran bonus secara tidak langsung melalui bonus harga yang ditetapkan berdasarkan harga sawit semasa.

oooooooooooooooooooo

**Soalan No: 1 **

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN
2011**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW

TARIKH : 13 JUN 2011

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah JKPP di Negeri Pulau Pinang dan senaraikan jumlah yang ditubuhkan dan apakah peruntukan sedia ada dan elaun untuk setiap JKPP pada 2011. Adakah menteri berpuas hati dengan prestasi JKPP.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah JKPP Pulau Pinang yang diluluskan adalah sebanyak 142 buah. Pecahan bilangan JKPP Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut:

(i)	Barat Daya	34 JKKKP
(ii)	Seberang Perai Selatan	23 JKKKP
(iii)	Seberang Perai Tengah	31JKKKP
(iv)	Seberang Perai Utara	35 JKKKP
(v)	Timur Laut	19 JKKKP
	Jumlah	142 JKKKP

Berdasarkan bilangan ini, Peruntukan sebanyak RM3.4 juta akan disediakan pada tahun 2011. Sejumlah RM1.7 juta telah disalurkan bagi tempoh setengah tahun pertama iaitu Januari hingga Jun 2011.

Elaun yang disediakan bagi setiap JKKKP adalah seperti berikut:

- (i) Elaun bulanan Pengerusi sebanyak RM800;
- (ii) Elaun bulanan Setiausaha sebanyak RM200;
- (iii) Elaun Pengendalian Mesyuarat sebanyak RM100 sebulan sekiranya mesyuarat diadakan;
- (iv) Elaun Kehadiran Mesyuarat untuk ahli JKKKP yang hadir mesyuarat sebanyak RM50 setiap kali hadir

mesyuarat bulanan; dan

- (v) Bayaran Wad Kelas 2 bagi semua anggota yang menerima rawatan wad sebanyak RM25 sehari tertakluk maksima 14 hari setahun.

Berhubung dengan prestasi JKKKP, secara amnya Kerajaan telah berpuas hati. Ini dapat dilihat daripada kenaikan elaun Pengerusi JKKKP daripada RM450 sebulan kepada RM800 sebulan dan elaun kehadiran mesyuarat daripada RM30 sebulan kepada RM50 sebulan semasa Bajet 2011 yang lalu.

//£>
NO SOALAN Z&F

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13/06/2011

SOALAN

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :

- (a) menamakan kesemua GLC dan yang telah terlibat dalam perjanjian satu pihak dengan sektor swasta seperti antara Petronas dengan Omak Simfoni Sdn Bhd dan Omak Damai Sdn Bhd yang dikendalikan oleh Datuk Fathis,

- Datuk Fuad dan Datuk Farish dan antara MAS yang terlibat pembekal makanan; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membatalkan perjanjian satu pihak dimana ia bertentangan dengan polisi awam.

DRAF JAWAPAN BAH AG IAN/AGE NSI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang terlibat di bawah Program Transformasi GLC adalah:

- i) Affin Holdings Bhd
- ii) Axiata Group Berhad
- iii) BIMB Holdings Bhd
- iv) Boustead Holdings Bhd
- v) CIMB Group Holdings Bhd
- vi) Chemical Company of Malaysia Bhd
- vii) Malayan Banking Bhd
- viii) Malaysia Airports Holdings Bhd
- ix) Malaysia Building Society Bhd
- x) Malaysian Airline System Bhd
- xi) Malaysian Resources Corp Bhd
- xii) POS Malaysia Bhd
- xiii) Proton Holdings Bhd
- xiv) Sime Darby Bhd
- xv) Telekom Malaysia Bhd
- xvi) Tenaga Nasional Bhd
- xvii) TH Plantations Bhd
- xviii) UEM Group Bhd
- xix) UMW Holdings Bhd

2. Secara dasarnya, Kerajaan tidak terlibat dan tidak wajar campur tangan dalam keputusan

perolehan komersial yang dibuat oleh mana-mana pihak termasuk oleh GLC. Perjalanan operasi serta keputusan perniagaan termasuk keputusan berkaitan perolehan setiap GLC adalah dibuat oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah syarikat masing-masing yang berpandukan kepada garis panduan dalam Buku Merah (berkaitan Garis Panduan & Amalan Terbaik Perolehan) terbitan Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG). Buku Merah menggariskan tentang garis panduan dan amalan terbaik dalam proses perolehan yang akan memberi faedah kepada GLC, antara lainnya meminimumkan Jumlah Kos Pemilikan (*Total Cost of Ownership*), memastikan kitaran perolehan yang cekap dan meningkatkan ketelusan serta menghapuskan amalan rasuah.

2. Di samping itu, sebarang perjanjian yang ditandatangani oleh GLC dengan mana-mana pihak turut mengambil kira pelbagai faktor termasuk pertimbangan komersial bagi memastikan perjanjian tersebut tidak berat sebelah dan GLC tidak berada dalam kedudukan yang merugikan.

NO. AUM : 119 NO. AUP : 116

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **TUAN AMRAN BIN AB GHANI**

[TANAH MERAH]

TARIKH **13 JUN 2011**

RUJUKAN **3656**

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tindakan yang diambil terhadap Utusan Malaysia yang mencetuskan kontroversi dengan artikel 'Kristian Agama Rasmi' yang bersifat

perkauman dan hasutan baru-baru ini terlalu ringan berbanding dengan tindakan yang pernah diambil terhadap akhbar lain seperti Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah yang telah mengemukakan soalan.

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian iaitu, tidak menyiar bahan-bahan penerbitan yang:

- a. memudaratkan ketenteraman awam;
- b. memudaratkan kemoralan;
- c. memudaratkan keselamatan;
- d. menggemparkan fikiran orang ramai;
- e. berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- f. memudaratkan kepentingan awam; atau
- g. memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan, termasuk akhbar Utusan Malaysia didapati menyiar artikel atau rencana yang berbaur sentimen perkauman sehingga mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, maka Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan.

Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
- b) Memberi surat tunjuk sebab;
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Kementerian menggantung permit penerbitan akhbar Sarawak Tribune selama dua minggu adalah kerana menyiaran karikatur yang menghina Nabi Muhammad. Akhbar China Press dan Suara Keadilan pula, telah didapati menyiaran berita tidak benar melibatkan perletakan jawatan Ketua Polis Negara dan Suara Keadilan telah menyiaran berita yang tidak benar bertajuk Felda Bankrap.

Manakala akhbar Utusan Malaysia pula hanya menyiaran berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '**Kristian Agama Rasmi?**' pada keluaran 7 Mei 2011. Oleh yang demikian Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011. Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.

SOALAN NO: 117

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 13 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah akta gaji minimum boleh dilaksanakan dan berapakah jumlah yang telah dicadangkan.

PR-1242-L44367

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rang Undang-Undang Majlis Konsultasi Gaji Negara (RUU MKGN) akan dibentangkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ke empat, Parlimen Kedua belas, yang sedang berlangsung sekarang. Setelah RUU MKGN ini diluluskan oleh kedua-dua dewan, Majlis Konsultasi Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah termasuk menentukan kadar

gaji minimum dan mekanisme pelaksanaannya. Majlis Konsultasi Gaji Negara akan berperanan membuat perakuan / syor gaji minimum dan seterusnya akan mengangkat syor tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Dalam hal ini, polisi gaji minimum boleh dilaksanakan setelah semua proses dan persediaan diselesaikan, yang dijadualkan penghujung tahun ini.

2. Berhubung dengan kadar gaji minimum, buat masa ini ia masih diperhalusi dari pelbagai aspek seperti inflasi, produktiviti, kadar pengangguran, pertumbuhan KDNK dan sebagainya. KSM telah melantik Bank Dunia untuk menjalankan satu kajian mengenai gaji minimum dan dijangka Kementerian menerima laporan Bank Dunia pada akhir bulan Jun 2011.

<DR(13-28 Juti 2011)fms...31.S.H/l6tCuIMiStniC,44367

U8*

NO SOALAN :f2i

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]**
PERTANYAAN :LISAN
TARIKH :13/06/2011

SOALAN

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah institusi asing seperti Australia and New Zealand Banking Group Ltd, yang sudahpun memiliki 23.8% di dalam AMMB Holdings Berhad dibenarkan untuk membeli pegangan ekuiti bank-bank tempatan yang lain, seperti RHB Bank Berhad contohnya.

DRAF JAWAPAN BAH AG IAN/AGE NSI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya, dasar Bank Negara Malaysia tidak membenarkan pemegang-pemegang saham untuk mempunyai kepentingan ekuiti yang signifikan dalam dua institusi kewangan yang mengendalikan kelas perniagaan yang sama. Dasar ini diterima pakai secara konsisten atas semua bank tempatan dan bank asing, melainkan wujudnya isu pemegangan bersilang berikutan kemasukan peserta baru dalam pasaran atau penstrukturkan semula kumpulan kewangan asing di luar negara. Dalam situasi sedemikian, perlindungan yang mencukupi diterapkan bagi mengurangkan risiko percanggahan kepentingan.

SOALAN (119)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 13JUN 2011 (ISNIN)

DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
[LIPIS]

SOALAN

DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN I LIPIS 1 minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pengagihan lesen perniagaan mengikut kaum yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Selangor, Kelantan, Johor dan Pulau Pinang sejak tahun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen premis perniagaan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan Undang- Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga mengeluarkan lesen untuk perniagaan kecil di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja dan Undang- Undang Kecil (UUK) Pasar. Pengagihan lesen oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tidak mengira kaum asalkan peniaga tersebut mematuhi syarat- syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sebagai contoh, bagi tempoh 30 Jun 2008 sehingga 31 Disember 2010 jumlah lesen dan permit perniagaan kecil yang merangkumi pasar malam, pasar tani, pasar awam ataupun pasar basah, penjaja statik, penjaja bergerak dan ruang niaga kecil di pasar raya ataupun *hypermarket* yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut kaum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Selangor, Kelantan, Johor dan Pulau Pinang adalah sebanyak 120,150 seperti berikut: -

[REDACTED]	KAUM			
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
Johor	19,592	16,598	1,106	182
Kelantan	15,170	950	31	192
Pahang	7,581	2,128	201	12
Pulau Pinang	2,400	<u>8,201</u>	711	22
Selangor	22,067	8,737	3,058	136
Wilayah Persekutuan	7,251	3,464	518	

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

No. Soalan :

120 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

TARIKH 13 JUN 2011 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan rujukan piawaian pengangkutan awam terbaik yang dipakai oleh Malaysia dan usaha ke arah

mencapainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ketika ini sedang membangunkan Rangka Kerja Pengangkutan Awam Darat di peringkat nasional. Rangka Kerja ini akan merangkumi Dasar Pengangkutan Awam Darat Negara, Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara, dan Pelan Pengangkutan Awam Darat bagi **Greater KUKlang Valley**. Rangka kerja dan pelan-pelan ini dijangka akan dimuktamadkan pada September 2011. Pelan induk ini dibangunkan dengan merujuk, meneliti dan mengaplikasi amalan

terbaik di seluruh dunia dalam pengangkutan awam yang meliputi aspek penetapan polisi, pengawalseliaan dan perancangan bersepadu antara mod pengangkutan.

Selain itu, SPAD juga sedang membangunkan pelan strategik penambahbaikan bagi setiap mod pengangkutan awam seperti rel, bas dan teksi. Adalah diharapkan dengan wujudnya pelan induk ini, pengusaha pengangkutan awam dan masyarakat akan dapat melihat dan memahami arah tuju penambahbaikan sektor pengangkutan awam negara yang akan dipandu oleh SPAD.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA : **DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD**
 [SIPITANG]
TARIKH **13 JUN 2011**
SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan kempen Jangan Merokok yang dilaksanakannya, juga jumlah mereka yang telah dikenakan tindakan kompaun akibat kesalahan merokok di kalangan remaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam mengekang impak negatif tembakau yang kian membebani Negara, usaha kawalan tembakau secara komprehensif perlu dilaksanakan serentak melibatkan pelbagai pendekatan. Antaranya adalah peningkatan cukai dan harga rokok, promosi kesihatan (kempen Tak Nak Merokok), ketetapan perundungan seperti pewartaan & penguatkuasaan kawasan-kawasan larangan merokok, larangan iklan, tajaan dan promosi rokok, peruntukan pembungkusan dan pelabelan rokok, larangan merokok oleh orang belum dewasa (OBD) dan penyediaan khidmat bantuan berhenti merokok.

Promosi dan pendidikan kesihatan yang dimaksudkan kempen Jangan Merokok disini adalah melalui kempen Tak Nak Merokok', yang mengambil masa antara 5 hingga 10 tahun untuk menampakkan impak yang signifikan terhadap perubahan perlakuan (*behaviour*) atau amalan anggota masyarakat. Kementerian Kesihatan

Malaysia telah menjalankan beberapa penyelidikan untuk menilai beban merokok dan keberkesanan (*effectiveness*) kempen media 'Tak Nak Merokok', iaitu masing-masing melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*National Health and Morbidity Survey- NHMS*) dan Kajian Impak Kempen Media Tak Nak Merokok'.

Dari responden berjumlah 1986 orang yang disampel secara rawak dan terdiri dari 353 perokok, keberkesanan pencapaian Kempen Media Tak Nak Merokok' untuk tahun 2010, adalah seperti berikut:

1. Sebanyak 91% dari responden telah terdedah kepada mesej yang disampaikan melalui Kempen Media Tak Nak. (Sasaran bagi indikator ini adalah 80%)
2. Sebanyak 99% dari responden yang terdedah kepada Kempen Media Tak Nak memahami mesej yang disampaikan (Sasaran bagi indikator ini ialah sekurang-kurangnya 80%)
3. Sebanyak 91% dari responden bukan perokok yang terdedah kepada Kempen Media Tak Nak telah menyatakan hasrat bagi menzahirkan hak untuk bebas dari gangguan asap rokok. (Sasaran bagi indikator ini ialah sekurang-kurangnya 50% dari responden bukan perokok)
4. Sebanyak 78% daripada responden yang merokok menyatakan hasrat untuk berhenti merokok. (Sasaran bagi indikator ini ialah sekurang-kurangnya 50% dari responden perokok)
5. Sebanyak 35% dari responden bukan perokok yang terdedah kepada kempen Tak Nak telahpun **mengambil tindakan** menzahirkan hak untuk bebas dari gangguan asap rokok. (Sasaran bagi indikator ini ialah sekurang-kurangnya 30% bukan perokok)
6. Sebanyak 59% daripada responden yang merokok telah pun mengambil

inisiatif sendiri untuk berhenti merokok. (Sasaran bagi indikator ini ialah sekurang-kurangnya 30% perokok)

(Hasil pencapaiannya adalah seperti Lampiran 2).

Selain itu, 3 buah kajian penilaian kempen 'Tak Nak Merokok' yang dijalankan pada 2005, 2007 dan 2009 juga telah turut mencatat impak positif kempen ini dari segi tahap pendedahan kepada mesej, butiran mesej-mesej kempen yang boleh diingati (*message recall*) dan hasrat perokok untuk berhenti merokok.

Mengikut peruntukan perundangan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004), Bahagian III Kawalan Penjualan Hasil Tembakau, Subperaturan 8, Penjualan hasil tembakau kepada orang belum dewasa, jumlah tindakan kompaun akibat kesalahan penjualan atau merokok di kalangan orang belum dewasa adalah 3444 pada tahun 2010, manakala untuk suku tahun pertama 2011 (daripada bulan Januari hingga April) adalah 1198.

No. Soalan : PR-

1242-L44693

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
NASARAH[LENGGONG]**

TARIKH

13 Jun 2011

SOALAN

**YB Dato¹ Shamsul Anuar Bin Nasarah
[Lenggong] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan**

- (a) pendirian Malaysia terhadap pergolakan yang berlaku di kebanyakan negara seperti Bahrain, Sudan, Mesir, Libya dan beberapa negara Asia Barat yang lain; dan

- (b) apakah kesan kepada kepentingan Malaysia terutama berkaitan ekonomi dan lain-lain bidang di negara-negara berkenaan dan apakah langkah dilakukan bagi menghadapinya.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat daripada Tumpat bersama dengan soalan Yang Berhormat daripada Lenggong pada tarikh yang sama kerana kedua-duanya menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.
3. Malaysia berpandangan bahawa pergolakan politik yang berlaku di beberapa negara di Asia Barat dan Afrika Utara seperti Yemen, Bahrain, Syria, Mesir dan Libya antara lain adalah disebabkan oleh masalah politik dan ekonomi dalaman di negara-negara berkenaan akibat dari peningkatan kadar pengangguran, kemiskinan, kadar inflasi yang tinggi serta ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara.
4. Dasar luar Malaysia adalah tidak mencampuri dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara. Namun begitu, Malaysia berharap agar konflik di negara-negara berkenaan dapat diselesaikan secara aman dan melalui rundingan. Malaysia juga akan meneruskan hubungan dua hala diplomatik dengan negara-negara berkenaan untuk memelihara kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi, dan demi menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di sana.

5. Pergolakan politik yang berlaku di beberapa negara di Asia Barat dan Afrika Utara sekiranya berlarutan dan tidak ada penyelesaian yang memuaskan semua pihak di negara-negara tersebut, akan memberi kesan ke atas ekonomi dunia termasuk Malaysia akibat daripada kenaikan harga petroleum dan gas di pasaran dunia.
6. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah termasuk membawa pulang rakyat Malaysia dari Mesir, Libya dan Yemen. Malaysia juga akan terus memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah-langkah yang wajar demi memastikan kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi terus terjamin.

Sekian, terima kasih.